

**MOTIF DAN WARNA DALAM BUDAYA CINA
PERANAKAN: KAJIAN KES KE ATAS KASUT MANIK
TRADISIONAL**

SITI KHADIJAH FARHAH SULAIMAN

**PUSAT KEBUDAYAAN
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2019

**MOTIF DAN WARNA DALAM BUDAYA CINA
PERANAKAN: KAJIAN KES KE ATAS KASUT MANIK
TRADISIONAL**

SITI KHADIJAH FARHAH SULAIMAN

**DISERTASI YANG DIKEMUKAKAN SEBAGAI
MEMENUHI KEPERLUAN BAGI SARJANA KESENIAN
(SENI RUPA)**

**PUSAT KEBUDAYAAN
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2019

UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: **SITI KHADIJAH FARHAH SULAIMAN**

No. Matrik: **RGB130006**

Nama Ijazah: **SARJANA KESENIAN (SENI RUPA)**

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”):

MOTIF DAN WARNA DALAM BUDAYA CINA PERANAKAN: KAJIAN KES KE ATAS KASUT MANIK TRADISIONAL

Bidang Penyelidikan:

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh:

Nama:

Jawatan:

COLOURS AND MOTIVE IN THE STRAITS-BORN CHINESE: A CASE STUDY ON THE TRADITIONAL BEADED SHOES

ABSTRACT

Malaysia is a unique country due to the variety of races and nationalities which consist of the Malays, Chinese, Indians, aboriginal people in the Peninsular of Sabah and Sarawak including the descendants of the Straits-born Chinese (*Cina Peranakan*). In order to complete the study, the Straits-born Chinese is selected as the main focus by investigating the art of beaded embroidery specifically on the *Peranakan* beaded shoes embarked within the culture. Nowadays, the beaded shoes concern more on geometrical and floral motive such as roses. However, the the motives such as human-like figure and fauna are no longer being made as the completion process is complicated. Despite that, those two motives were quite popular in the past as it portrays their own meanings. Apart from that, the objective of the study is to identify and analyse the motives and colours used on the beaded shoes as well as the influential value of the design. Furthermore, the data of the research are collected via observations, field study, documentation analysis on the images and the motives used towards the beaded shoes for further classification and investigation. As a result, the motives used on the beaded shoes are influenced by three cultures which are the Chinese, Malays and British. The fusion of these cultural elements made the beaded shoes unique and renowned its title as one of the historical shoes in Malaysia. On top of that, the beaded shoes are also well-known in Nanyang region (South China Sea); Malacca, Penang and Singapore.

Keywords: Motive and colors used in traditional beaded shoes, The Straits-born Chinese beaded shoes, Baba Nyonya, Influence of the Chinese, Malays and British

MOTIF DAN WARNA DALAM BUDAYA CINA PERANAKAN: KAJIAN KES KE ATAS KASUT MANIK TRADISIONAL

ABSTRAK

Malaysia sebuah negara yang unik kerana mempunyai kepelbagaian kaum dan bangsa. Antara kaum-kaum yang terdapat di Malaysia ini ialah kaum Melayu, Cina, India, orang asli di Semenanjung, Sabah dan Sarawak serta lain-lain kaum termasuklah keturunan Cina Peranakan. Dalam kajian ini, kaum Cina Peranakan dipilih sebagai perkaitan tajuk kajian bagi mengetahui hasil kesenian iaitu sulaman manik sosio-budaya tersebut. Umum mengetahui, Cina Peranakan merupakan golongan yang masih menetap di Malaysia, justeru kajian ini akan tertumpu kepada aksesori kasut manik tradisional golongan itu. Kasut manik Cina Peranakan pada zaman ini dilihat lebih memfokuskan kepada motif flora seperti bunga ros dan motif geometri. Tiada lagi motif berbentuk figura manusia mahupun motif fauna kerana dianggap rumit dalam penghasilannya. Motif-motif berbentuk figura manusia dan fauna yang terdapat pada kasut manik suatu ketika dahulu amat popular dan pengkaji berpendapat ianya mempunyai maksudnya yang tersendiri. Dalam objektif kajian, pengkaji akan mengenalpasti motif dan warna pada kasut manik tradisional Cina Peranakan serta mengetahui pengaruh dalam rekaannya. Selain itu juga, analisa ke atas motif dan warna kasut manik tersebut turut dijalankan. Kajian lapangan, pemerhatian dan analisis dokumentasi gambar kasut manik serta motif-motif yang digunakan pada kasut manik telah dikumpulkan untuk klasifikasi dan analisis melalui teori seni visual. Pengkaji mendapati motif-motif yang terdapat pada kasut manik telah dipengaruhi oleh tiga budaya; Cina, Melayu dan British dan kerana resapan tiga budaya inilah menjadikan kasut manik tradisional Cina Peranakan sangat unik dan disebut-sebut sebagai kasut bersejarah sehingga dikenali di seluruh dunia khususnya kepada rantau Nanyang (laut China Selatan); Melaka, Penang dan Singapura.

Kata kunci: Motif dan warna kasut manik tradisional, kasut manik Cina Peranakan, Baba Nyonya, Pengaruh Cina, Melayu dan British

University of Malaya

PENGHARGAAN

Ucapan setinggi-tinggi rasa penghargaan dan jutaan terima kasih kepada:

Puan Elezaa Zainuddin (penyelia) kerana sudi menjadi penyelia pengkaji serta berkat kesabaran beliau dalam menyemak, memberi tunjuk ajar dan menasihati pengkaji yang telah berputus asa untuk meneruskan pengajian pada separuh jalan dan kini dapat menamatkan pengajian ini sehingga selesai, **Dr. Roslina Ismail, Puan Suraini Pairan serta staf dan pegawai Ijazah Tinggi Pusat Kebudayaan, Universiti Malaya (PKUM)** dalam melayan kerenah pengkaji sepanjang pengajian ini dan **Dr. Rafeah Legino (pemeriksa luar)** yang telah menyemak disertasi pengkaji walaupun pelbagai kesulitan telah timbul sepanjang pembetulan disertasi ini. Tidak lupa kepada **Wang Cheng Yong dan Loh Leen Choo (Brenda)** yang tidak lokek berkongsi ilmu dan pengalaman sepanjang pengajian bersama mereka di PKUM.

Rasa penghargaan dan terima kasih ini juga buat responden-respondan kajian:

Encik Tan Lian Kim (Bert Tan), Encik Bonny Wee, Encik K. Nadarajan Raja, Puan Susan Hau Fong Lian (Susan Lim), Puan Maszni Abdul Aziz, Encik Raymond Yeo, Pn. Rosidah Abdullah dan Encik Nathan.

Rasa penghargaan serta jutaan cinta dan kasih sayang kepada:

Abah, Mummy dan keluarga kerana berkat kesabaran, keprihatinan, dorongan dan kata-kata semangat kepada pengkaji yang pelbagai ragam dalam menamatkan pengajian ini sehingga akhirnya!

Akhir kata:

“Jazakallahu khairan, semoga Allah membalasmu dengan penuh kebaikan dan memudahkan urusan dunia akhirat kalian, amin ya rabb!”

Oleh pengkaji,

**SITI KHADIJAH FARHAH SULAIMAN
RGB130006**

Pelajar Sarjana Kesenian (Seni Rupa)
Pusat Kebudayaan, Universiti Malaya.

ISI KANDUNGAN

Abstract	iii
Abstrak	iv
Penghargaan	vi
Isi Kandungan	vii
Senarai Gambarajah	ix
Senarai Jadual.....	xv
Senarai Simbol dan Singkatan	xvi
 BAB 1: PENGENALAN	 1
1.1 Latar belakang kajian.....	1
1.2 Permasalahan kajian	2
1.3 Objektif kajian	4
1.4 Soalan kajian.....	4
1.5 Skop kajian	4
1.6 Kepentingan kajian	6
1.7 Organisasi disertasi.....	6
 BAB 2: KAJIAN LITERATUR.....	 8
2.1 Sejarah Cina Peranakan	8
2.2 Hasil dapatan kajian yang lepas, sama atau berkaitan	15
2.3 Evolusi terhadap kasut manik tradisional Cina Peranakan.....	19
 BAB 3: METODOLOGI KAJIAN	 75
3.1 Pengkelasan kaedah kajian	75
3.2 Kaedah kajian 1	76

3.2.1	Kajian lapangan	76
3.2.2	Pemerhatian	97
3.2.3	Analisa dokumen	98
3.3	Kaedah kajian 2	99
BAB 4: ANALISA KAJIAN		101
4.1	Pemilihan motif fauna sebagai motif analisa kajian	101
4.2	Kasut manik motif bunga dan burung	102
4.3	Kasut manik motif ikan emas	112
4.4	Kasut manik motif anjing	119
4.5	Kasut manik motif ayam	130
4.6	Perkaitan warna pada kasut manik tradisional Cina Peranakan	139
BAB 5: KESIMPULAN		144
5.1	Pengenalan	144
5.1.1	Soalan kajian 1	144
5.1.2	Soalan kajian 2	146
5.2	Limitasi kajian	146
5.3	Cadangan kajian	147
5.4	Kesimpulan	148
Rujukan		153
Lampiran		158

SENARAI GAMBARAJAH

Gambarajah 2.1: Peta bagi negara-negara yang mempunyai keturunan Cina Peranakan .	9
Gambarajah 2.2: Peta bagi Negeri-negeri Selat	13
Gambarajah 2.3: Gambar tembikar seramik oleh pengkaji Linda Cheok Ai Wah	17
Gambarajah 2.4: Persamaan kasut kodok dengan bumboat.....	21
Gambarajah 2.5: Persamaan kasut kodok dengan bentuk lain.....	22
Gambarajah 2.6: Kasut kodok sulaman benang.....	23
Gambarajah 2.7: Kasut kodok sulaman benang dari jarak dekat.....	23
Gambarajah 8.2: Kasut kodok sulaman benang.....	23
Gambarajah 2.9: Kasut kodok sulaman benang.....	24
Gambarajah 2.10: Kasut kodok sulaman manik	25
Gambarajah 2.11: Kasut kodok sulaman manik dari jarak dekat	25
Gambarajah 2.12: Kasut seret sulaman benang	27
Gambarajah 2.13: Kasut seret sulaman benang dari jarak dekat	27
Gambarajah 2.14: Kasut seret sulaman benang	27
Gambarajah 2.15: Kasut seret sulaman benang	28
Gambarajah 8.2 : Kasut seret sulaman manik.....	29
Gambarajah 2.17: Kasut seret sulaman manik dari jarak dekat.....	29
Gambarajah 2.18: Kasut seret sulaman benang metalik atau tekat.....	31
Gambarajah 2.19: Contoh motif yang sama pada bagi gambarajah 2.18	32
Gambarajah 2.20: Kasut seret sulaman benang metalik atau tekat.....	33
Gambarajah 2.21: Kasut sulam sulaman benang metalik atau tekat.....	33
Gambarajah 2.22: Contoh lain kasut seret sulaman benang metalik atau tekat.....	34
Gambarajah 2.23: Pemakaian lengkap Nyonya Cina Peranakan	36

Gambarajah 8.82: Kasut seret versi moden.....	37
Gambarajah 2.25: Ketinggian kasut seret	38
Gambarajah 2.26: Contoh lain kasut seret versi moden.....	38
Gambarajah 2.27: Kasut sulam motif figura manusia.....	39
Gambarajah 2.28: Kasut manik motif figura manusia	40
Gambarajah 2.29: Kasut manik motif watak kartun	41
Gambarajah 2.30: Kasut manik motif watak kartun	42
Gambarajah 2.31: Kasut manik motif bunga ros	44
Gambarajah 8.8 : Kasut manik motif bunga ros dari jarak dekat.....	44
Gambarajah 2.33: Kasut manik motif bunga ros	45
Gambarajah 2.34: Kasut manik motif geometri	45
Gambarajah 2.35: Kasut manik motif geometri	46
Gambarajah 2.36: Kasut manik motif geometri dari jarak dekat	47
Gambarajah 2.37: Contoh ketinggian kasut manik	48
Gambarajah 8.2 : Pemakaian lengkap Nyonya Cina Peranakan	48
Gambarajah 2.39: Permukaan hadapan kasut	49
Gambarajah 2.40: Permukaan hadapan kasut	50
Gambarajah 2.41: Contoh lain permukaan hadapan kasut.....	51
Gambarajah 2.42: Motif bunga kekwa pada kasut manik.....	52
Gambarajah 2.43: Motif bunga kekwa pada kasut manik.....	53
Gambarajah 8.22: Motif bunga teratai pada kasut manik	54
Gambarajah 2.45: Motif bunga teratai pada kasut manik	55
Gambarajah 2.46: Motif bunga teratai pada panel sulaman.....	56
Gambarajah 8.22: Motif rama-rama pada panel sulaman	57

Gambarajah 2.48: Motif rama-rama pada kasut manik.....	58
Gambarajah 2.49: Motif rama-rama pada kasut kodok.....	59
Gambarajah 2.50: Motif rama-rama pada kasut kodok.....	60
Gambarajah 2.51: Motif rama-rama pada kasut sulam	61
Gambarajah 2.52: Motif rama-rama pada kasut manik.....	62
Gambarajah 2.53: Motif ayam pada kasut seret.....	63
Gambarajah 2.54: Motif ayam pada permukaan kasut.....	64
Gambarajah 2.55: Motif ayam pada kasut sulam.....	64
Gambarajah 2.56: Motif ayam pada panel sulaman.....	65
Gambarajah 2.57: Motif ayam pada bag tangan	66
Gambarajah 2.58: Motif burung phoenix pada kasut seret	67
Gambarajah 2.59: Motif burung phoenix pada kasut kodok.....	68
Gambarajah 2.60: Motif burung phoenix pada kasut sulam	69
Gambarajah 2.61: Motif burung phoenix pada kasut sulam	70
Gambarajah 2.62: Motif burung phoenix pada panel sulaman	70
Gambarajah 8.2. : Motif burung phoenix pada panel sulaman	71
 Gambarajah . . . : Kasut kodok sulaman benang.....	 77
Gambarajah 3.2: Kasut kodok sulaman benang.....	78
Gambarajah 3.3: Kasut kodok sulaman benang.....	78
Gambarajah 3.4: Kasut seret sulaman manik.....	79
Gambarajah . .2.. : Permukaan tapak kasut.....	80
Gambarajah 3.5: Kasut seret sulaman manik.....	80
Gambarajah . .2: Kasut tekat sulaman benang	81

Gambarajah 3.7: Kasut tekat sulaman benang	82
Gambarajah 3.8: Kasut sulam sulaman benang	82
Gambarajah 3.9: Kasut perkahwinan wanita Nyonya.....	83
Gambarajah 3.10: Kasut manik.....	84
Gambarajah : Kasut manik Puan Maszni	85
Gambarajah 3.12: Kasut manik Puan Susan Lim	87
Gambarajah 3.13: Kasut manik Puan Susan Lim	87
Gambarajah 3.13.1: Gambaran jelas motif	88
Gambarajah ...2 : Perbezaan manik kasar dan manik potong	89
Gambarajah 3.15: Kasut sulam dan kasut manik	90
Gambarajah ...2 : Kasut manik Encik Raymond Teo.....	91
Gambarajah ... 2: Kasut manik Encik Rajan	93
Gambarajah ... 2.. : Kasut manik Encik Rajan	94
Gambarajah ... 2.8: Kasut manik Encik Rajan	94
Gambarajah ...2 .. : Permukaan tapak kulit	95
Gambarajah ... 2: Kasut sulam Encik Rajan.....	95
Gambarajah ... 2.. : Kasut sulam Encik Rajan.....	96
Gambarajah 3.18.2: Kasut sulam Encik Rajan.....	96
Gambarajah 3.19: Contoh analisa kajian pada kasut manik	99
Gambarajah 4.2.1: Kasut manik motif bunga dan burung	102
Gambarajah 2.8.8: Contoh lain kasut manik jenis mules.....	103
Gambarajah 4.2.3: Motif burung pada tembikar atau artifak lama	104
Gambarajah 2.8.2: Motif bunga dan burung pada lukisan Cina	104

Gambarajah 4.2.5: Motif swastika	106
Gambarajah 4.2.6: Motif swastika	107
Gambarajah 2.8.2: Motif swastika pada tapak kaki Buddha.....	107
Gambarajah 2.8.2: Motif flora dan fauna serta motif geometri	108
Gambarajah 4.2.9: Ketidakseimbangan motif.....	109
Gambarajah 2.8.1 : Lukisan bunga ros dari pelukis Barat	111
Gambarajah 4.2.11: Persamaan bunga ros dan bunga peoni.....	111
Gambarajah 4.3.1: Kasut manik motif ikan emas	112
Gambarajah 4.3.2: Motif ikan emas pada lukisan Cina	114
Gambarajah 4.3.3: Pandangan sisi kasut manik pada kanan dan kiri kasut.....	115
Gambarajah 4.3.4: Kedudukan ikan emas pada kasut manik.....	116
Gambarajah 4.3.5: Jumlah ikan emas	116
Gambarajah 4.3.6: Keseimbangan motif.....	117
Gambarajah 2.2.2: Contoh lain keseimbangan motif pada kasut manik.....	118
Gambarajah 4.3.8: Latar hadapan dan latar belakang	118
Gambarajah 4.4.1: Kasut manik motif anjing	120
Gambarajah 4.4.2: Motif anjing pada lukisan Barat	122
Gambarajah 2.2.2 : Motif anjing pada lukisan Barat oleh Georges Seurat.....	123
Gambarajah 4.4.4: Motif anjing pada lukisan Barat	123
Gambarajah 4.4.5: Koyakan pada permukaan hadapan kasut.....	125
Gambarajah 4.4.6: Motif anjing pada kasut manik	126
Gambarajah 2.2.2: Latar belakang motif.....	127
Gambarajah 4.4.8: Lukisan Barat oleh Claude Monet.....	128
Gambarajah 4.4.9: Latar belakang motif.....	128

Gambarajah 4.4.10: Ketidakseimbangan motif.....	129
Gambarajah 2.5.. : Kasut manik motif ayam	133
Gambarajah 4.5.2: Gambaran jelas motif	133
Gambarajah 4.5.3: Latar hadapan dan latar belakang motif	134
Gambarajah 2.5.2: Permukaan hadapan kasut	135
Gambarajah 4.5.5: Peralihan bentuk burung.....	136
Gambarajah 4.5.6: Peralihan bentuk burung.....	136
Gambarajah 2.5.2: Contoh lukisan kanak-kanak	137
Gambarajah 4.5.8: Peralihan bentuk bunga	138
Gambarajah 4.5.9: Persamaan motif bunga	138
Gambarajah 2.5..1 : Persamaan motif rumput	139
Gambarajah 4.6.1: Permukaan tapak kasut berwarna merah	142
Gambarajah 4.6.2: Evolusi permukaan tapak kasut	143
Gambarajah 5.1: Karya pengkaji.....	149
Gambarajah 5.2: Kasut manik dalam laman sesawang OMNIA	152

SENARAI JADUAL

Jadual 2.1: Kerangka konsep pengkaji.....	20
Jadual 3.1: Pengkelasan kaedah kajian	75
Jadual 3.2: Jadual kerja	100
Jadual 5.1: Jurang analisa kajian-kajian lepas.....	150

University of Malaya

SENARAI SIMBOL DAN SINGKATAN

UM	:	Universiti Malaya
UiTM	:	Universiti Teknologi MARA
MTN	:	Muzium Tekstil Negara

University of Malaya

BAB 1: PENGENALAN

1.1 Latar belakang kajian

Malaysia yang terletak di Asia Tenggara merupakan sebuah negara yang unik dan mempunyai kepelbagaian kaum dan bangsa. Antara kaum-kaum yang terdapat di Malaysia ini ialah kaum Melayu, Cina, India, orang asli di Semenanjung, Sabah dan Sarawak serta lain-lain kaum termasuklah keturunan Peranakan. Kaum Melayu merupakan jumlah peratusan kaum yang ramai di Malaysia, kemudian diikuti oleh kaum Cina, India dan lain-lain. Oleh kerana Malaysia adalah antara negara yang menemukan pelbagai kaum dan budaya, penyatuan dan pengaruh budaya Melayu di Malaysia telah membentuk kaum dan budaya Peranakan. Kaum Peranakan merupakan penyatuan antara dua kaum atau bangsa yang telah berlaku sejak dahulu lagi. Istilah Peranakan itu sendiri mempunyai banyak maksud. Ia berasal dari kata dasar 'anak' yang digabungkan bersama sisipan 'per' dan 'an'. Pada dasarnya, Peranakan itu bermaksud 'uterus' atau rahim yang merujuk kepada organ penting dalaman wanita. Selain itu, ia merujuk kepada tempat kelahiran dan ia juga istilah bagi perkahwinan campur antara anak tempatan dan orang asing (Pue, 2015). Kaum Peranakan mempunyai pelbagai jenis seperti Cina Peranakan, Chitty Peranakan, Jawi Peranakan dan lain-lain lagi. Bagi kesemua Peranakan tersebut, masing-masing mempunyai keistimewaannya. Dalam kajian ini, kaum Cina Peranakan dipilih sebagai perkaitan tajuk kajian bagi mengetahui sosio-budaya tersebut. Suatu ketika dahulu, kaum Cina Peranakan merupakan kaum majoriti di Tanah Melayu yang kini dipanggil Malaysia. Akan tetapi, Cina Peranakan ataupun dikenali sebagai Baba Nyonya ini merupakan kaum minoriti yang terdapat di negara ini. Kaum Baba Nyonya kebanyakannya berada di Melaka, Pulau Pinang (Penang) dan Singapura. Walaubagaimanapun, ianya tidak menjadi suatu halangan buat kaum tersebut untuk

meneruskan kehidupan di sini walaupun peratusan kaum tersebut semakin kecil atau berkurangan. Hal ini kerana kebanyakan mereka telah berhijrah ke tempat lain dan telah lama menetap di luar negara bersama keluarga. Walaupun pada hari ini peratus golongan Baba dan Nyonya semakin berkurangan tetapi mereka masih memainkan peranan penting dalam sosial terutamanya dalam kebudayaan dan keseniannya.

Kepelbagaian kaum yang ada di Malaysia ini sememangnya unik kerana melalui budaya sesuatu kaum, kita dapat mengenali kaum tersebut dengan mudah. Sebagai contoh, kaum Melayu yang merupakan kaum terbesar dan teramai di Malaysia ini. Agama yang diamalkan adalah agama Islam. Dalam setiap majlis atau perayaan yang berlangsung, perempuan Melayu akan memakai baju kurung atau kebaya manakala lelaki akan memakai baju melayu, berkain pelikat dan bersongkok. Bagi kaum Cina pula yang merupakan kaum kedua terbesar di Malaysia, agama mereka adalah agama Buddha dan mereka dikenali melalui pakaian cheongsam (pakaian perempuan Cina). Buat kaum India pula, mereka mengamalkan agama Hindu dan pakaian rasmi mereka adalah sari untuk perempuan India dan lelaki adalah serban, dhoti ataupun kurta.

Begitu juga dengan kaum Cina Peranakan ini. Bagaimana untuk mengenali mereka yang berketurunan Cina Peranakan? Dalam setiap majlis atau perayaan yang berlangsung, kaum perempuan akan memakai baju kebaya, berkain sarung atau batik dan memakai kasut manik. Kasut manik merupakan identiti yang mudah untuk mengenali kaum ini. Hal ini kerana kasut manik merupakan satu rekaan yang khusus diciptakan khas untuk kaum Cina Peranakan terutama orang perempuan. Ianya merupakan satu bentuk atau lambang peribadi kepada personaliti bagi kaum perempuan Baba Nyonya ini.

1.2 Permasalahan kajian

Warisan budaya Cina Peranakan atau lebih dikenali dengan Baba Nyonya dapat disaksikan melalui hasil kesenian sulaman mereka dari pelbagai medium seperti aksesori,

senibina, perabot, seramik dan sebagainya. Secara umum juga mengetahui akan hasil kesenian yang terdapat pada aksesorinya tetapi tidak mengetahui pengaruh terhadap motif dan warnanya, sebagai contoh kasut manik tradisional mereka. Hal ini penting bagi mengajak orang ramai untuk mengetahui secara terperinci mengenai pengaruh yang berkaitrapat kepada motif dan warnanya supaya generasi akan datang akan lebih menghargai warisan budaya ini. Kajian lepas mengenai kebudayaan dari golongan minoriti (kecil dan sedikit) dan juga majoriti (paling utama dan ramai) kebanyakan lebih memfokuskan mengenai bahasa, senibina, sejarah dan sebagainya. Namun sebenarnya kajian mengenai kaum Cina Peranakan di Malaysia telah diterokai seperti kajian mengenai nilai peradaban Melayu dalam kesenian pantun selalu digunakan oleh kaum Peranakan Baba oleh pengkaji Ismail et al., (2018). Penyatuan dua bangsa iaitu Cina dan Melayu yang telah lama berlaku dalam kehidupan mereka telah mempengaruhi warisan Baba Nyonya pada hari ini. Kaum Peranakan Cina juga merupakan satu-satunya golongan yang mempunyai sejarah dan sosio-budaya yang menarik, tidak sama dengan kaum Cina yang lain. Hal ini kerana, warisan kebudayaan dan kesenian mereka masih dikekalkan dan dapat dilihat oleh generasi pada hari ini. Begitu juga dengan kajian peninggalan kesenian yang hampir pupus melalui seni bina juga turut menjadi kajian, kajian yang dijalankan oleh Yong et al., (2015) banyak memberi tumpuan kepada rekabentuk dan motif yang digunakan pada seni seramik di lantai dan tangga rumah Cina Peranakan. Kajian secara umum oleh Azmi et al., (2018) turut mengenegahkan tentang fungsi dan cara pembuatan kasut manik serta peranannya dalam budaya Cina Peranakan (Baba dan Nyonya). Namun fokus secara terperinci kepada motif, reka bentuk motif dan sumber motif yang diolah tidak lagi dikaji dan begitu juga dengan pemilihan dan peranan warna yang diolah pada setiap motif-motif yang direka.

1.3 Objektif kajian

Setelah mengenalpasti latar belakang kajian dan menyenaraikan pernyataan masalah yang timbul, melalui objektif kajian tumpuan akan diberikan kepada dua perkara iaitu dengan:

1. Mengkaji motif dan warna pada kasut manik tradisional Cina Peranakan serta untuk mengenalpasti pengaruh dalam rekaannya.
2. Menganalisa motif dan warna pada kasut manik tradisional Cina Peranakan menggunakan kaedah penganalisan teori seni visual.

1.4 Soalan kajian

Soalan kajian adalah tertumpu kepada:

1. Bagaimana motif dan warna kasut manik dapat mempengaruhi kehidupan sesuatu budaya atau masyarakat?
2. Adakah penggunaan teori seni visual ini dapat membantu pengkaji dalam menganalisis motif dan warna pada kasut manik tradisional ini?

1.5 Skop kajian

Malaysia merupakan satu negara yang unik kerana memiliki kepelbagaian kaum dan etniknya yang tersendiri. Kaum dan etnik yang pelbagai itu masing-masing mempunyai cabang warisan, kebudayaan atau hasil seninya yang amat berbeza setiap satunya. Akan tetapi dalam kepelbagaian kaum dan etnik yang ada itu, pengkaji telah tertarik untuk mengenali kaum Cina Peranakan ini. Cina Peranakan merupakan satu kaum minoriti dalam kepelbagaian kaum yang terdapat di Malaysia ini. Kaum ini dilihat mempunyai tarikan yang tersendiri kerana dilihat suatu kaum yang amat ‘senyap’ tetapi

aktiviti sosionya masih wujud dan bergiat aktif sehingga kini. Aktiviti sosio yang dimaksudkan pengkaji adalah aktiviti pembuatan atau penghasilan kasut manik.

Umum mengetahui akan identiti Cina Peranakan ini adalah melalui aksesori iaitu baju kebaya dan kasut manik. Kedua-dua aksesori tersebut dilihat suatu lambang yang sangat kukuh atau sebab aksesori tersebut adalah kepunyaan kaum ini kerana ianya tiada galang ganti dan dilihat sebagai aksesori 'hak milik' Peranakan. Walaupun dilihat sebagai hak milik kaum tersebut, pastinya ianya tidak lari daripada arus pembangunan sosio-budaya yang semakin hari semakin berubah. Kedua-dua aksesori tersebut turut mengalami evolusi yang ketara dari semasa ke semasa. Sebagai contoh kasut manik. Suatu ketika dahulu, pembuatan kasut manik dibuat atau dijalankan secara sangat praktikal dan manual. Hal ini disebabkan oleh pembuatan kasut manik itu hanya dibuat oleh Nyonya sebagi pemberian hadiah kepada diri sendiri serta pasangannya bagi melangsungkan perkahwinan. Selain itu, kasut manik dibuat untuk kegunaan bagi majlis-majlis tertentu seperti perayaan atau upacara berkabung. Tidak seperti sekarang, kasut manik kini dilihat lebih moden dalam proses pembuatannya dimana ianya untuk dikomersialkan bagi meraih penjualan atau khusus untuk perniagaan semata-mata bagi mengekalkan kelangsungan budaya. Bahan-bahan yang digunakan seperti jenis manik, jenis kasut, jenis permukaan kasut dan lain-lain turut mengalami evolusinya.

Aksesori Cina Peranakan merangkumi perhiasan diri dan perhiasan rumah. Perhiasan rumah seperti barangan seramik, perkakas perak, sarung bantal, alas meja, perabut rumah, dan lain-lain lagi. Perhiasan diri pula seperti kebaya, barang kemas, bag tangan, kasut manik dan sebagainya sering menambat hati sesiapa sahaja terutama kaum perempuan Cina Peranakan untuk memakainya. Kepelbagaian perhiasan diri ini merupakan aksesori wajib buat mereka dalam menonjolkan keperibadian diri serta menunjukkan keindahan dan nilai kesenian budaya Cina Peranakan yang terdapat pada aksesori berpakaian.

1.6 Kepentingan kajian

Kajian ini adalah berbeza daripada kajian Peranakan yang lain kerana mempunyai nilai-nilai pengaruh besar yang berkait rapat dalam budaya masyarakat kini yang tidak diketahui. Satu-satunya kajian seni visual yang fokus kepada kasut manik bagi membincangkan dari aspek motif dan warna dalam budaya Cina Peranakan. Pengkaji berharap dengan adanya kajian ini dapat memberi sumbangan sedikit sebanyak kepada bidang sosial sains dalam memberi rujukan tambahan kepada kajian-kajian seni yang lain atau yang berkaitan buat para pengkaji di luar sana yang berminat untuk memahami keseluruhan motif dan warna pada kasut manik tradisional Cina Peranakan ini dari perspektif teori seni visual. Selain itu, pengkaji juga berharap agar pada masa hadapan, masyarakat dapat mengetahui kepentingan kasut manik yang ada ini sememangnya amat memerlukan perhatian yang khusus kerana ianya merupakan khazanah warisan yang tidak ternilai dan berkemungkinan akan dilupakan seiring dengan kemajuan yang ada pada hari ini. Justeru itu, kajian ini merupakan satu penghargaan besar terhadap penghasilan kreativiti seni kasut manik yang telah dihasilkan oleh orang-orang terdahulu serta perlu dikongsi kepada masyarakat generasi kini atau generasi akan datang.

1.7 Organisasi disertasi

Penulisan disertasi ini telah dibahagikan kepada lima bahagian kajian. Bahagian pertama adalah lebih merujuk kepada beberapa pecahan iaitu dengan pengenalan mengenai latar belakang kajian yang disambut dengan pernyataan masalah dalam kajian kasut manik ini. Kemudian diperhalusi dengan objektif kajian yang terbahagi kepada dua objektif utama serta skop kajian yang memfokuskan kepada aksesori Cina Peranakan iaitu kasut manik berserta dengan kepentingan kajian yang mendorong pengkaji membuat kajian ini. Di bahagian kedua adalah kajian literatur yang merangkumi kepada beberapa pecahan seperti latar belakang kepada sejarah Cina Peranakan, sejarah Melaka dan lain-lain. Pecahan seterusnya adalah hasil dapatan pengkaji terhadap kajian-kajian lepas, sama

atau yang berkaitan. Hasil pencarian mengenai kajian tersebut, pengkaji menemui kajian-kajian perihal kasut manik Cina Peranakan yang terdapat di Malaysia, Indonesia mahupun di luar negara. Selain itu, terdapat huraian mengenai evolusi kasut manik mengikut peringkat-peringkat yang telah diatitkan. Contoh-contoh gambar kasut manik yang direkodkan akan disertakan juga di dalam huraian tersebut.

Selain itu, kajian ini diperjelaskan dengan pemilihan kaedah kajian dibahagian yang ketiga. Kaedah kajian ini memfokuskan kepada tiga bentuk kaedah kajian iaitu melalui kajian lapangan, pemerhatian dan analisa dokumen. Contoh-contoh gambar kasut manik turut didokumentasikan mengikut kaedah kajian yang dijalankan. Seterusnya analisa kajian adalah di mana pengkaji menganalisis melalui empat jenis kasut manik dengan penganalisan teori 'STICI Framework' manakala untuk bahagian yang terakhir adalah kesimpulan kajian bagi mengakhiri kesemua proses kajian yang telah dijalankan. Hasil dapatan kajian, limitasi kajian, cadangan kajian dan kesimpulan bagi keseluruhan kajian ini akan dihuraikan secara terperinci.

BAB 2: KAJIAN LITERATUR

2.1 Sejarah Cina Peranakan

Sejarah dan perkembangan Cina Peranakan di Malaysia mempunyai perkaitan dengan penemuan penggalian seramik hasil perdagangan maritim yang menunjukkan bahawa kaum Cina telah berdagang di Kepulauan Melayu seawal abad ke-10. Hal ini berikutan dari hasil penemuan seramik yang terdapat di Delta Sungai Sarawak, Limbang, kawasan Kinabatangan di Sabah, kawasan perairan Pahang dan Johor serta di Taman Arkeologi Lembah Bujang di Kedah (Syed A.J., 2007). Selain daripada itu, pembuktian pada awal kurun ke-15 juga memperjelaskan bahawa pedagang-pedagang dari China telah menjalankan aktiviti perniagaan dan perdagangan di Rantau Nanyang (laut selatan) yang merujuk kepada Asia Tenggara, ianya berlaku semasa pemerintahan Dinasti Ming bermula dari abad ke 1368 sehingga 1644 di China. Merujuk kepada rekod rasmi Dinasti Ming, Ta Ming Hui Tien, sejarah komuniti Cina Peranakan di Semanjung telah meliputi tempoh 600 tahun yang dahulu (Bonny Wee, (n.d.)).

Komuniti Cina Peranakan juga boleh didapati di beberapa negara seperti Thailand dan Filipina akan tetapi tidak dapat diketahui jumlahnya. Sejarah Cina Peranakan yang terbesar ditemui adalah di Medan, Indonesia, Yangon, Myanmar dan Phuket, Thailand selain daripada Singapura dan Malaysia yang terdapat di Melaka dan Pulau Pinang (Ronald G., 2012). Menurut satu sumber, Cina Peranakan di Indonesia mempunyai jumlah yang lebih ramai berbanding di Singapura dan Malaysia. Cina Peranakan yang bertutur dalam bahasa Cina di Singapura dikenali sebagai “Tusheng Huaren” yang bermaksud dilahirkan sebagai Cina (Ronald G., 2012). Sewaktu ketika dahulu, Cina Peranakan di Tanah Melayu hanyalah terdapat di beberapa buah negeri sahaja seperti Melaka, Penang dan di Singapura (pada masa itu Singapura belum keluar dari Tanah

Melayu). Kaum Cina Peranakan juga boleh dijumpai di Kelantan dan Terengganu (Tan, 2005). Walaupun begitu, kebanyakan kaum Cina Peranakan banyak tertumpu di Melaka, Pulau Pinang dan Singapura kerana melalui aktiviti perdagangan dan perniagaan yang pesat membangun (lihat Gambarajah 2.1)



Gambarajah 2.1: Peta diatas menunjukkan lokasi negeri di Malaysia iaitu Singapura dan Indonesia yang mempunyai keturunan Cina Peranakan semasa awal kedatangan masyarakat Cina dari China suatu ketika dahulu. Gambar telah disunting oleh pengkaji bagi menunjukkan kedudukan masyarakat Peranakan yang masih ada di negara-negara tersebut. Sumber gambar diambil dari google.

Sejarah telah menunjukkan kedatangan masyarakat Cina di Malaysia dan kewujudan komuniti Baba Nyonya telah wujud sejak kurun ke-15. Melalui aktiviti perdagangan dan sosio budaya, Laksamana Cheng Ho telah membawa kira-kira 200 buah kapal yang membawa hampir 27 000 orang lelaki bujang dari Negara China untuk berhijrah ke Tanah Melayu. Namun begitu, hanya separuh daripada jumlah tersebut terus menetap di Tanah Melayu dan berkahwin dengan wanita tempatan, manakala selebihnya pulang ke negara asal (Ismail M.A, 2014). Baba merupakan panggilan untuk lelaki manakala Nyonya gelaran untuk perempuan muda Cina Peranakan dan Bibik pula gelaran untuk perempuan yang berusia bagi kaum itu. Akan tetapi, bagi panggilan umum hanya dikenali sebagai Baba dan Nyonya. Kedua-dua gelaran tersebut diberikan kepada mereka selepas pedagang Cina itu berkahwin dengan masyarakat tempatan. Pedagang Cina yang berhijrah ke Tanah Melayu kebanyakan dari mereka adalah dari keturunan Hokkien. Ada juga dikalangan mereka berketurunan Konfu, Kheh (Hakka) dan lain-lain lagi. Oleh itu,

kebanyakan orang Baba juga adalah Hokkien dan mereka yang berasal dari keturunan Hokkien. Penempatan awal orang Cina adalah di Bukit Cina, Melaka dimana makam tersebut dikesan berlaku penempatan mereka di situ. Tetapi menurut Wang Ta-Yuan atau Wang Dayuan yang merupakan seorang pedagang Cina pada tahun 1349, penempatan awal orang Cina adalah di Temasik.

Temasik, suatu ketika dahulu dikenali sebagai Singapura. Kisahnya terjadi daripada berlakunya peristiwa sejarah di negeri Melaka yang terkenal dengan kisah Kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-15. Menurut sejarah, nama negeri Melaka diberikan oleh Parameswara yang merupakan seorang putera raja dari kerajaan Palembang di Kepulauan Sumatera. Pada masa itu, berlaku kekacauan dari kerajaan Majapahit di Palembang menyebabkan mereka melarikan diri akibat kalah pertempuran tersebut. Beliau dan pengikutnya telah singgah ke Bentan dan telah diterima baik oleh penduduk di situ. Daripada itu, beliau telah mendapat bantuan dari orang-orang Bentan dan mereka berjaya menguasai Temasik (Singapura) yang pada masa itu diperintah oleh Siam. Kerajaan Siam berang dengan perkara tersebut dan telah memerintahkan tenteranya menyerang Temasik. Parameswara telah dihalau keluar. Beliau dan pengikutnya ke Muar sebelum ke Bertam dan telah melalui suatu kawasan yang tidak diketahuinya dan disitulah negeri Melaka ditubuhkan sempena nama pohon Melaka yang mereka lewati di kawasan tersebut. Kerajaan Melaka terus mashyur selepas pertukaran demi pertukaran kesultanan mereka yang bermula dari Parameswara juga dikenali dengan nama Sultan Iskandar Syah, setelah memasuki agama Islam (Mohamad Ainuddin, 2014)

Selepas daripada peristiwa itu berlaku, kerajaan Melaka menjadi terkenal dan telah berkembang dengan pesatnya dimana ianya menjadi pusat perdagangan bagi seluruh dunia terutama kepada negara China kerana kedudukannya yang strategik yang berada di tengah-tengah laut China Selatan. Melaka telah bekerjasama dengan pihak China bagi kelangsungan hubungan diplomatik diantara dua negara tersebut. Hubungan diplomatik

diantara Melaka dan China yang berterusan menyebabkan kebanjiran rakyat China masuk ke Tanah Melayu untuk mencari peluang pekerjaan. Kebanyakan dari mereka juga berkahwin dengan wanita Melayu tempatan dan seterusnya menetap di Melaka. Daripada itulah komuniti Cina terus berkembang di Melaka. Komuniti Cina Peranakan yang terbesar adalah di Bukit Rambei, Melaka yang terletak lebih kurang dua puluh (20) kilometer dari bandar yang menempatkan rumah kayu lama Cina Peranakan yang masih utuh. Bukit Rambei merupakan sebuah perkampungan Melayu tradisional di mana kaum Melayu dan Baba Nyonya hidup dalam satu masyarakat yang baik dan mereka bertutur dalam bahasa Melayu dan Baba-Melayu (Bonny Wee, (n.d.)).

Umum mengetahui Melaka pernah dijajahi oleh kuasa Barat suatu ketika dahulu pada awal abad ke-15. Kisahnya bermula daripada Kesultanan Melayu Melaka dimana Sultan Mahmud Syah yang pada ketika itu menerajui negeri Melaka. Penjajahan Portugis pada tahun 1511 telah mengubah segala-galanya. Zaman kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka telah jatuh begitu sahaja dan secara tidak langsung Melaka diletakkan di bawah pentadbiran kuasa imperialisme dan kolonialisme Eropah. Kisah ini juga telah membuka lembaran baru yang tragis kepada sejarah orang Melayu khususnya di Melaka (Yussamir, 2010). Penjajahan Portugis ke atas Melaka adalah untuk memonopoli tempat perdagangan di rantau Nanyang itu dan juga ingin menjadikan negeri itu sebagai tempat penyebaran agama Kristian (Yussamir Yusof, 2010). Hal ini kerana semasa zaman empayar Sultan Melaka, agama rasmi masyarakat tempatan di situ adalah agama Islam. Mereka ingin menguasai tanah jajahan serta penduduknya. Portugis telah menjajah Melaka sehingga tahun 1641. Kemerosotan kekuasaan Portugis adalah disebabkan oleh para pedagang dari seluruh dunia tidak lagi singgah di pelabuhan Melaka disebabkan wilayahnya yang terlalu kecil. Hal ini kerana, kerajaan Portugis bergantung penuh kepada penguasaan laut. Sifat tamak yang dikuasai mereka antara penyebab kemerosotan taklukan mereka berlalu dengan cepat (Nik Hasnaa, 1997).

Setelah kejatuhan Portugis, pihak Belanda pula menawan Melaka. Selepas Belanda menawan Melaka, bandar Melaka menjadi binasa akibat daripada peperangan yang berlaku semasa pemerintahan Portugis menyebabkan kemusnahan harta benda dan alam semulajadi yang sangat teruk dan juga penyebaran wabak penyakit (Nik Hasnaa, 1997). Walaubagaimanapun, pihak Belanda hanyalah ingin meluaskan jajahannya sahaja kerana mereka telah menakluk Kepulauan Jawa pada ketika itu.

Bilangan penduduk Cina di Melaka juga turut bertambah ramai semasa Melaka dijajahi oleh Belanda pada tahun ke 1641 sehingga tahun ke 1825. Pertambahan penduduk Cina didorong oleh dasar penjajah Belanda yang mengalu-alukan kedatangan orang Cina ke Melaka (Yao Sua, 2014). Hal ini kerana, orang-orang Cina diperlukan dalam sektor pekerjaan kerana mereka mampu menjana ekonomi yang tinggi kepada pihak kuasa Barat pada ketika itu. Orang-orang Cina banyak terlibat dalam sektor perniagaan seperti menjalankan perniagaan kedai runcit, bekerja di bank dan sebagainya selain terlibat dalam sektor pekerjaan yang lain.

Kini, Melaka telah dikenali sebagai Tapak Warisan Dunia setelah diiktiraf oleh UNESCO (United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization) setelah diputuskan dalam persidangan ke-32 Jawatankuasa Warisan Dunia di Quebec, Kanada pada 7 Julai 2008 (Azli Ahad, 2014). Pengiktirafan itu disebabkan oleh Melaka merupakan bandaraya yang bersejarah yang telah lama wujud lebih dari 600 tahun dahulu kesan daripada kisah Kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-15 dan penjajahan Portugis dan Belanda pada abad ke-15 dan abad ke-16.

Sejarah juga menunjukkan kedatangan orang-orang Cina ke Tanah Melayu mula dikesan sejak 1400 Masihi tetapi pada abad ke-19, kedatangan orang-orang Cina ke Tanah Melayu dilihat meningkat secara mendadak. (Mohamad, 2014) Hal ini berikutan pada awal abad ke-19, Tanah Melayu telah dijajah oleh penjajah British yang menawarkan peluang ekonomi kepada para pedagang Cina. Penjajah British mula menawan Melaka

pada abad ke-18.

Budaya Baba Nyonya berkembang di Melaka pada mulanya, tetapi mereka telah berpindah ke Penang dan Singapura kerana kemajuan yang ada pada kedua-dua negeri tersebut. Hasil perpindahan tersebut menyebabkan anak-anak Cina Peranakan yang dilahirkan di negeri-negeri Selat ini dikenali sebagai *Strait Chinese* iaitu orang Cina Negeri-negeri Selat (Pulau Pinang, Melaka dan Singapura) seperti mana yang diperlihatkan dalam Gambarajah 2.2.



Gambarajah 2.2: Negeri-negeri Selat yang terdapat di Semenanjung Malaysia (bertanda warna kuning). Pulau Pinang, Melaka dan Singapura merupakan Negeri-negeri Selat yang dimaksudkan. Gambar telah disunting oleh pengkaji bagi menunjukkan kedudukan negeri-negeri tersebut. Sumber gambar dari google.

Kesan daripada jajahan British, pendidikan anak-anak Cina di Tanah Melayu bertukar dalam Bahasa Inggeris. Melalui pendidikan inilah, masyarakat tempatan khususnya Cina Peranakan dapat bertutur di dalam bahasa tersebut. Hal ini kerana telah memudahkan mereka untuk mencari peluang pekerjaan yang lebih luas di wilayah yang telah dijajahi British seperti di Penang dan Singapura. Kebanyakan daripada mereka

bekerja dalam sektor perniagaan dan kerana itulah pihak British menawarkan bidang pekerjaan khususnya dalam bidang perkapalan dan perbankan kepada Baba Nyonya kerana komitmen serta kerajinan mereka itu. Masyarakat tempatan seperti kaum Melayu kebanyakan mereka bekerja di sektor pentadbiran seperti pengurusan pejabat, pertanian dan perladangan. Buat keluarga Cina Peranakan yang berada, mereka akan menghantar anak-anak mereka melanjutkan pelajaran di luar negara.

Kesan daripada jajahan pihak British juga menyebabkan perpindahan Cina Peranakan ketiga-tiga negeri dan kebanyakan daripada mereka tinggal di kawasan bandar. Mereka juga menerapkan budaya gaya Inggeris dalam kehidupan seharian mereka (Catherine Lim, 2003). Mereka dilihat berpendidikan dan bergaya mewah berbanding dengan masyarakat Melayu tempatan yang kebanyakannya tinggal di pinggiran atau luar bandar di kampung-kampung. Ada juga masyarakat Melayu yang berada atau mewah tinggal di bandar.

Walaupun kehidupan kaum Cina Peranakan yang tinggal di bandar tampak mewah, tetapi anak-anak perempuan mereka diajar untuk menguruskan hal rumah tangga seawal usia 12 tahun. Anak-anak perempuan Cina Peranakan diajar untuk bertatasusila, memasak, menjahit, membuat sulaman dan sebagainya sehinggalah menjadi Nyonya dewasa. Oleh kerana itu, sebelum mereka mendirikan rumah tangga mereka dikehendaki menjahit kasut manik bagi persiapan diri dan pasangannya (Catherine Lim, 2003). Hasil didikan orang tua Cina Peranakan boleh dilihat melalui jahitan kasut manik. Jika cantik dan kemas, itu bermakna anak perempuan mereka telah bersedia untuk menjalani kehidupan alam rumah tangga bersama pasangan hidupnya.

2.2 Hasil dapatan kajian yang lepas, sama atau berkaitan dengan kajian pengkaji

Hasil dapatan terhadap kajian-kajian yang lepas, pengkaji telah menemui beberapa kajian mengenai perihal kasut Cina Peranakan yang telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji di Malaysia, Indonesia dan Australia. Mereka telah menjalankan kajian yang hampir sama atau yang berkaitan dengan pengkaji telah dinyatakan di dalam bab 1 pada permasalahan kajian. Selain itu, kajian yang dijalankan oleh Sohaimi et al., (2017) telah memberi tumpuan mengenai “Pengalaman Mewarisi Pengetahuan dan Kemahiran Seni Kasut Manik Baba Nyonya: Pandangan Melalui Sejarah Lisan”. Pengkaji mendapati kajian ini sebenarnya lebih tertumpu kepada usahawan kasut manik, Puan Maszni Abdul Aziz yang menjalankan perniagaan kasut manik itu. Kajian ini menceritakan bagaimana seseorang yang bukan dari keturunan Baba Nyonya telah berkecimpung dalam dunia kasut manik melalui pengalaman-pengalaman beliau sehinggalah berjaya membuka perniagaan kasut manik yang diberi nama “Sparkle Breads”. Kajian ini turut menceritakan penggunaan bahan bagi penghasilan kasut manik tersebut secara terperinci. Pada tahun 2015, pengkaji telah membuat kajian lapangan di mana pengkaji telah berjumpa dengan Puan Maszni di Kampung Berangan, Umbai, Melaka bagi melihat sendiri kasut manik yang telah dihasilkan. Motif-motif kasut manik yang dihasilkan oleh beliau lebih tertumpu kepada motif-motif flora dan motif geometri. Hal ini mempunyai persamaan dengan hasil pemerhatian pengkaji terhadap motif-motif kasut manik yang lain.

Kajian yang dijalankan oleh Noor Azam et al., (2018) bagi tajuk “Beaded Shoes: The Culture of Baba Nyonya” lebih menjurus kepada garis panduan atau prosedur dalam penghasilan kasut manik serta mengetahui teknik yang betul dan mengenali jenis-jenis manik yang digunakan. Dari pemahaman pengkaji, pengkaji mendapati kaedah kajian seperti temubual responden kajian turut dijalankan. Seorang pakar pembuat kasut manik

yang masih bergiat aktif sehingga kini iaitu Puan May Lim Siew Seng merupakan responden kajian ini. Menurut responden kajian mereka, kasut manik juga dikenali sebagai kasut manik bermuka. Responden kajian itu turut menjelaskan bahawa motif-motif flora seperti bunga ros, teluki antara jenis-jenis motif yang paling disukai oleh para pembeli kasut maniknya.

Selain daripada kajian-kajian mengenai kasut manik di Malaysia, terdapat satu kajian pengkaji di Indonesia yang turut memfokuskan kepada kasut manik Cina Peranakan. Kajian oleh Devanny et al., (2016) telah menjalankan kajian mengenai “Kajian Asimilasi Budaya Pada Sandal dan Tas Wanita Cina Peranakan”. Secara keseluruhan, pengkaji mendapati kajian tersebut memfokuskan kepada kajian latar belakang sejarah dan keunikan budaya Cina Peranakan pada aksesori; perhiasan diri iaitu pada kasut manik dan bag tangan yang merangkumi kepada percampuran tiga budaya; Jawa, Belanda dan Cina. Hasil penjajahan pihak Belanda ke atas Palembang suatu ketika dahulu menjadi sebab motif kasut manik dan bag tangan Cina Peranakan di Indonesia dipengaruhi. Dalam pembahasan kajian itu, pengkaji oleh Devanny et al., (2016) turut memaklumkan bahawa ciri-ciri fizikal kasut manik adalah bersulaman manik dan kasut tersebut berbentuk U pada bahagian hadapan kasut. Menurut pengkaji tersebut, kasut manik merupakan aksesori wajib kaum Nyonya dan ianya diinspirasikan daripada cerita dongeng barat seperti ‘Little Red Riding Hood atau Hansel and Gretel’. Kasut manik ini juga dilihat diinspirasikan daripada bentuk bahagian hadapan kasut balet orang Barat. Begitu juga dengan kajian mengenai bag tangan Cina Peranakan Indonesia. Dalam kajian ini, pengkaji tersebut telah membuat pembahasan mengenai bag tangan yang mempunyai sulaman manik yang bermotifkan flora (bunga ros dan bunga daisi) dan motif fauna iaitu seekor angsa. Bag tangan tersebut telah melalui perubahan kesan asimilasi budaya oleh budaya Barat iaitu Belanda dan ianya merupakan aksesori wajib yang perlu digayakan oleh kaum Nyonya bersama dengan pakaian kebaya, kain batik dan kasut manik.

Selain itu, pengkaji turut menemui dua kajian mengenai motif Cina Peranakan daripada pengkaji-pengkaji yang membuat pengajian di Australia. Kajian oleh Linda Cheok et al., (2016) bagi tajuk kajian “Patterns, Pride and Prejudice: A Comparative Study of Patterns and Motifs Across The Indo-Pasific”. Dalam kajian ini, Linda telah menerangkan kajian ini memfokuskan kepada perhiasan dari China, Jepun dan Singapura. Kajian ini lebih tertumpu kepada motif-motif yang terdapat pada perhiasan rumah iaitu tembikar seramik Cina Peranakan. Tembikar seramik yang dijadikan sebagai contoh dalam kajian merupakan antara koleksi peribadi beliau bagi mengetahui simbolik yang terdapat pada motif-motif yang digunakan pada tembikar seramik tersebut. Kajian ini dijalankan kerana beliau merupakan seorang berketurunan Cina Peranakan bagi melihat semula kebangkitan budaya ini yang dilihat semakin jatuh. Pengkaji melihat walaupun kajian ini bukan kajian mengenai kasut manik tetapi pengkaji berpendapat penceritaan motif pada tembikar seramik itu masih mempunyai perkaitan motif dengan kasut Cina Peranakan yang akan dikaji oleh pengkaji dalam kajian ini.



Figure 80. Linda Cheok, *Serving bowl with double happiness symbol and peonies on white ground. Eternity knot mark (Dàoguāng period 1821-1850 A.D.). Diameter: 14cm and Height: 7.5cm. Digital photo. 2014.*

Gambarajah 2.3: Gambar tembikar seramik oleh pengkaji Linda Cheok Ai Wah. Tembikar seramik ini merupakan koleksi peribadi dan bahan kajian beliau.

Seterusnya adalah contoh terakhir bagi kajian yang lepas yang berkaitan dengan kajian pengkaji adalah kajian mengenai “Phoenix Rising: Narratives in Nonya Beadwork


From the Straits Settlements, 1870 to the Present” (Volumn 2). Kajian ini merupakan kajian Doktor Falsafah oleh pengkaji Cheah et al., (2005) dari *Australian National University*, Canberra, Australia. Untuk makluman, Cheah telah menghasilkan sebuah buku yang berjudul ‘Phoenix Rising: Narratives in Nyonya Beadwork from the Straits Settlements’. Pengkaji turut merujuk kepada penulisan beliau bagi mendapatkan maklumat mengenai motif Cina Peranakan terutama kepada gambar kasut manik. Hal ini kerana penulisan buku beliau telah merangkumi sulaman manik kepada semua aksesori; perhiasan rumah mahupun perhiasan diri. Antara perhiasan rumah adalah seperti seramik tembikar, alas meja, sarung bantal, perkakas perak dan sebagainya manakala untuk aksesori perhiasan diri seperti tali pinggang, bag tangan, kasut manik dan lain-lain lagi. Pengkaji mendapati motif-motif yang diaplikasikan pada aksesori Cina Peranakan saling berkaitrapat dan turut berkait dengan pengaruh dari Barat.

Setelah penelitian dibuat terhadap kesemua kajian-kajian yang dipilih bagi mengetahui jurang analisis kajian-kajian lepas, pengkaji melihat kesemua kajian yang telah dinyatakan mempunyai perbezaan yang tersendiri. Daripada kelima-lima kajian yang dinyatakan pada halaman sebelumnya, pengkaji mendapati kajian dari segi motif dan warna belum lagi diolah dan pengkaji melihat ianya sebagai suatu kelebihan kepada kajian ini. Hal ini tampak berkaitan dengan kenyataan pengkaji yang telah dinyatakan dalam permasalahan kajian.

“Namun fokus secara terperinci kepada motif, reka bentuk motif dan sumber motif yang diolah tidak lagi dikaji dan begitu juga dengan pemilihan dan peranan warna yang diolah pada setiap motif-motif yang direka” (Siti Khadijah, 2019, hlm. 3-4).

2.3 Evolusi terhadap kasut manik tradisional Cina Peranakan


Evolusi terhadap kasut manik tradisional Cina Peranakan dapat dilihat dengan jelas pada hari ini. Dari pandangan kasar, jika dahulu kasut manik bertapak rata tetapi tidak pada hari ini dilihat mempunyai ketinggian, begitu juga dengan motif yang diaplikasikan pada kasut manik. Pemerhatian secara rawak dibuat hasil melalui pencarian di internet dan di Muzium Tekstil Negara, Kuala Lumpur sebelum memulakan kajian literatur. Pada masa itu, pengkaji melihat motif kasut manik pada hari ini dilihat tidak seperti motif dahulu yang banyak memfokuskan kepada motif fauna dan figura manusia. Pengkaji juga melihat motif fauna dan figura manusia merupakan motif ‘pertama’ yang dijadikan sebagai subjek kajian (subject matter) dan diaplikasikan pada kasut manik. Pemilihan motif seperti itu disebabkan oleh budaya Cina Peranakan itu sendiri banyak mengangkat motif yang mempengaruhi kehidupan mereka seperti motif naga, burung phoenix dan lain-lain lagi. Pengkaji juga berpendapat terdapat penceritaan atau pengaruh yang boleh diketahui daripada rekabentuk motif seperti itu. Hasil pencarian dan pembacaan melalui kajian literatur, motif ‘pertama’ yang diaplikasikan pada kasut manik bukanlah motif fauna dan figura manusia tetapi adalah motif flora dan fauna atau gabungan keduanya.



Jadual 2.1: Kerangka konsep pengkaji. Jadual di atas merupakan kerangka konsep yang dibuat berdasarkan pemahaman pengkaji bagi penghasilan kasut manik mengikut jenis sulaman, pemilihan motif yang digunakan serta jenis kasut. Kotak putih menunjukkan penghasilan kasut pada sebelum abad ke-20. Kotak kuning pula menunjukkan penghasilan kasut manik pada abad ini. Penerangan seterusnya akan bermula dari peringkat 1 sehingga peringkat 4 mengikut susunan peringkat yang telah dibuat.

Suatu ketika dahulu, kasut Cina Peranakan merupakan kasut yang popular dalam kalangan masyarakat Baba Nyonya itu. Walaupun sejarah Cina Peranakan telah bermula

sejak abad-15 dan mungkin lebih awal, akan tetapi penceritaan mengenai kasut Cina Peranakan dilihat bermula pada awal abad ke-18. Peringkat 1 dalam jadual 2.1, menunjukkan kasut kodok merupakan kasut terawal bagi pengenalan dalam sejarah Cina Peranakan. Banyak sumber menyatakan kasut kodok juga dikenali dengan beberapa nama seperti kasut beridong atau kasut hidong kerana dilihat menyerupai bentuk hidung pada hadapan kasut. Kasut ini mempunyai tapak yang rata, permukaan hadapan kasut yang berbentuk U dan bertutup serta bersulaman benang atau sulamaan manik. Selain itu, kasut ini juga dikenali kasut tongkang atau sebagai *Chinese bumboat shoes* kerana menyerupai bentuk kapal tongkang tersebut, sebuah kapal yang kini menjadi ikon kepada *Singapore River Cruise*.



Gambarajah 2.4: Persamaan kasut kodok dengan *bumboat*. Bentuk kasut kodok yang menyerupai bentuk *bumboat* (gambar 1) seperti yang dinyatakan oleh pengkaji. Gambar 2 adalah gambaran terdekat mengenai bentuk kasut kodok. Walaubagaimanapun, belakang kasut tidak setajam itu kerana bentuknya adalah melengkung bagi keselesaan si pemakai. Sumber gambar 1 dan 2 dari google.

Selain kasut kodok dilihat seperti kapal tongkang, secara gambaran kasar, pengkaji juga melihat kasut kodok ini menyerupai dua perkara yang lain iaitu selipar bilik mandi yang dipakai oleh orang Barat dan kasut penari balet. Hal ini disebabkan oleh permukaan kasut yang sangat nipis dan bertutup pada bahagian hadapan kasut telah memberikan pengkaji satu pandangan bahawa walaupun tidaklah seratus peratus (100%) sama tetapi ciri-ciri kesamaan itu ada pada kedua-duanya.



Gambarajah 2.5: Persamaan kasut kodok dengan bentuk lain. Gambar 1 - kasut kodok. Kasut kodok itu dilihat menyerupai selipar bilik mandi seperti yang dinyatakan oleh pengkaji pada gambar 2. Gambar 3 adalah kasut kodok bagi kanak-kanak yang menyerupai kasut penari balet pada gambar 4. Sumber gambar 1 dari <https://www.europeana.eu/portal/en/record/2048222/3144.html>. Sumber gambar 3 dari Phoenix Rising oleh Hwei-Fe'n Cheah, 2010 (hlm. 42). Singapura: NUS Press. Gambar 2 dan 4 dari google.

Gambar 3 (gambarajah 2.5) menunjukkan kasut kodok bagi kanak-kanak yang telah dihasilkan pada tahun 1890 dan menurut satu sumber kasut itu berkemungkinan dijumpai atau terdapat di Melaka. Kasut itu diperbuat daripada sulaman manik logam yang dijahit di atas permukaan kain baldi. (ibid, hlm. 42). Dari pemerhatian pengkaji, motif yang terdapat pada kasut kodok itu adalah motif flora dan motif fauna; rama-rama pada bahagian tepi kasut.

Umum mengetahui, kasut Cina Peranakan sememangnya dibuat khas dan banyak tertumpu kepada kaum Nyonya; perempuan Cina Peranakan. Kasut kodok ini mempunyai sulaman benang yang halus dan cantik serta bermotifkan flora dan fauna tertentu. Hal ini kerana terdapat beberapa penemuan yang telah dikenalpasti mengenainya melalui hasil pencarian dan pembacaan pengkaji.



Gambarajah 2.6: Kasut kodok sulaman benang. Kedua-dua gambar kasut menunjukkan keseluruhan kasut kodok sulaman benang yang bermotifkan flora, fauna atau kedua-duanya. Sumber gambar 1 dan 2 dari Phoenix Rising oleh Hwei-Fe'n Cheah, 2010 (hlm. 30 dan 107). Singapura: NUS Press.



Gambarajah 2.7: Kasut kodok sulaman benang dari jarak dekat. Kedua-dua gambar kasut kodok telah disunting oleh pengkaji bagi menunjukkan motif secara jelas. Sumber gambar 1 dan 2 dari Phoenix Rising oleh Hwei-Fe'n Cheah, 2010 (hlm. 30 dan 107). Singapura: NUS Press.



Gambarajah 2.8: Kasut kodok sulaman benang. Gambar 1 motif kasut kodok dari jarak dekat. Gambar 2 adalah bunga peoni. Sumber gambar 1 dari Phoenix Rising oleh Hwei-Fe'n Cheah, 2010 (hlm. 30). Singapura: NUS Press manakala gambar 2 dari google.

Gambarajah 2.8 menunjukkan kasut kodok bersulaman benang sutera dan benang metalik yang dijahit di atas permukaan kain sutera dan kain baldu. Kasut ini dihasilkan pada awal abad ke-19 iaitu tahun 1900 (*ibid*, hlm. 30). Penggunaan benang sutera yang pelbagai warna serta benang metalik yang berwarna emas pada tepi kasut dan benang metalik perak pada sekeliling motif bunga peoni menyerlahkan lagi motif bunga tersebut. Motif bunga yang digunakan merupakan bunga peoni, sejenis motif yang sangat berkait rapat dengan masyarakat Cina Peranakan. Hal ini kerana motif bunga ini banyak digunakan kepada aksesori Cina Peranakan yang lain seperti tembikar seramik, alas meja dan lain-lain. Bentuk bunga ini juga seakan-akan seperti bunga mawar kerana mempunyai kelopak bunga yang banyak.



Gambarajah 2.9: Kasut kodok sulaman benang. Gambar 1 motif kasut kodok dari jarak dekat. Gambar 2 adalah ikan emas kerana bentuknya kelihatan sama pada bahagian sisik ikan dan ekornya. Sumber gambar 1 dari Phoenix Rising oleh Hwei-Fe'n Cheah, 2010 (hlm. 107). Singapura: NUS Press dan gambar 2 dari google.

Gambarajah 2.9 memperlihatkan motif flora dan fauna; dua ekor ikan pada kanan dan kiri motif bunga. Kasut ini telah dihasilkan pada tahun 1890, motif sulamannya diperbuat daripada benang sutera yang dijahit di atas kain baldu (*ibid*, hlm. 107). Pengkaji melihat motif ikan itu adalah ikan emas kerana ciri-ciri fizikal yang utama bagi ikan emas adalah ikan tersebut berwarna jingga dan motif ikan emas juga terdapat pada aksesori Cina Peranakan yang lain. Penambahan manik *sequins* dan manik logam yang berbentuk bulat berwarna hitam pada sekeliling motif flora dan fauna manakala manik logam berwarna merah pada motif fauna itu telah menimbulkan kesan 3D kepada mata ikan

emas tersebut.



Gambarajah 2.10: Kasut kodok sulaman manik. Kedua-dua gambar adalah keseluruhan kasut kodok sulaman manik yang bermotifkan flora, fauna atau kedua-duanya. Sumber gambar 1 dan 2 dari *Phoenix Rising*, oleh Hwei-Fe’N Cheah, 2010 (hlm. 49 dan 143). Singapura: NUS Press.



Gambarajah 2.11: Kasut kodok sulaman manik dari jarak dekat. Kedua-dua gambar kasut kodok telah disunting oleh pengkaji bagi menunjukkan motif secara jelas. Sumber gambar 1 dan 2 dari *Phoenix Rising*, oleh Hwei-Fe’N Cheah, 2010 (hlm. 49 dan 143). Singapura: NUS Press.

Selain kasut kodok sulaman benang, kasut kodok turut bersulamkan sulaman manik. Sulaman manik pada kasut kodok mula kelihatan sekitar abad ke-19 dimana kasut kodok sulaman manik pada gambar 1 (gambarajah 2.11) disulam pada permukaan kain sutera dan kain baldi yang dihasilkan pada tahun 1910 (ibid, hlm. 143). Motif yang digunakan adalah motif bunga dan motif fauna seperti burung dan serangga. Kasut kodok pada gambar 2 (gambarajah 2.11) pula dihasilkan lewat abad ke-19 yang menggunakan sulaman manik dan sulaman benang metalik pada permukaan kain kapas tenunan biasa dan kain baldi (ibid, hlm. 49). Pengkaji berpendapat motif yang diaplikasikan pada permukaan hadapan kasut itu adalah motif flora kerana berbentuk seperti daun dan bunga.

Pada pemerhatian pengkaji juga, motif tersebut telah diolah berdasarkan rekabentuk motif-motif tersebut telah berubah dari rupa sebenar motif. Penggunaan manik yang sangat berwarna warni pada kedua-dua kasut kodok sulaman manik tersebut telah menyerlahkan personaliti kasut kodok itu. Sememangnya kedua-dua kasut kodok itu dipakai oleh Nyonya berdasarkan bentuk kasut-bentuk kasut tersebut dimana saiz kaki perempuan lebih kecil dari saiz kaki lelaki. Perkara ini akan diulas oleh pengkaji pada rumusan bagi evolusi kasut manik tradisional Cina Peranakan ini.


Seterusnya dalam kerangka konsep pengkaji dalam jadual 2.1 (rujuk halaman 20), telah memperlihatkan peralihan bentuk kasut dari kasut kodok (peringkat 1) kepada kasut seret (peringkat 2). Pengkaji melihat jenis motif masih tertumpu kepada motif flora dan fauna atau gabungan kedua-duanya. Jenis sulaman pada kasut seret ini juga masih tertumpu kepada sulaman manik dan sulaman benang iaitu benang sutera dan benang metalik. Kasut seret juga dikenali dengan beberapa nama seperti kasut sulam atau kasut tekat. Kasut ini dipanggil kasut seret kerana permukaan tapaknya yang rata dan tidak mempunyai tumit pada awal kemunculan kasut tersebut.



Gambarajah 2.12: Kasut seret sulaman benang. Kedua-dua menunjukkan gambar penuh kasut seret bermotifkan motif flora dan fauna. Sumber gambar 1 dan 2 dari *Phoenix Rising*, oleh Hwei-Fe’N Cheah, 2010 (hlm. 155 dan 158). Singapura: NUS Press.



Gambarajah 2.13: Kasut seret sulaman benang dari jarak dekat. Kedua-dua kasut seret telah disunting oleh pengkaji bagi menunjukkan motif secara jelas. Gambar kasut 1 dan 2 merupakan kasut seret Nyonya. Sumber gambar 1 dan 2 adalah dari *Phoenix Rising*, oleh Hwei-Fe’N Cheah, 2010 (hlm. 155 dan 158) Singapura: NUS Press.



Gambarajah 2.14: Kasut seret sulaman benang. Gambar 1 menunjukkan motif secara dekat. Gambar 2 adalah motif fauna; ayam yang diaplikasikan kepada kasut seret tersebut. Sumber gambar 1 dari *Phoenix Rising*, oleh Hwei-Fe’N Cheah, 2010 (hlm. 158). Singapura: NUS Press manakala gambar 2 dari google.

Gambar 1 (gambarajah 2.12) merupakan kasut seret yang dipakai oleh Nyonya pada tahun 1930. Kasut itu diperbuat daripada sulaman benang sutera di atas permukaan kain baldi berwarna hijau (ibid, hlm. 158). Motif yang digunakan adalah motif seekor ayam kerana bentuknya dapat dilihat dengan jelas melalui ciri-ciri fizikal haiwan tersebut yang mempunyai paruh yang tajam, berjari panjang dan tajam, berkepak, berjambul merah di kepala dan mempunyai ekor di bahagian punggungnya.



Gambarajah 2.15: Kasut seret sulaman benang. Gambar menunjukkan motif flora dan motif fauna secara dekat. Gambar 2 menunjukkan motif fauna; seekor burung. Sumber gambar 1 dari *Phoenix Rising*, oleh Hwei-Fe’N Cheah, 2010 (hlm. 155). Singapura: NUS Press manakala gambar 2 dari google.

Gambarajah di atas merupakan kasut seret yang dipakai oleh Nyonya pada tahun 1915. Kasut ini diperbuat daripada sulaman benang sutera dan terdapat penambahan manik *sequins* berwarna kuning dan manik logam berwarna hitam pada permukaan kasut yang berkain baldi itu (ibid, hlm. 155). Penggunaan kain baldi yang berwarna tanah (coklat) telah menaikkan seri warna pada motif-motif tersebut. Motif yang digunakan adalah motif flora dan motif fauna seekor burung. Hasil daripada pemerhatian pengkaji, motif burung tersebut adalah burung phoenix kerana motif ini juga sering digunakan pada kebanyakan aksesori Cina Peranakan yang lain seperti tembikar seramik, sarung bantal, alas meja dan lain-lain. Ciri-ciri fizikal burung phoenix yang dianggap burung mistik ini adalah sejenis haiwan yang mempunyai bulu pelepah yang besar dan panjang, berekor

panjang dan berparuh tajam. Gambar 2 (gambarajah 2.15) menunjukkan haiwan mistik itu.

Seperti kasut kodok, kasut seret Cina Peranakan juga mengalami peralihan sulaman dari sulaman benang kepada sulaman manik. Motif-motif yang terdapat pada kasut seret juga tidak berubah, masih menggunakan motif flora dan fauna.



Gambarajah 2.16: Kasut seret sulaman manik. Kedua-dua kasut adalah keseluruhan bentuk kasut seret. Gambar 1 menunjukkan kasut seret Baba dan gambar 2 adalah kasut seret Nyonya. Sumber gambar 1 dan 2 adalah dari *Phoenix Rising*, oleh Hwei-Fe’N Cheah, 2010 Singapura: NUS Press, hlm. (n.d.) dan 129.



Gambarajah 2.17: Kasut seret sulaman manik dari jarak dekat. Gambar kedua-dua kasut kasut seret ini turut disunting bagi menunjukkan motif secara dekat. Sumber gambar 1 dan 2 adalah dari *Phoenix Rising*, oleh Hwei-Fe’N Cheah, 2010 Singapura: NUS Press, hlm. (n.d.) dan 129.

Gambar 1 (gambarajah 2.17) adalah kasut seret sulaman manik yang dipakai oleh Baba bermotifkan flora dan fauna iaitu tiga ekor burung. Kasut ini dihasilkan pada suku kedua pada abad ke-20 (ibid, hlm. (n.d.)). Penggunaan warna biru laut telah menguasai


suasana motif tersebut seolah-olah memberi gambaran langit yang cerah. Gambar 2 (gambarajah 2.17) pula adalah kasut seret yang dipakai oleh Nyonya yang telah dihasilkan pada tahun 1950. Kasut seret berkain kanvas (ibid, hlm. 129) dan sulaman manik ini bermotifkan dua kuntum bunga raya kerana garisan pusat bunga yang panjang dan berwarna kuning telah menonjolkan lagi identiti bunga tersebut.

Seperti yang dinyatakan oleh pengkaji dalam kerangka konsep bagi peringkat 2 pada jadual 2.1 (halaman 20), kasut seret juga dikenali dengan nama kasut sulam dan kasut tekat. Selain itu, percampuran dua budaya; Cina dan Melayu telah menyerlahkan keunikan pada kasut seret ini. Keunikan yang dimaksudkan oleh pengkaji penggunaan sulaman benang metalik yang berwarna emas dan perak di atas kain baldi bagi permukaan hadapan kasut. Motif-motif kasut yang digunakan pula tertumpu kepada motif flora dan fauna, juga motif tumbuh-tumbuhan. Motif tumbuh-tumbuhan yang menjadi pilihan adalah tumbuhan menjalar, bunga, akar serta kudupan bunga. Terdapat juga motif-motif yang diolah daripada lingkungan bunga-bunga dalam alam Melayu seperti bunga bakung, bunga cempaka, daun peria, bunga padi, daun pucuk paku dan sebagainya. Begitu juga dengan motif fauna yang digunakan adalah motif ayam jantan, burung dan lain-lain lagi (Siti Zuraidda, (n.d.)). Akan tetapi, bagi kaum Baba Nyonya, pengkaji melihat penghasilan kasut seret sulaman tekat mereka lebih tertumpu kepada motif-motif fauna. Antara motif-motif fauna yang menjadi pilihan seperti kupu-kupu, unggas atau serangga, tikus, naga, ular, phoenix dan lain-lain lagi. Motif-motif seperti motif flora, geometri dan motif kosmos dilihat sebagai penambahan pada sisi atau sekeliling motif fauna itu. Motif-motif tersebut dijahit di atas permukaan kain baldi yang berwarna gelap dengan penggunaan warna benang metalik yang berwarna emas dan perak, menyerlahkan lagi bentuk motif berkenaan.



Gambarajah 2.18: Kasut seret sulaman benang metalik atau tekat. Sumber gambar 1 dan 2 dari <http://www.penangheritagecity.com/nyonya-beaded-shoes.html>

Pada gambar 1 (gambarajah 2.18), pengkaji melihat motif bunga itu adalah motif bunga bakung yang sedang mekar kerana mempunyai enam kelopak bunga serta mempunyai garisan panjang pada bahagian pusat bunga iaitu bahagian tengah bunga sama seperti bunga raya manakala motif pada gambar 2 pula kelihatan seperti motif seekor babi. Bagaimana pengkaji mengetahui motif tersebut adalah seekor babi? Hal ini kerana pengkaji telah menemui dua bentuk motif yang sama pada kasut manik tradisional Cina Peranakan yang lain. Melalui pencarian di internet, pengkaji dapat mengenalpasti ciri-ciri fizikal seekor babi dengan lebih terperinci. Haiwan tersebut mempunyai telinga yang lebar, berkaki pendek dan gempal serta mempunyai ekor dan yang paling penting untuk mengenali haiwan tersebut adalah melalui warna kulitnya yang berwarna kemerahan atau merah jambu. Pada gambar 2 (gambarajah 2.18), bahagian mata, badan, ekor dan telinga jelas memperlihatkan ciri-ciri haiwan tersebut yang terdapat pada bahagian tengah permukaan hadapan kasut tersebut. Pada sekeliling haiwan itu pula dilihat tumbuh-tumbuhan yang menjalar.



Gambarajah 2.19: Contoh motif yang sama pada gambarajah 2.18. Sumber gambar 1 dari *Straits Chinese Beadwork & Embroidery (A Collector's Guide)* oleh Ho Wing Meng, 1987 (hlm. 121). Singapura: Times Books International manakala gambar 3 dari google. Sumber gambar 4 dan 5 oleh pengkaji (2015).

Pada gambar 1 (gambarajah 2.19) adalah kasut sulam yang dinyatakan oleh pengkaji mengenai motif seekor babi yang juga terdapat pada gambar 2 bagi gambarajah 2.18. Gambar 2 (gambarajah 2.19) merupakan motif yang terdapat pada kasut manik gambar 1 di atas. Jika dilihat dengan teliti, motif pada gambar 2 dan gambar 5 (gambarajah 2.19) juga memperlihatkan motif haiwan tersebut adalah sama dan telah diolah dalam bentuk motif yang lebih ringkas daripada rupa sebenar haiwan tersebut. Jika tidak diketahui, haiwan tersebut kelihatan seperti arnab ataupun tikus jadian!. Gambar 3 merupakan bentuk sebenar haiwan tersebut.



Gambarajah 2.20: Kasut seret sulaman benang metalik atau tekat dan kasut sulam. Sumber gambar 1 dari <http://www.penangheritagecity.com/nyonya-beaded-shoes.html> dan gambar 2 oleh pengkaji (2015).

Motif pada gambar 1 (gambarajah 2.20) menunjukkan motif fauna. Jika dilihat dengan teliti, pengkaji mendapati ianya motif seekor naga. Ciri-ciri fizikal seekor naga yang diketahui adalah mempunyai leher yang panjang dan bersisik serta mempunyai taring atau gigi yang tajam.



Gambarajah 2.21: Kasut sulam sulaman benang metalik atau tekat. Gambaran jelas dapat dilihat pada bahagian tepi permukaan hadapan kasut. Gambar oleh pengkaji (2015).

Gambar 2 (gambarajah 2.20) menunjukkan motif flora; tumbuh-tumbuhan yang

membentuk kelompok besar pada bahagian tengah permukaan hadapan kasut tersebut juga terdapat tumbuhan pada kiri dan kanannya. Penggunaan benang metalik atau tekat di atas kain baldu yang berwarna ungu dan warna tanah serta penggunaan manik *sequins* berbentuk bulat dan nipis juga dapat dilihat dengan jelas pada permukaan hadapan kasut (lihat gambarajah 2.21). Simpulan benang manik ‘sequins’ itu pula dilihat menyerupai bentuk manik bulat yang berwarna hitam. Kasut ini mempunyai ketinggian pada tapaknya, tidak seperti kasut seret yang mempunyai tapak yang rata. Walaubagaimanapun, evolusi kasut seret versi moden akan diterangkan kemudian.



Gambarajah 2.22: Contoh lain bagi kasut seret sulaman benang metalik dari jarak dekat. Sumber gambar dari <https://www.beadinggem.com/2015/03/100-years-of-south-east-asian-nonya.html>

Jika diperhatikan pada kasut seret di atas, pengkaji berpendapat motif pada kasut seret itu tampak timbul disebabkan oleh penggunaan kertas keras yang dililit menggunakan benang metalik berwarna emas dan perak dan dijahit di atas permukaan

kain baldu berwarna merah. Penggunaan kertas tersebut telah memberikan kesan 3D kepada motif kasut berkenaan. Dari pandangan visual pengkaji, dapat diketahui bahawa kasut seret tersebut merupakan percampuran antara dua budaya; Melayu dan Cina. Hal ini disebabkan oleh penggunaan kain baldu dan benang metalik atau tekat berwarna emas dan perak itu memberikan jawapan bahawa budaya Melayu telah meresapi ke dalam budaya Baba Nyonya. Jika masyarakat Baba Nyonya dikenali dengan sulaman manik, sulaman tekat merupakan satu sulaman yang simbolik kepada masyarakat Melayu. Sulaman tekat ini suatu ketika dahulu merupakan sulaman bagi masyarakat Melayu terutama dikalangan keluarga Diraja. Hasil sulaman tekat ini dijadikan sebagai pakaian kebesaran atau pakaian rasmi bagi keluarga Diraja tersebut terutamanya bagi meraikan sesuatu majlis yang besar seperti majlis perkahwinan (Siti Zuraida, (n.d.)). Penggunaan benang emas pada sulaman tekat melambangkan status atau kedudukan seseorang yang tinggi seperti keluarga Diraja atau orang Berada. Kini, sulaman tekat berwarna emas atau perak merupakan aksesori bagi kebanyakan orang. Pengkaji juga mengimbuu kembali semasa zaman kanak-kanak, pengkaji sendiri dapat melihat sulaman tekat ini terutama dalam majlis perkahwinan orang Melayu dimana cadar sulam tekat menghiasi katil pengantin dan penggunaan kipas tangan pengantin turut dihiasi sulaman tekat yang digunakan dalam majlis perkahwinan tersebut. Seperti sulaman manik Cina Peranakan yang terdapat pada kebanyakan aksesori, sulaman tekat juga banyak terdapat pada aksesori seperti perhiasan rumah dan perhiasan diri iaitu pada sarung bantal, cadar, kasut sulam dan lain-lain lagi.

Selain itu, pengkaji turut beranggapan benang metalik berwarna emas atau perak pada kasut manik tradisional Cina Peranakan merupakan benang tekat kerana berdasarkan warna benang tersebut yang digunakan oleh orang Melayu dalam membuat sulaman tekat. Pada sulaman benang metalik yang digunakan pada kasut kodok dan kasut seret merupakan benang tekat (Cheah, 2005). Walaubagimanapun, menurut responden kajian

pengkaji, Encik K. Nadarajan Raja seorang yang berketurunan Chitty Peranakan, beliau menyatakan dalam budaya Peranakan, tidak dipanggil sulaman tekat kerana penggunaan benang metalik pada permukaan kasut adalah dijahit bukan ditekat. Menurut beliau lagi, suatu ketika dahulu kasut manik yang menggunakan benang berwarna emas melambangkan status seseorang atau kedudukannya yang tinggi. Penggunaan benang berwarna perak pula dipakai oleh kebanyakan orang.



Gambarajah 2.23: Pemakaian lengkap Nyonya Cina Peranakan. Sumber gambar 1 dan 2 dari google.

Gambarajah di atas menunjukkan dua orang Nyonya yang memakai perhiasan diri yang lengkap semasa majlis perkahwinannya iaitu berkebaya labuh, berkain batik, memakai barang kemas serta perhiasan pada baju, di kepala dan kaki serta pemakaian wajib iaitu kasut tradisional Cina Peranakan, kasut seret seperti gambarajah tersebut.

Selain daripada itu, apabila berbicara mengenai evolusi kasut manik tradisional Cina Peranakan ini, juga dapat dilihat perubahan pada kasut seret. Pengkaji melihat ketinggian kasut bermula dari kasut seret ini. Hal ini disebabkan oleh permukaan tapak kasut seret dari jenis bertapak rata kepada permukaan kasut yang mempunyai sedikit tumit. Tidak hanya perubahan kepada bahagian tapak, permukaan hadapan kasut juga turut melalui evolusinya dimana terdapat kasut manik pada permukaan hadapan kasut tersebut tidak lagi bertutup penuh seperti pada gambarajah dibawah.



Gambarajah 2.24: Kasut seret versi moden. Gambar dari google.

Gambarajah di atas menunjukkan kasut seret yang dikenali juga dengan kasut *strap* kerana mempunyai bukaan pada permukaan hadapan kasut (rujuk anak panah berwarna putih). Ketinggian kasut adalah dilihat kurang dari 2 inci dan bertapak lebar. Ketinggian kasut ini disukai oleh Nyonya yang telah berusia dan Nyonya dipertengahan usia kerana tapaknya yang selesa dan mampu menampung ketinggian si pemakai.



Gambarajah 2.25: Ketinggian kasut seret manik. Contoh lain bagi ketinggian kasut manik tradisional Cina Peranakan seperti yang dinyatakan oleh pengkaji. Sumber gambar 1 dan 2 dari google.

Selain itu, pengkaji juga melihat kasut seret mempunyai persamaan dengan kasut ‘wedges’. Kasut ‘wedges’ adalah kasut yang bertapak rata dan mempunyai ketinggian lebih dari 2 inci. Kasut ‘wedges’ ini turut popular dikalangan anak muda kerana kepelbagaian bentuknya yang bertumit tinggi tetapi masih selesa untuk memakainya. Pengkaji berpendapat kasut ‘wedges’ ini adalah kasut seret versi moden seperti yang dinyatakan pada halaman 34.



Gambarajah 2.26: Contoh lain kasut seret versi moden. Sumber gambar 1 dari google dan gambar 2 adalah dari *Phoenix Rising*, oleh Cheah Hwei-Fe’N, 2010 (hlm. (n.d.)). Singapura: NUS Press.

Gambarajah 2.26 menunjukkan kasut *wedges*. Permukaan hadapannya bertutup dan berbentuk tirus seakan-akan bentuk V, terdapat juga permukaan hadapan kasut berbentuk U. Walaupun mempunyai ketinggian tetapi dilihat masih flexibel untuk

memakainya kerana permukaan tapak kasut yang rata. Selain kasut *wedges*, terdapat kasut yang mempunyai ketinggian paras dua (2) inci dan bertapak lebar. Kasut seperti ini juga sangat sesuai dipakai dan dipraktikkan oleh wanita yang ingin mencuba kasut bertumit tinggi.

Seterusnya pada peringkat 3 dalam kerangka konsep pengkaji bagi jadual 2.1 (halaman 20), dapat dilihat motif sulaman kasut Cina Peranakan turut melalui evolusinya apabila motif figura manusia mula diaplikasikan pada kasut tersebut. Pengkaji menemui kasut sulaman benang yang bermotifkan figura manusia. Kasut tersebut dihasilkan pada tahun 1920 dan disulam menggunakan benang metalik dan benang sutera di atas permukaan kain kapas (ibid, hlm. 288) berwarna tanah. Motif menunjukkan dua bentuk figura manusia dikelilingi dengan motif flora seperti yang terdapat pada gambarajah 2.27.



Gambarajah 2.27: Kasut sulam motif figura manusia. Sumber gambar dari *Phoenix Rising*, oleh Hwei-Fe’N Cheah, 2010 (hln. 288) Singapura: NUS Press.

Pada peringkat 3 ini juga, dapat dilihat penggunaan sulaman manik mula digunakan secara keseluruhan bagi menggantikan penggunaan benang metalik mahupun benang sutera bagi kasut manik sulaman benang. Pengkaji mendapati motif figura manusia ini mula wujud selepas pengaruh British menguasai tanah Melayu pada abad ke-18 itu yang merangkumi kepada semua aspek terutama kepada aspek kesenian mahupun

hiburan. Selain itu, motif figura manusia yang diaplikasikan pada kasut manik lebih memfokuskan kepada seorang kanak-kanak perempuan yang berperwatakan Inggeris berbanding perempuan dewasa, ini disebabkan oleh karakter figura itu yang bertubuh kecil, berambut pendek, memakai gaun yang berwarna warni dan berkasut. ‘Suasana’ yang mengelilingi motif figura manusia itu juga dilihat tampak ceria dan berwarna warni berikutan penggunaan manik yang pelbagai bagi menunjukkan karakter figura tersebut berada di sebuah taman yang indah, dipenuhi dengan alam semulajadi; flora dan fauna. Sebagai contoh, kasut manik pada gambar 1 (gambarajah 2.28) merupakan kasut yang telah dihasilkan pada suku kedua abad ke-20.



Gambarajah 2.28: Kasut manik motif figura manusia. Keempat-empat kasut di atas menunjukkan motif figura manusia yang telah dihasilkan pada kasut tersebut. Sumber gambar 1 dari *Phoenix Rising*, oleh Hwei-Fe’N Cheah, 2010 (hlm. (n.d.)). Singapura: NUS Press dan gambar 2 – 4 dari google.

Ini bermakna sepanjang abad tersebut, para pembuat kasut manik telah

mewujudkan satu motif baru dalam penghasilan kasut manik mereka yang tidak hanya tertumpu kepada motif flora dan fauna sahaja. Seperti status wanita berubah dalam masyarakat Peranakan, sulaman manik juga telah diperluaskan dalam reka bentuk dan motifnya. Keutamaan menggunakan watak kartun Eropah dalam sulaman manik mencerminkan budaya popular Barat yang bertentangan dengan motif bunga atau haiwan yang mewakili tradisi dan konvensyen. Oleh itu, pilihan peribadi lebih didorong penggunaannya daripada perlambangan tradisional (Cheah, 2010).

Justeru itu, selain daripada motif figura manusia, watak kartun seperti kartun Disneyland iaitu 'Mickey Mouse dan Snow White' antara watak kartun yang telah menjadi inspirasi kepada para pembuat kasut manik tradisional Cina Peranakan ini untuk menerima dan berfikiran keterbukaan terhadap motif yang mempengaruhi kehidupan seharian mereka. Pengkaji juga berpendapat melalui motif baru yang dihasilkan ini telah memberi dimensi atau perspektif baru kepada sejarah kasut Cina Peranakan akibat daripada pengaruh sesuatu budaya ke atas satu budaya yang lain.

Jika dilihat kembali pada kasut kodok dan kasut seret, motif flora dan fauna merupakan motif utama pada kedua-dua kasut tersebut. Apabila berlaku peralihan motif, dapat dilihat motif figura manusia dan watak kartun pada kasut manik pula mengambil tempat sebagai motif utama dalam sulaman kasut manik tradisional Cina Peranakan manakala motif seperti motif flora dan fauna dijadikan sebagai motif penambahan pada sekeliling motif utama tersebut.



Gambarajah 2.29: Kasut manik motif watak kartun. Gambar 1 merupakan gambar penuh kasut manakala gambar 2 adalah motif yang sama digunakan pada gambar 1.

Sumber gambar 1 dari google dan gambar 2 dari *Peranakan Museum A-Z Guide* oleh Ibrahim Tahir, 2008 (hlm. 130). Singapura: Editions Didier Millet.

Gambarajah 2.29 menunjukkan motif watak kartun Eropah bagi cerita animasi kanak-kanak yang terkenal iaitu ‘Mickey Mouse’ yang mempunyai cukup sifat seperti manusia iaitu mempunyai anggota badan seperti kaki, tangan, badan dan muka. Motif utama pada kasut manik tersebut merupakan karakter kartun seorang perempuan yang dikenali sebagai Minnie Mouse, girlfriend kepada Mickey Mouse (karakter kartun pada kiri dan kanan kasut) bagi cerita animasi kanak-kanak itu. Tahun penghasilan kasut manik tidak dinyatakan, walaubagaimanapun dapat dilihat penggunaan warna yang digunakan pada motif tersebut sangat kontrak dengan latar belakangnya (permukaan hadapan kasut) bagi menonjolkan motif tersebut.



Gambarajah 2.30: Kasut manik motif watak kartun. Gambar 1 menunjukkan gambar keseluruhan kasut manikala gambar 2 adalah antara karakter kartun yang terdapat pada kasut manik pada gambar 1 itu. Sumber gambar 1 dari *Phoenix Rising*, oleh Hwei-Fe’N Cheah, 2010 (hlm. 161). Singapura: NUS Press dan gambar 2 dari google.

Gambarajah di atas menunjukkan kasut manik bermotifkan watak kartun dari ‘The Seven Dwarfs’. Kasut tersebut dihasilkan pada tahun 1970 yang diperbuat daripada sulaman manik di atas kain kanvas (ibid, hlm. 161). Watak kartun ‘The Seven Dwarfs’ ini popular di dalam cerita animasi kanak-kanak iaitu ‘Snow White and The Seven Dwarfs’ seperti pada gambar 2 (gambarajah 2.30). Kedua-dua watak kartun Eropah iaitu Mickey Mouse dan ‘Snow White and The Seven Dwarfs’ popular di Malaysia lewat tahun

1990-an sehinggalah kini dan ianya masih diingati oleh para peminat kartun tersebut. Penggunaan warna manik pada motif kartun gambar 1 (gambarajah 2.30) juga kelihatan sama pada gambar 2 dan tampak menyerlah kerana penggunaan warna manik berwarna biru muda di permukaan hadapan kasut tersebut.

Peringkat terakhir dalam kerangka konsep pengkaji adalah peringkat 4 seperti yang terdapat pada jadual 2.1 (halaman 20), dimana selepas abad ke-19, penggunaan motif ke atas kasut manik tradisional Cina Peranakan turut melalui evolusinya apabila motif yang digunakan pada kasut manik tradisional Cina Peranakan kembali kepada motif flora yang lebih mudah difahami dan tampak versatil seperti motif bunga ros. Motif bunga ros telah digunakan dalam kebanyakan aksesori Eropah atau Inggeris seperti perhiasan rumah yang terdiri daripada perabut, alas meja, sarung bantal, perkakas dapur dan sebagainya mahupun perhiasan diri seperti pakaian, barang kemas, kasut manik dan lain-lain lagi. Jenis sulaman pula adalah seratus peratus (100%) menggunakan sulaman manik. Pengkaji juga melihat jenis kasut mula dipelbagaikan kepada beberapa jenis yang akan diulaskan pada rumusan bagi evolusi terhadap kasut manik tradisional Cina Peranakan ini.



Gambarajah 2.31: Kasut manik motif bunga ros. Kedua-dua kasut di atas menunjukkan gambar penuh kasut manik bertumit tinggi yang bermotifkan bunga ros. Sumber gambar 1 dan 2 oleh pengkaji (2015).



Gambarajah 2.32: Kasut manik motif bunga ros. Gambar 1 menunjukkan sisi motif bunga secara dekat. Gambar 2 adalah bunga ros yang terdapat pada gambar 1. Sumber gambar 1 oleh pengkaji (2015) dan gambar 2 dari google.

Seperti kasut manik di atas, motif bunga ros telah mendapat tempat dihati para pembuat kasut manik kini. Motif bunga ros dilihat memonopoli permukaan kasut manik bagi menggantikan beberapa motif utama kasut manik tradisional Cina Peranakan yang pada suatu ketika dahulu sangat terkenal dalam masyarakat Baba Nyonya. Penggunaan


manik yang pelbagai warna turut menyerlahkan lagi motif bunga ros agar tampak cantik dan menarik. Penambahan manik kaca sebagai penambah seri pada kasut manik adalah seperti gambar 2 bagi gambarajah 2.33 di bawah.



Gambarajah 2.33: Kasut manik motif bunga ros. Sumber kedua-dua gambar oleh pengkaji (2015).

Dalam sejarah Cina Peranakan, pada separuh kedua abad ke 19, harta benda dan perabot Eropah adalah simbol status bagi keluarga Peranakan dan merupakan penanda aras bagi hubungan dan rangkaian kepada Eropah. Aksesori seperti perhiasan rumah iaitu perabot, permaidani dan penutup meja baldi banyak dipengaruhi motif dan corak bunga ros Eropah. Bunga ros Eropah mempunyai persamaan visual dengan bunga peoni. Bunga peoni dan bunga ros adalah gabungan yang biasa muncul dalam pelbagai barangan manik dalam abad ini (Cheah, 2010).

Terdapat satu lagi motif yang sering digunakan dalam penghasilan kasut manik pada abad ini iaitu motif geometri.




Gambarajah 2.34: Kasut manik motif geometri. Gambar 1 menunjukkan motif dari jarak dekat. Gambar 2 adalah motif segi empat sama yang telah diolah. Sumber gambar 1 oleh pengkaji (2015).

Gambarajah 2.34 menunjukkan kasut manik bermotifkan geometri. Pengkaji melihat bentuk segi empat sama sememangnya motif yang digunakan pada gambar 1. Walaubagaimanapun, bentuk segi empat sama itu boleh berubah dari pelbagai sudut dan diolah bentuknya supaya kelihatan lebih menarik dan versatil seperti gambar 2. Penggunaan manik yang berwarna warni pada kasut seperti gambarajah 2.34 mampu menaikkan seri kasut manik. Gambarajah 2.35 seterusnya menunjukkan perbezaan manik yang digunakan bagi membentuk motif geometri pada kasut manik tradisional Cina Peranakan. Gambar 1 (gambarajah 2.35) menunjukkan manik bulat membentuk komposisi seperti bentuk oktagon yang bercantum di antara satu sama lain manakala gambar 2 menunjukkan penggunaan manik panjang yang membentuk motif zigzag. Kedua-dua kasut manik tersebut merupakan kasut bertumit tinggi.



Gambarajah 2.35: Kasut manik motif geometri. Sumber gambar 1 oleh pengkaji (2015) manakala gambar 2 dari *Phoenix Rising*, oleh Hwei-Fe’N Cheah, 2010 (hlm. 292). Singapura: NUS Press.



Gambarajah 2.36: Kasut manik motif geometri dari jarak dekat. Sumber gambar 1 oleh pengkaji (2015) manakala gambar 2 dari *Phoenix Rising*, oleh Hwei-Fe’N Cheah, 2010 (hlm. 292). Singapura: NUS Press.

Selain itu, evolusi kepada ketinggian kasut manik tradisional Cina Peranakan juga dapat dilihat dengan jelas. Gambarajah 2.37 menunjukkan ketinggian kasut manik yang melebihi daripada 2 inci, bertapak halus dan ianya disukai oleh kebanyakan Nyonya atau wanita muda pada abad ke-19 sehinggalah abad ini. Pemakaian kasut manik bertumit tinggi cantik dipadankan dengan pemakaian baju kebaya dan kain sarung atau kain batik lepas. Walaubagaimanapun, pemilihan ketinggian kasut yang tidak melebihi 2 inci masih disukai oleh sesetengah Nyonya atau wanita muda kerana mereka masih atau ingin mengekalkan keaslian dan identiti pemakaian dalam Cina Peranakan.



Gambarajah 2.37: Contoh ketinggian kasut manik. Gambarajah menunjukkan perbezaan ketinggian kasut manik yang disukai oleh Nyonya atau wanita muda seperti yang diterangkan oleh pengkaji pada halaman sebelumnya. Gambar oleh pengkaji (2015).



Gambarajah 2.38: Pemakaian lengkap Nyonya Cina Peranakan pada abad ini. Gambarajah menunjukkan Nyonya muda memakai pemakaian lengkap; berbaju kebaya, berkain sarung atau batik, memakai kerongsang pada baju kebaya dan kasut manik bertumit tinggi. Sumber gambar 1-3 dari google.

Sebagaimana evolusi pada motif dan bentuk kasut, evolusi pada permukaan hadapan kasut manik juga dapat dilihat. Gambarajah seterusnya menunjukkan ciri-ciri dalam mengenali kasut manik tradisional bagi lelaki dan perempuan.



Gambarajah 2.39: Permukaan hadapan kasut. A adalah kasut manik perempuan dan B adalah kasut manik lelaki. Kotak hitam bersegi empat tepat menunjukkan ciri-ciri untuk mengenalpasti kasut jantina melalui bentuk lengkung pada permukaan hadapan kasut. Sumber gambar oleh pengkaji (2015).

Seperti gambarajah tersebut, permukaan hadapan kasut bagi kasut perempuan adalah melengkung secara bulat manakala permukaan kasut lelaki ianya seperti mempunyai penjuru pada lengkungan tersebut. Akan tetapi, terdapat juga kepelbagaian permukaan hadapan kasut perempuan pada gambarajah 2.40.



Gambarajah 2.40: Permukaan hadapan kasut. Keempat-empat gambar menunjukkan bentuk melengkung bagi permukaan hadapan kasut Nyonya. Anak panah hitam menunjukkan lengkungan tersebut. Sumber gambar 1 oleh pengkaji (2015) manakala gambar 2 sehingga 4 adalah dari pinterest.

Bagi kepelbagaian permukaan kasut itu juga bergantung kepada bentuk kasutnya. Terdapat kasut yang bertutup penuh pada hadapannya dan kasut yang mempunyai bukaan di hadapannya seperti pada gambar 1 dan 3 (gambarajah 2.40).



Gambarajah 2.41: Contoh lain permukaan hadapan kasut. Gambar 1 dan 2 mempunyai bukaan pada hadapan kasut manakala kasut manik pada gambar 3 adalah jenis bertutup. Sumber gambar 1 dan 2 oleh pengkaji (2015). Sumber gambar 3 dari google.

Kerangka konsep pengkaji yang terdapat pada jadual 2.1 (halaman 20) menunjukkan evolusi pada jenis kasut, jenis motif dan jenis sulaman yang diaplikasikan pada kasut manik tradisional Cina Peranakan terutama dapat dilihat peralihan jenis kasut daripada kasut kodok sehinggalah kepada kasut manik. Walaubagaimanapun, pengkaji turut melihat akan evolusi pada motif flora dan fauna yang terdapat pada kebanyakan aksesori Cina Peranakan termasuk kasut manik sebagai contoh adalah motif rama-rama. Motif rama-rama itu terdapat dalam pelbagai variasi yang cukup unik dan menarik.

Gambarajah seterusnya menunjukkan evolusi motif-motif yang dinyatakan bermula dengan motif flora seperti yang terdapat pada gambarajah 2.42.



Gambarajah 2.42: Motif bunga kekwa pada kasut manik. Gambar 1 keseluruhan kasut manakala gambar 2 motif secara jelas dari gambar 1. Gambar 3 adalah bunga kekwa sebenar. Sumber gambar 1 oleh pengkaji (2015) dan gambar 3 dari google.

Gambarajah 2.42 menunjukkan motif flora iaitu bunga kekwa yang telah diolah. Ciri-ciri fizikal bunga kekwa adalah mempunyai kelopak bunga yang banyak serta mempunyai pusaran bulat pada bahagian pusat bunga iaitu bahagian tengah bunga. Bunga kekwa pernah dinyatakan sebagai bunga yang dijadikan motif dalam aksesori Cina Peranakan mahupun lukisan Cina. Selain bunga peoni, bunga-bunga seperti kekwa, teratai dan prunus merupakan bunga-bunga yang terkenal bagi masyarakat Cina. Empat tumbuhan ini mewakili empat musim, iaitu bunga peoni mewakili musim bunga, teratai mewakili musim panas, kekwa mewakili musim luruh dan prunus mewakili musim sejuk (Syaimak, (n.d.)).




Gambarajah 2.43: Motif kekwa pada kasut manik. Gambar oleh pengkaji (2015).

Motif pada gambarajah 2.43 ini juga merupakan bunga kekwa berdasarkan oleh kelopak bunga yang banyak serta mempunyai pusaran bulat pada bahagian tengah bunga. Akan tetapi, pengkaji turut melihat bunga ini sebagai bunga teratai berdasarkan ciri-ciri fizikal yang hampir sama. Hal ini kerana kedua-dua motif flora tersebut sangat dekat dengan masyarakat Cina Peranakan. Walaubagaimanapun, kelopak bagi bunga teratai dilihat lebih runcing sedikit pada hujung kelopakunya berbanding dengan bunga kekwa yang melengkung pada hujung bunga tersebut.



Gambarajah 2.44: Motif bunga teratai pada kasut manik. Gambar dari google.

Motif flora yang berwarna biru pada gambarajah di atas merupakan motif bunga teratai. Dari pemerhatian pengkaji, dapat dilihat juga motif fauna iaitu dua ekor angsa yang terdapat berhampiran dengan motif bunga tersebut, disamping motif figura manusia iaitu seorang kanak-kanak sedang berlari ke arah angsa-angsa tersebut. Penceritaan motif-motif pada permukaan hadapan kasut manik itu telah memberi gambaran bahawa kanak-kanak tersebut berada berdekatan dengan punca air atau di sebuah tasik dimana terdapat angsa dan bunga teratai, selain pengkaji melihat kepada ciri-ciri fizikal motif flora tersebut.



Gambarajah 2.45: Motif bunga teratai dan ikan emas pada kasut manik tradisional Cina Peranakan. Gambar 1 keseluruhan kasut manakala gambar 2 telah disunting oleh pengkaji bagi menunjukkan motif-motif dari kasut secara jelas. Gambar 3 adalah bunga teratai sebenar. Sumber gambar 1 dari Phoenix Rising oleh Hwei-Fe'n Cheah, 2010 (hlm. 107). Singapura: NUS Press dan gambar 3 dari google.

Pada gambarajah 2.9, pengkaji telah menyatakan motif fauna tersebut adalah motif ikan emas berdasarkan ciri-ciri fizikal haiwan tersebut dan perkaitan motif itu di dalam budaya Cina Peranakan. Pengkaji melihat motif flora gambarajah 2.45 ini juga sebagai bunga teratai kerana kombinasi motif flora dan fauna pada permukaan hadapan kasut itu sangat serasi dan merupakan satu komposisi motif yang menarik yang memberi gambaran motif-motif itu berada pada permukaan air. Pengkaji juga melihat gambaran dua ekor ikan emas itu seolah-olah sedang berenang berhampiran dengan bunga-bunga tersebut. Selain itu, perkaitan bunga teratai dalam budaya Cina Peranakan turut dinyatakan pada halaman 52 dan bunga teratai juga merupakan suatu motif yang terdapat pada aksesori Cina Peranakan yang lain sebagai contoh panel sulaman seperti gambarajah 2.46.



Gambarajah 2.46: Motif bunga teratai pada panel sulaman. Sumber gambar dari *Straits Chinese Beadwork & Embroidery (A Collector's Guide)* oleh Ho Wing Meng, 1987 (hlm. 93). Singapura: Times Books International.

Dalam aksesori Cina Peranakan terutama kasut manik, pengkaji mendapati motif fauna seperti rama-rama merupakan antara motif yang terdapat dalam kebanyakan aksesori Cina Peranakan sama ada bagi perhiasan rumah mahupun perhiasan diri. Penggunaan motif seperti rama-rama ini dijadikan sebagai suatu simbol tradisional masyarakat tersebut supaya masyarakat lain mengetahui akan identiti mereka itu yang berkaitrapat dengan simbol tradisional masyarakat tersebut. Pengkaji juga mendapati motif flora; bunga ataupun dedaun dan motif fauna seperti rama-rama dilihat sebagai satu simbol yang tidak boleh dipisahkan. Hal ini kerana rama-rama itu adalah dijadikan metafora bagi perlambangan seorang lelaki dan bunga adalah perlambangan seorang perempuan. Motif-motif yang terdapat pada kasut manik tradisional Cina Peranakan turut

mengalami evolusi bentuk motifnya.



Gambarajah 2.47: Motif rama-rama pada panel sulaman. Gambar 1 dan 2 menunjukkan keseluruhan panel sulaman. Ketiga-tiga bentuk motif rama-rama kecil telah disunting bagi menunjukkan motif pada panel sulaman secara jelas. Sumber gambar 1 dan 2 dari *Straits Chinese Beadwork & Embroidery (A Collector's Guide)* oleh Ho Wing Meng, 1987 (hlm. 93 dan 129). Singapura: Times Books International.

Gambarajah 2.47 menunjukkan motif rama-rama yang turut terdapat pada aksesori Cina Peranakan yang lain selain kasut manik. Motif rama-rama merupakan antara motif yang banyak dilihat pada aksesori Cina Peranakan seperti yang dinyatakan oleh pengkaji pada halaman 56. Seterusnya penemuan pengkaji terhadap tujuh buah kasut manik tradisional Cina Peranakan yang berlainan tetapi memfokuskan kepada motif yang sama iaitu motif rama-rama. Motif rama-rama yang terdapat pada tujuh kasut manik itu juga tidak sama kerana terdapat dalam pelbagai variasi.



Gambarajah 2.48: Motif rama-rama pada kasut manik. Gambar 1 menunjukkan keseluruhan kasut. Gambar 2 disunting oleh pengkaji bagi menunjukkan motif rama-rama secara jelas. Sumber gambar dari *Phoenix Rising*, oleh Hwei-Fe’N Cheah, 2010 (hlm. 206). Singapura: NUS Press.


Gambarajah 2.48 menunjukkan kasut manik Baba yang telah dihasilkan pada tahun 1873 (ibid, hlm. 206). Jika dilihat dengan teliti pada gambar 1 itu, motif rama-rama telah memenuhi ruang permukaan hadapan kasut. Penggunaan warna manik pada kasut tersebut dilihat senada sahaja dimana warna tanah (coklat) tampak menguasai warna permukaan hadapan kasut serta permukaan tapaknya tetapi tidak kepada warna motif rama-rama yang tampak berwarna-warni yang terdiri daripada warna-warna seperti biru

(biru tua dan biru muda), kuning, merah, hijau dan putih.



Gambarajah 2.49: Motif rama-rama pada kasut kodok. Bentuk motif rama-rama kecil telah disunting bagi menunjukkan motif pada kasut secara jelas. Sumber gambar dari *Phoenix Rising*, oleh Hwei-Fe’N Cheah, 2010 (hlm. 42). Singapura: NUS Press.

Gambarajah 2.49 menunjukkan kasut tongkang bagi kanak-kanak yang dihasilkan pada tahun 1890 di atas kain baldi menggunakan sulaman manik logam (ibid, hlm. 42). Dari pemerhatian pengkaji, manik logam yang digunakan kelihatan sangat halus. Motif rama-rama itu pula dilihat sangat kecil terdapat pada permukaan tepi kasut. Warna merah tampak menguasai permukaan tapaknya manakala warna-warna tanah (coklat) dan kuning lebih menguasai pada permukaan hadapan kasut. Kasut ini juga telah diterangkan pada gambarajah 2.5 (halaman 22) bagi persamaan kasut kodok atau kasut tongkang dengan bentuk lain.



Gambarajah 2.50: Motif rama-rama pada kasut kodok. Gambar 1 dan 2 menunjukkan permukaan hadapan kasut. Bentuk motif rama-rama kecil setiap pada gambar itu telah disunting oleh pengkaji bagi menunjukkan motif rama-rama secara jelas. Sumber gambar 1 dari *Straits Chinese Beadwork and Embroidery* oleh Ho Wing Meng, 1987 (hlm. 119). Singapura: Times Books International dan gambar 2 dari *Phoenix Rising*, oleh Hwei-Fe’N Cheah, 2010 (hlm. 153). Singapura: NUS Press.

Bentuk motif pada gambarajah 2.50 menunjukkan motif bagi kedua-dua kasut kodok sulaman benang ini kelihatan sama dimana bahagian badan rama-rama seakan-akan membulat dan mempunyai sesungut kecil di bahagian kepala. Tahun penghasilan pada gambar 1 tidak dinyatakan tetapi tahun penghasilan kasut kodok pada gambar 2 (gambarajah 2.50) dihasilkan pada awal abad ke-20.



Gambarajah 2.51: Motif rama-rama pada kasut sulam. Gambar menunjukkan permukaan hadapan kasut manakala bentuk rama-rama kecil itu telah disunting oleh pengkaji bagi menunjukkan motif rama-rama dari jarak dekat. Sumber gambar oleh pengkaji (2015).

Gambarajah di atas menunjukkan motif rama-rama pada permukaan hadapan kasut seret tersebut. Motif rama-rama ini dijahit menggunakan benang sutera di atas kain baldi yang berwarna biru dan hijau. Kasut ini merupakan kasut yang dipakai oleh Nyonya pada awal abad ke-20 (Muzium Tekstil Negara, 2015) dan kasut seret ini mempunyai sedikit ketinggian pada tapaknya. Bentuk rama-rama pada permukaan hadapan kasut kelihatan sangat cantik kerana mempunyai sayap yang panjang dan tampak beralun.



Gambarajah 2.52: Motif rama-rama pada kasut manik. Gambar 1 dan 2 menunjukkan permukaan hadapan kasut. Kedua-dua bentuk motif rama-rama kecil tersebut telah disunting oleh pengkaji bagi menunjukkan motif secara jelas. Sumber gambar 1 dari *Phoenix Rising*, oleh Hwei-Fe’N Cheah, 2010 (hlm. 107). Singapura: NUS Press dan gambar 2 oleh pengkaji (2015).


Gambarajah di atas juga menunjukkan contoh lain bagi kasut manik yang mempunyai motif yang sama; rama-rama. Kasut bagi gambar 1 (gambarajah 2.52) dihasilkan pada 1940 (ibid, hlm. 107) manakala penghasilan kasut manik pada gambar 2 tidak dinyatakan. Walaubagaimanapun, pengkaji berpendapat tahun penghasilan kasut manik gambar 2 itu adalah sekitar abad ini kerana pengkaji bertemu dengan pembuat kasut manik tersebut, Puan Maszni Abdul Aziz pada tahun 2015. Pengkaji juga melihat motif rama-rama selepas dari abad ke-19 sehinggalah abad ini yang merujuk kembali gambarajah 2.52 di atas, bentuk motif itu masih sama. Dari pandangan visual pengkaji, kedua-dua motif rama-rama itu tampak lebih jelas ciri-ciri fizikal haiwan tersebut melalui pandangan atas badan rama-rama itu.

Penggunaan warna pada kasut manik sebelum abad ke-20 dilihat senada warnanya seperti warna tanah (coklat) dan warna merah yang banyak menguasai permukaan hadapan kasut manik, permukaan tapak kasut dan motifnya. Hal ini berbeza dengan penggunaan warna pada kasut manik selepas abad ke-20 dimana penggunaan warna-warna kasut itu dilihat sangat kontrak kerana tampak lebih ceria dan berwarna warni seperti kasut manik gambarajah 2.52. Selain daripada pengkajian motif terhadap rama-rama, pengkaji juga melihat motif ayam turut terdapat pada kebanyakan aksesori Cina Peranakan.




Gambarajah 2.53: Motif ayam pada kasut seret. Gambar menunjukkan keseluruhan kasut seret. Bentuk motif ayam kecil telah disunting oleh pengkaji bagi menunjukkan motif secara jelas. Sumber gambar dari *Phoenix Rising*, oleh Hwei-Fe’N Cheah, 2010 (hlm. 158). Singapura: NUS Press.

Penerangan bagi kasut seret ini telah dibuat pada gambarajah 2.14 di halaman 27.



Gambarajah 2.54: Motif ayam pada permukaan hadapan kasut manik. Gambar menunjukkan permukaan hadapan kasut dan bentuk motif ayam kecil itu telah disunting oleh pengkaji. Sumber gambar dari google.

Perbezaan kasut pada gambarajah 2.53 dan gambarajah 2.54 dapat dilihat dengan jelas. Gambarajah 2.54 memperlihatkan motif ayam dengan lebih terperinci ciri-ciri fizikalnya berbanding motif pada gambarajah 2.53. Penggunaan warna manik bagi kedua-dua gambarajah tersebut juga berbeza kerana warna pada kasut gambarajah 2.54 dilihat lebih ceria dan berwarna warni, tidak seperti kasut manik motif ayam gambarajah 2.53 dilihat senada warnanya.



Gambarajah 2.55: Motif ayam pada kasut sulam. Gambar 1 permukaan hadapan kasut dan gambar 2 adalah motif ayam yang telah disunting oleh pengkaji. Sumber gambar dari <http://www.penangheritagecity.com/nyonya-beaded-shoes.html>

Gambarajah 2.55 menunjukkan motif ayam pada kasut sulam. Motif dijahit pada kain baldu berwarna hitam dengan menggunakan sulaman benang sutera. Penggunaan warna-warna terang seperti kuning, merah jambu, ungu, hijau, biru dan jingga telah menyerlahkan lagi bentuk motif ayam tersebut di atas kain baldu hitam. Selain motif ayam pada kasut manik, motif ayam turut terdapat pada aksesori Cina Peranakan yang lain seperti panel sulaman pada gambarajah di bawah.



Gambarajah 2.56: Motif ayam pada panel sulaman. Gambar menunjukkan motif ayam pada panel sulaman bersegi empat sama. Bentuk motif ayam kecil disunting oleh pengkaji secara jelas. Sumber gambar dari *Straits Beadwork and Embroidery* oleh Ho Wing Meng, 1987 (hlm. 92). Singapura: Times Books International.



Gambarajah 2.57: Motif ayam pada bag tangan. Bentuk motif ayam kecil menunjukkan dari jarak dekat. Sumber gambar dari *Peranakan Museum A-Z Guide* oleh Ibrahim Tahir, 2008 (hlm. 84). Singapura: Editions Didier Millet.

Gambarajah di atas menunjukkan contoh lain motif ayam yang terdapat pada bag tangan Nyonya Cina Peranakan. Turut kelihatan pada bag tangan tersebut adalah motif bunga peoni.

Bagi motif terakhir yang ingin dilihat akan evolusinya adalah motif seekor burung phoenix. Dari pemerhatian pengkaji, ciri-ciri fizikal burung phoenix yang dianggap burung mistik ini adalah sejenis haiwan yang mempunyai bulu pelepah yang besar dan panjang, berekor panjang dan berparuh tajam. Seperti motif bunga kekwa, bunga teratai, rama-rama dan ayam, motif burung phoenix turut mengalami perubahan bentuknya.



Gambarajah 2.58: Motif burung phoenix pada kasut seret. Gambar menunjukkan keseluruhan kasut dan bentuk motif burung phoenix yang kecil telah disunting oleh pengkaji. Sumber gambar dari *Phoenix Rising*, oleh Hwei-Fe’N Cheah, 2010 (hlm. 155). Singapura: NUS Press

Penerangan mengenai kasut seret ini juga telah dibuat pada gambarajah 2.15 di halaman 28-29.



Gambarajah 2.59: Motif burung phoenix pada kasut kodok. Gambar menunjukkan permukaan hadapan kasut. Gambar oleh pengkaji (2015).

Dari pandangan pengkaji, motif burung phoenix gambarajah 2.58 dan gambarajah 2.59 kelihatan hampir sama kerana bentuk ekornya yang panjang dan banyak. Penggunaan warna motif pada gambarajah 2.58 dilihat ceria dan menarik berbanding kasut gambarajah 2.59 ini.



Gambarajah 2.60: Motif burung phoenix pada kasut sulam. Gambar menunjukkan permukaan hadapan kasut manakala gambar burung phoenix kecil telah disunting oleh pengkaji bagi menunjukkan gambaran jelas. Gambar oleh pengkaji (2015).

Penerangan bagi kasut sulam ini akan diterangkan pada bahagian 3.2.1 bagi kajian lapangan di dalam bab 3 – Metodologi kajian.



Gambarajah 2.61: Motif burung phoenix pada kasut sulam. Gambar menunjukkan permukaan hadapan kasut. Sumber gambar dari *Phoenix Rising*, oleh Hwei-Fe’N Cheah, 2010 (hlm. 293). Singapura: NUS Press.



Gambarajah 2.62: Motif burung phoenix pada panel sulaman. Gambar menunjukkan motif phoenix pada panel sulaman bersegi empat tepat. Bentuk motif phoenix kecil disunting oleh pengkaji secara jelas. Sumber gambar dari *Straits Beadwork and Embroidery* oleh Ho Wing Meng, 1987 (hlm. 98). Singapura: Times Books International.



Gambarajah 2.63: Motif burung phoenix pada panel sulaman. Gambar menunjukkan motif phoenix pada panel sulaman bersegi empat sama. Bentuk motif phoenix kecil disunting oleh pengkaji secara jelas. Sumber gambar 1 dari *Straits Beadwork and Embroidery* oleh Ho Wing Meng, 1987 (hlm. 92). Singapura: Times Books International dan gambar 3 dari google.

Gambar 2 (gambarajah 2.63) di atas menunjukkan motif burung phoenix yang paling hampir sama bentuknya dengan gambar 3 berdasarkan ciri-ciri fizikal haiwan

tersebut. Suatu ketika dahulu, motif burung phoenix ini sangat popular dalam kebanyakan aksesori Cina Peranakan, baik perhiasan rumah mahupun perhiasan diri, sehinggakan dijadikan sebagai motif utama pada aksesori tersebut. Tidak seperti pada hari ini, segalanya berubah apabila tiada lagi motif burung phoenix diaplikasikan pada aksesori Cina Peranakan. Motif ini dianggap masyhur dan merupakan suatu lagenda kerana ianya adalah simbol tradisional bagi masyarakat Baba Nyonya. Akan tetapi, menurut responden kajian pengkaji, Encik Tan Lian Kim, beliau ialah seorang Baba yang berketurunan Cina Peranakan dan merupakan pengasas kepada 'Malaysian Heritage and History Club'. Beliau menyatakan bahawa motif-motif seperti naga, ikan emas, ular, burung phoenix, bunga teratai (lotus) dan lain-lain lagi merupakan motif asal bagi orang Cina di China. Selepas orang-orang Cina berhijrah ke Tanah Melayu (Malaysia), mereka mengekalkan motif tersebut sebagai satu identiti atau simbolik budaya Cina tersebut.

Kebanyakan motif-motif yang dijahit diilhamkan daripada simbol tradisional Cina dan kepercayaan mereka sendiri seperti bunga peoni, burung *phoenix*, rusa, naga, '*qilin*', rama-rama, buah delima dan lain-lain lagi. Qilin ialah (mitos) makhluk Cina yang melambangkan petanda baik dan kemakmuran. Keterangan mengenai rupanya adalah berbeza mengikut budaya yang berbeza. Orang Barat menyifatkannya sebagai 'unicorn' manakala kaum Cina menyifatkannya sebagai makhluk yang mempunyai kepala naga dan badannya harimau berskala. Bagi kaum Cina, bunga peoni mewakili feminin, kecantikan, kasih dan sayang. Dalam perkahwinan Peranakan, motif bunga peoni dan burung phoenix yang dijahit pada kasut manik bagi melambangkan 'Chinese Empress' kepada pengantin perempuan untuk memberkati dirinya dengan sifat-sifat kebaikan dan kekayaan. Motif burung yang terdapat pada kasut manik juga mewakili 'auspicious reunion' dan rama-rama melambangkan kesetiaan dan kebahagiaan. Rama-rama, burung, lebah dan bunga peoni merupakan antara metafora yang biasanya ditemui dalam sulaman manik Nyonya berdasarkan legenda Cina Selatan, lebah membantu seorang lelaki muda untuk mencari

pasangan yang sesuai. Antara komposisi sulaman manik di mana lebah berada di atas bunga peoni; melambangkan lebah sebagai seorang lelaki muda dan bunga peoni sebagai gadis yang dicintainya (Cheah, 2010).

Pengkaji berpendapat setiap penghasilan motif adalah bergantung kepada cara pemikiran para pembuat kasut manik tradisional Cina Peranakan itu dalam menyampaikan atau menterjemahkan akan sesuatu motif yang diinspirasi daripada sekian-sekian bentuk. Perkara ini diakui oleh responden kajian, Puan Susan Hau Fong Lian, pembuat kasut manik di Jonker Street, Melaka. Beliau memaklumkan kepada pengkaji bahawa setiap motif yang dihasilkan itu adalah atas permintaan atau kehendak daripada pelanggan kasut maniknya termasuk warna motif yang digunakan. Perkara tersebut membuatkan pengkaji berfikir akan para pembuat kasut suatu ketika dahulu dilihat sangat kreatif dan mempunyai cara tersendiri dalam menterjemahkan sesuatu perkara yang ada disekeliling mereka dan menjadikannya motif atau simbol itu tampak bermakna kepada diri mereka mahupun masyarakat. Jika diteliti semula akan motif-motif rama-rama tersebut, dapat dilihat perbezaan bentuk rama-rama yang telah dihasilkan dari perspektif para pembuat kasut pada masa itu, akan tetapi mereka masih mengekalkan ciri-ciri fizikal rama-rama tersebut supaya orang lain juga dapat mengetahuinya. Jika dilihat kembali, komposisi motif rama-rama pada kesemua kasut manik tradisional Cina Peranakan tersebut adalah tidak sama, begitu juga dengan motif bunga kekwa, bunga teratai, ayam dan burung phoenix. Pengkaji melihat hal ini disebabkan oleh pandangan visual, pemahaman seseorang terhadap sesuatu motif, tahun penghasilan aksesori tersebut dan lain-lain merupakan antara faktor-faktor penghasilan rekabentuk motif seperti rama-rama adalah berlainan dan mempunyai pelbagai variasinya. Sebagai contoh, apabila berbicara mengenai rama-rama, ciri-ciri fizikal yang diketahui adalah haiwan kecil itu adalah sejenis haiwan yang berwarna-warni, mempunyai sayap serta boleh terbang dan suka hinggap di bunga-bunga. Justeru, pengkaji berpendapat pandangan visual oleh setiap

orang adalah sangat unik dan berbeza antara satu sama lain dalam menghasilkan sesuatu motif seperti motif yang terdapat pada kasut manik ini. Pada kerangka konsep pengkaji bagi jadual 2.1 (halaman 20), terdapat beberapa rumusan yang boleh diulaskan.

Hasil daripada pengkajian mengenai motif ini, pengkaji melihat motif-motif seperti fauna dan figura manusia tidak lagi menjadi pilihan para pembuat kasut manik pada masa kini kerana dilihat kelihatan ketinggalan zaman. Ini berikutan daripada gaya hidup masa kini yang lebih mementingkan keringkasan dalam sesuatu perkara. Pemilihan motif kasut manik pada masa kini perlu ringkas dan ceria, tertakluk kepada minat dan gaya si pembeli kasut manik dan para pembuat kasut manik hanya merealisasikan. Hal ini sangat berkait rapat dengan kajian daripada Sohaimi et al., (2017) yang menyatakan rekabentuk sulaman Baba Nyonya adalah berdasarkan templat yang disediakan secara khusus. Pada awalnya, kasut manik bermotifkan fauna seperti ikan emas, serangga dan lain-lain. Lama-kelamaan dirasakan motif sedemikian kurang mendapat tempat dan citarasa masyarakat terutama masyarakat Melayu yang tidak menjiwai motif-motif fauna seperti itu.

Penggunaan motif fauna dan motif figura manusia suatu ketika dahulu merupakan motif yang menjadi pilihan para pembuat kasut manik tradisioanal Cina Peranakan ini kerana penghasilannya bukanlah sesuatu yang mudah kerana perlu mempunyai kesabaran yang tinggi dan luar biasa untuk melayan kerumitan motif tersebut supaya penghasilan motif itu diakhirnya menjadi motif yang cantik dan menarik. Dek kerana kedua-dua motif itu juga menjadikan kasut manik tradisioanal Cina Peranakan ini istimewa dan berbeza kerana telah melalui fasa-fasa perubahan dari segi motif dan warna, jenis sulaman serta bentuk kasutnya, hasil daripada asimilasi tiga budaya (para pedagang Cina, masyarakat tempatan Melayu dan penjajahan pihak Barat – British). Sehingga ke hari ini, motif flora dan geometri telah menjadi motif utama yang diaplikasikan ke atas kasut manik tradisional Cina Peranakan.

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengkelasan kaedah kajian

Berdasarkan penjelasan tujuan kajian yang diperjelaskan melalui objektif serta kajian literatur, melalui bab tiga ini, ianya akan memperlihatkan kaedah kajian secara terperinci. Bahagian-bahagian yang tercatat di bawah ini adalah merangkumi proses kajian yang dapat dilihat melalui jadual 3.1.

Bab 1	Bab 2 dan 3	Bab 4
<u>Objektif kajian 1</u> Mengkaji motif dan warna pada kasut manik tradisional Cina Peranakan serta untuk mengenalpasti pengaruh dalam rekaannya.	<u>Kaedah kajian</u> <u>Kajian lapangan</u> (Muzium dan tempat-tempat lain yang telah dikenalpasti) <u>Pemerhatian</u> (Beberapa koleksi kasut manik) <u>Analisa dokumen</u> (Mengkaji, melihat dan memahami ciri-ciri yang terdapat pada motif-motif kasut manik Cina Peranakan dan mengenalpasti apakah jenis-jenis pengaruhnya)	<u>Dapatan kajian</u> * Dokumentasi contoh-contoh kasut manik * Ciri-ciri pengaruh motif dan warna budaya Cina, Melayu dan British.
<u>Objektif kajian 2</u> Menganalisa motif dan warna pada kasut manik tradisional Cina Peranakan menggunakan kaedah penganalisan teori seni visual.	<u>Kaedah kajian</u> <u>Pemerhatian</u> (Beberapa koleksi kasut manik) Melalui pengkelasan dan identiti kasut manik yang mengandungi lima (5) perkara seperti: Subjek, teknik, pengaruh, komposisi dan tujuan yang berdasarkan kepada elemen dan prinsip seni seperti warna, motif, bentuk, gaya, simbol, teknik dan sebagainya.	<u>Dapatan kajian</u> * Maksud motif dan warna pada kasut manik serta pengaruh bagi setiap motif-motif yang digunakan pada kasut manik tersebut.

Jadual 3.1: Pengkelasan kaedah kajian. Jadual menunjukkan aliran bagi metodologi kajian yang merangkumi kepada objektif kajian, kaedah kajian serta dapatan kajian.

3.2 Kaedah kajian 1

Seperti pada jadual 3.1, kaedah kajian (1) ini akan diselaraskan mengikut objektif kajian pengkaji yang telah ditetapkan. Objektif kajian (1) pengkaji adalah mengkaji motif dan warna pada kasut manik tradisional Cina Peranakan serta untuk mengenalpasti pengaruh dalam rekaanya. Sehubungan itu, tiga kaedah kajian digunakan iaitu berdasarkan kajian lapangan, pemerhatian dan juga analisa dokumen. Hasil dapatan kajian itu, pengkaji mendokumentasikan contoh-contoh kasut manik kepada beberapa kategori serta mengetahui ciri-ciri pengaruh sesuatu budaya ke atas kasut manik tradisional Cina Peranakan tersebut. Berikut merupakan penerangan ketiga-tiga kaedah kajian yang digunakan.

3.2.1 Kajian lapangan

Pengkaji telah melawati muzium dan tempat-tempat kasut manik di sekitar Kuala Lumpur dan Melaka. Muzium Tekstil Negara (MTN), Kuala Lumpur merupakan lokasi pertama yang dikunjungi dan muzium itu menyimpan koleksi-koleksi kasut manik dari abad ke-19 sehingga abad ke-20. Di Muzium Tekstil Negara, terdapat kepelbagaian jenis kasut tradisional Cina Peranakan mengikut kategori pada abad tersebut seperti kasut kodok, kasut seret, terompah, kasut sulam atau kasut tekad sehinggalah kepada kasut manik. Menurut kurator Muzium Tekstil Negara, Puan Rosidah Abdullah kepelbagaian jenis kasut itu merupakan hasil pemberian daripada kolektor-kolektor, juga dari pihak perseorangan atau persendirian. Berikut merupakan sepuluh (10) gambar-gambar bagi kasut manik tradisional Cina Peranakan yang telah direkodkan di muzium itu.




Gambarajah 3.1: Kasut kodok sulaman benang. Gambar 1 menunjukkan keseluruhan kasut. Gambar 2 pula menunjukkan motif kasut dari jarak dekat. Sumber gambar 1 oleh pengkaji (2015) manakala gambar 2 dari *Phoenix Rising: Narrative in Nyonya Beadwork from the Straits Settlements*, oleh Hwei-Fe'n Cheah, 2010, (hlm. 153). Singapura: NUS Press.

Kasut tongkang atau kasut kodok pada gambarajah di atas merupakan koleksi Jabatan Muzium Malaysia adalah kasut yang sangat cantik dan dapat dilihat halus buatan sulamannya. Dibuat daripada permukaan tapak kulit, permukaan hadapan kasut daripada kain baldi yang disulam dengan menggunakan benang sutera membentuk motif bunga dan rama-rama di atas kain baldi tersebut. Kasut ini dipakai oleh Nyonya semasa majlis perkahwinan dan ianya berasal dari Melaka pada awal abad ke 20 (Muzium Tekstil Negara, 2015).



Gambarajah 3.2: Kasut kodok sulaman benang. Gambar oleh pengkaji (2015).

Gambarajah di atas menunjukkan kasut kodok yang mempunyai permukaan tapak yang rata dan berkulit. Permukaan hadapannya ditekat dengan menggunakan benang metalik dan benang sutera yang berwarna yang membentuk burung phoenix, ayam dan tumbuhan. Kasut ini wujud pada abad ke-20 di Melaka dan dipakai oleh Nyonya pada hari bersejarah iaitu hari perkahwinannya (Muzium Tekstil Negara, 2015).



Gambarajah 3.3: Kasut kodok sulaman benang. Gambar 1 keseluruhan kasut manakala gambar 2 menunjukkan motif secara dekat. Kedua-dua gambar oleh pengkaji (2015).

Gambarajah 3.3 juga menunjukkan contoh lain bagi kasut kodok atau kasut tongkang yang diperbuat daripada tapak kulit. Permukaan hadapan kasut disulam menggunakan benang metalik di atas kain kapas yang bermotifkan seekor burung. Kasut ini dipakai oleh Nyonya dari Melaka pada awal abad ke 20 (Muzium Tekstil Negara, 2015).



Gambarajah 3.4: Kasut seret sulaman manik. Gambar 1 keseluruhan kasut manakala gambar 2 menunjukkan motif secara dekat. Kedua-dua gambar oleh pengkaji (2015).

Gambarajah di atas menunjukkan kasut seret atau juga dikenali sebagai selipar seret. Permukaan hadapan kasut adalah diperbuat daripada kain baldi yang berwarna biru, bertekad sulaman manik-manik halus dan bermotifkan motif flora iaitu bunga kekwa dan daun. Bahagian permukaan tapak kasut pula adalah dari kulit yang keras. Kasut ini dipakai oleh Nyonya Melaka dan ianya merupakan hasil buatan tangan oleh tukang Cina sekitar tahun 1920-an (Muzium Tekstil Negara, 2015).



Gambarajah 3.4.1: Permukaan tapak kasut. Gambaran jelas menunjukkan permukaan tapak kasut seret pada gambarajah 3.4 yang mempunyai motif flora. Gambar oleh pengkaji (2015).



Gambarajah 3.5: Kasut seret sulaman manik. Sumber gambar oleh pengkaji (2015).

Sepasang kasut tumit tinggi bersulaman manik motif geometrik terdapat pada bahagian tepi manakala motif bunga terletak pada bahagian tengah permukaan hadapan kasut. Bahagian tapak kasut berlapis dan bertumit dari kulit keras ini dilaker dengan warna biru. Kasut ini dipakai oleh Nyonya Melaka pada tahun 1940-an (Muzium Tekstil Negara, 2015).



Gambarajah 3.6: Kasut tekat sulaman benang. Gambar 1 menunjukkan keseluruhan kasut manakala gambar 2 adalah kedudukan pada jarak dekat. Kedua-dua gambar oleh pengkaji (2015).

Kasut seret tekat ini merupakan kasut yang dipakai oleh Nyonya di Melaka pada awal abad ke-19. Permukaan hadapan kasut disulam dengan benang metalik halus membentuk motif flora dan fauna iaitu burung dan tumbuh-tumbuhan (Muzium Tekstil Negara, 2015). Permukaan tapak kasut adalah daripada permukaan kulit.



Gambarajah 3.7: Kasut tekat sulaman benang. Gambar oleh pengkaji (2015).

Gambarajah di atas menunjukkan selipar seret lelaki dengan tapak diperbuat daripada kulit dan bahagian permukaan hadapan kasut adalah daripada kain baldu. Selipar ini juga dipanggil kasut bertekak kerana disulam dengan motif burung phoenix dari benang metalik yang diperindah dengan labuci halus. Kasut ini digunakan oleh Baba atau lelaki Cina dari Melaka pada awal abad ke 20 (Muzium Tekstil Negara, 2015).



Gambarajah 3.8: Kasut sulam sulaman benang. Kedua-dua gambar oleh pengkaji (2015).

Pada pemerhatian pengkaji di Muzim Tekstil Negara, kasut pada gambarajah 3.8 itu dipanggil kasut bersulam. Kasut ini diperbuat daripada kain baldi pada permukaan hadapan kasut dan ianya bertapak kulit. Bahagian permukaan disulam dengan benang sutera di atas kain baldi biru dan hijau memenuhi rekabentuk motif burung phoenix dan bunga-bunga. Dipakai oleh Nyonya semasa majlis perkahwinan dan berasal dari Melaka pada awal abad ke 20 (Muzium Tekstil Negara, 2015).



Gambarajah 3.9: Kasut perkahwinan wanita Nyonya. Gambar oleh pengkaji (2015).


Gambarajah di atas menunjukkan sepasang kasut tumit tinggi dengan permukaan bertekak pepaku halus berwarna perak dan pinggiran berbiku kain sutera ungu. Bahagian pemijak dan tumit dari kulit keras yang dilaker dengan warna kuning. Ianya dipakai oleh wanita Cina Peranakan, sekitar 1920-an (Muzium Tekstil Negara, 2015).



Gambarajah 3.10: Kasut manik. Kedua-dua gambar oleh pengkaji (2015).

Kasut manik ini mempunyai tumit, permukaan tapaknya diperbuat daripada kulit. Permukaan hadapannya dibuat daripada manik-manik kaca halus yang membentuk ragamhias zigzag. Kasut ini dipakai oleh Nyonya Melaka pada tahun 1930an (Muzium Tekstil Negara, 2015).

Untuk makluman juga, pengkaji turut membuat kajian lapangan di Melaka dan pengkaji berpeluang untuk berjumpa dengan responden-respondan kajian, juga di antara mereka itu para pembuat kasut manik. Antara responden-respondan kajian ini ialah Encik Tan Lian Kim (Bert Tan), Encik Bonny Wee, Puan Maszni Abdul Aziz, Puan Susan Hau Fong Lian (Susan Lim), Encik Raymond Yeo, Encik K. Nadarajan Raja dan Encik Nathan. Pada halaman seterusnya akan menerangkan mengenai gambar-gambar kasut manik tradisional Cina Peranakan yang telah direkodkan.



Gambarajah 3.11: Kasut manik Puan Maszni Abdul Aziz. Antara kasut manik hasil buatan tangan oleh Puan Maszni. Gambar 1, 3 dan 5 adalah keseluruhan bentuk kasut manik. Gambar 2, 4 dan 6 merupakan motif kasut dari jarak dekat. Kesemua gambar oleh pengkaji (2015).

Gambarajah menunjukkan permukaan hadapan kasut pada gambar 1 adalah jenis

bertutup manakala gambar 3 dan 5 permukaan hadapannya terbuka. Ketiga-tiga kasut tumit tinggi ini bermotifkan flora dan merupakan hasil buatan tangan Puan Maszni Abdul Aziz di Kampung Berangan 6, Umbai, Melaka. Puan Maszni banyak menghasilkan motif-motif flora seperti bunga ros dan motif geometri (pengkaji telah menerangkannya pada bab 2 – Kajian Literatur, bahagian 2.3 – Evolusi terhadap kasut manik tradisional Cina Peranakan). Jenama ‘Sparkle Beads’ pada permukaan tapak kasut itu merupakan jenama kasut manik Puan Maszni. Puan Maszni merupakan seorang pembuat kasut manik dan juga merupakan seorang usahawan kasut manik tempatan yang bukan berketurunan Baba Nyonya. Beliau telah mendapat banyak liputan di dalam akhbar tempatan negara mengenai kasut manik yang diusahakannya.

Seterusnya adalah gambar kasut manik oleh usahawan dan pembuat kasut manik, Puan Susan Hau Fong Lian dari Kedai T. S. Lim Trading, Jalan Tokong, Melaka. Seperti Puan Maszni, Puan Susan atau dikenali sebagai Susan Lim bukan dari keturunan Baba Nyonya. Beliau ialah seorang berbangsa Cina yang telah lama berkecimpung di dalam industri membuat kasut manik itu.



Gambarajah 3.12: Kasut manik Puan Susan Lim. Ini antara kasut manik hasil buatan tangan Puan Susan Lim. Gambar 1 keseluruhan kasut manik dan gambar 2 adalah motif dari jarak dekat. Kedua-dua gambar oleh pengkaji (2015).

Kasut manik bertapak kulit hitam ini mempunyai ketinggian dua inci. Permukaan hadapan kasut bermotifkan flora dan penggunaan warna manik berwarna biru memonopoli keseluruhan permukaan hadapan kasut manik tersebut.




Gambarajah 3.13: Kasut manik Puan Susan Lim. Gambar 1 adalah motif kasut dari jarak dekat dan gambar 2 adalah motif sebenar yang digunakan pada kasut gambar 1. Kedua-dua gambar oleh pengkaji (2015).

Gambarajah 3.13, merupakan kasut manik hasil buatan tangan Puan Susan Lim. Kasut sulaman manik ini bermotifkan flora pada bahagian hadapan dan tepi kasut. Beliau memaklumkan kasut manik tersebut telah mendapat anugerah ‘United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization’ atau dikenali UNESCO bagi rekabentuk motif yang dihasilkan pada kasut manik itu. Jika dilihat dengan teliti, motif flora pada bahagian tepi kasut itu sebenarnya merupakan motif daripada duit syiling Cina lama, seperti yang terdapat pada gambar 2 (gambarajah 3.13). Puan Susan memaklumkan akan motif yang dihasilkan itu lebih kepada feng shui. Feng shui merupakan satu sistem estetik Cina kuno yang dipercayai menggunakan hukum-hukum astronomi dan geografi bagi membantu dan memperbaiki kehidupan dalam menerima aliran positif dalam dan luar badan manusia (Wikipedia, (n.d.)).



Gambarajah 3.13.1: Gambaran jelas motif. Bulatan hitam menunjukkan gambaran jelas motif duit syiling Cina lama yang digunakan pada kasut manik seperti gambarajah 3.13 itu. Gambar oleh pengkaji (2015).



Gambarajah 3.14: Perbezaan manik kasar dan manik potong. Gambar oleh pengkaji (2015).

Selain itu, Puan Susan Lim turut menunjukkan perbezaan manik bagi manik kasar dan manik halus yang terdapat pada kedua-dua kasut manik tersebut. A merupakan jenis manik potong yang berbentuk bulat dan B adalah jenis manik kasar juga berbentuk bulat. Kasut manik potong dilihat lebih rumit dalam penghasilan manik kerana ianya sangatlah kecil dan memerlukan masa yang panjang untuk menghasilkan sepasang kasut manik.



Gambarajah 3.15: Kasut sulam dan kasut manik. Gambar 1 dan 3 merupakan keseluruhan kasut manakala gambar 2 dan 4 menunjukkan motif dari jarak dekat. Gambar 1-4 oleh pengkaji (2015).

Gambarajah 3.15 juga menunjukkan kasut manik tradisional Cina Peranakan. Kedua-dua kasut ini bertumit tinggi yang berukuran 2 inci. Gambar 2 menunjukkan motif bunga bersulaman manik ini dijahit di atas permukaan kain baldu berwarna coklat manakala gambar 4 menunjukkan motif flora dan fauna bersulaman benang yang dijahit di atas permukaan kain kapas. Motif pada gambar 4 telah diterangkan pada gambarajah 2.19. Kedua-dua kasut tersebut merupakan kasut manik tradisional Cina Peranakan berjenis lama berdasarkan keadaan fizikal kedua-dua kasut tersebut yang tidak dihasilkan lagi pada abad ini. Kedua-dua gambar kasut ini diambil di Kedai Abdul Antiques Sdn Bhd, Jalan Hang Jebat (Jonker Street), Melaka dengan kebenaran dari Encik Nathan.



Gambarajah 3.16: Kasut manik En. Raymond Yeo. Gambar 1 dan 2 menunjukkan kasut manik buatan tangan oleh Encik Raymond Yeo di kedai kasut manik Wah Aik, Jalan Tokong, Melaka. Kedua-dua gambar oleh pengkaji (2015).

Gambarajah 3.16 menunjukkan motif fauna; burung sebagai motif utama pada kedua-dua kasut tersebut. Dari pemerhatian pengkaji, kedua-dua kasut manik tersebut mempunyai banyak ciri-ciri fizikal yang sama. Antara ciri-ciri fizikal bagi kedua-dua kasut manik itu adalah dari segi motif, sulaman yang digunakan dan permukaan tapak kasut. Gambar 1 (gambarajah 3.16) memperlihatkan tiga motif iaitu motif fauna, flora dan motif geometri manakala gambar 2 menunjukkan dua motif flora dan fauna; dua ekor burung. Kedua-dua kasut manik pada gambar 1 dan 2 diperbuat daripada sulaman manik halus dan bertapak kulit hitam. Perbezaan bagi kedua-dua kasut tersebut adalah melalui permukaan hadapan kasutnya dimana kasut manik pada gambar 1 adalah dari jenis bertutup dan kasut pada gambar 2 jenis terbuka. Penggunaan warna manik pada gambar 1 dilihat warnanya yang agak kelam (tidak ceria dan suram) manakala penggunaan warna manik pada gambar 2 tampak lebih ceria dan berwarna-warni. Selain itu, pembuat kasut manik ini, En Raymond Yeo bukanlah dari keturunan Baba Nyonya tetapi beliau juga telah lama menceburi bidang kasut manik ini. Selain kasut manik, beliau turut menghasilkan kasut lotus Cina yang terkenal iaitu kasut yang dipakai oleh orang Cina untuk mengecilkan kaki mereka pada suatu abad dahulu.

Selain daripada gambar-gambar kasut manik tradisional Cina Peranakan yang telah direkodkan, pengkaji turut berjumpa Encik K. Nadarajan Raja di Kampung Budaya Chitty, Melaka bagi melihat kasut manik-kasut manik tradisional Chitty Peranakan yang merupakan koleksi peribadi beliau.



Gambarajah 3.17: Kasut manik En. Rajan. Gambar menunjukkan kasut manik tradisional Chitty Peranakan bagi kasut pengantin perempuan dan kasut pengantin lelaki. Kedua-dua kasut manik ini adalah kepunyaan peribadi Encik K. Nadarajan Raja. Gambar oleh pengkaji (2015).

Dari pemerhatian pengkaji, kasut manik pada gambarajah 3.17 ini dipanggil kasut seret disebabkan oleh permukaan tapak kasut yang rata dan berkulit keras. Motif kasut pengantin perempuan adalah bermotifkan dua kombinasi motif iaitu motif flora dan geometri manakala motif kasut lelaki adalah motif geometri. Penggunaan warna manik yang berwarna-warni telah menonjolkan lagi motif flora pada kasut manik ini. Menurut Encik K. Nadarajan Raja atau mesra disapa Encik Rajan, kedua-dua kasut manik tersebut telah menjangkau usia lebih 100 tahun. Pengkaji berpendapat kasut manik tersebut berkemungkinan dihasilkan pada awal abad ke-19 (jika ditolak dari tahun kini). Menurut En. Rajan lagi, kasut manik itu dipakai oleh beliau semasa majlis perkahwinannya pada tahun 2008 dan kasut manik tersebut dikenali sebagai kasut manik potong kerana manik yang digunakan itu berbentuk bulat, sangat halus dan kecil tidak seperti manik bulat yang biasa.



Gambarajah 3.17.1: Kasut manik En. Rajan. Kasut manik tradisional Chitty Peranakan ini merupakan kasut pengantin perempuan dari jarak dekat. Gambar oleh pengkaji (2015).



Gambarajah 3.17.2: Kasut manik En. Rajan. Kasut manik tradisional Chitty Peranakan ini pula adalah kasut pengantin lelaki dari jarak dekat. Gambar oleh pengkaji (2015).



Gambarajah 3.17.3: Permukaan tapak kulit. Permukaan tapak kasut berkulit keras ini juga bermotifkan flora. Gambar oleh pengkaji (2015).

Selain daripada kasut manik, Encik Rajan turut mempunyai koleksi kasut sulam yang dilihat lebih daripada abad ini.



Gambarajah 3.18: Kasut sulam En Rajan. Kasut tradisional Chitty Peranakan ini merupakan koleksi peribadi beliau. Gambar oleh pengkaji (2015).



Gambarajah 3.18.1: Kasut sulam En. Rajan. Kasut lelaki dari jarak dekat. Gambar oleh pengkaji (2015).



Gambarajah 3.18.2: Kasut sulam En. Rajan. Kasut perempuan dari jarak dekat. Gambar oleh pengkaji (2015).

Jika diteliti pada gambarajah 3.18.1 dan 3.18.2 itu, permukaan hadapan kasut sulam lelaki dan perempuan Chitty Peranakan tersebut bermotifkan flora dan bersulaman benang metalik berwarna emas dan perak. Pengaruh Melayu turut dilihat meresapi kepada kasut sulam tradisional Chitty Peranakan ini. Hal ini berdasarkan kepada penggunaan kertas keras pada kasut sulam itu yang digunakan untuk membuat sulaman tekat, bahan yang digunakan dalam sulaman Melayu. Permukaan tapak adalah dari kulit keras dan kedua-dua kasut sulam ini dikenali sebagai kasut seret berdasarkan dari permukaan tapaknya yang rata. Pada permukaan tapak kasut sulam lelaki yang berwarna merah itu ada tertera perkataan “Choplinhin Singapore” (rujuk gambarajah 3.18) yang berkemungkinan kasut ini dihasilkan di Singapura dan hasil pencarian di internet, tiada maklumat yang dijumpai.

3.2.2 Pemerhatian

Seterusnya kaedah kajian bagi objektif kajian (1) pengkaji adalah melalui pemerhatian. Pengkaji telah berjumpa dengan responden kajian iaitu Puan Susan Lim di kedai kasut manik beliau di T.S. Lim, Jalan Tokong, Melaka Bandaraya Bersejarah bagi meninjau motif yang terdapat di kedai kasut berkenaan. Pengkaji turut membuat pemerhatian ke atas kasut-kasut manik yang ada. Hal ini kerana, pengkaji telah memilih motif-motif kasut manik yang dihasilkan oleh beliau pada suatu ketika dahulu dimana motif-motif yang dipilih itu merupakan motif fauna. Hasil daripada gambar kasut manik itu, pengkaji akan menghuraikan pengaruh serta maksud motif dan warna dalam bab seterusnya iaitu bab empat (4) – Analisa Kajian. Walaupun pengkaji telah menemui beberapa orang responden kajian (pembuat kasut manik) bagi mengetahui maksud motif dan warna pada kasut manik, ianya masih tidak mencukupi serta tiada sokongan visual yang kuat terhadap perkaitan motif ke atas kasut manik tradisional Cina Peranakan. Hal ini kerana majoriti responden kajian iaitu para pembuat kasut manik yang ditemui oleh pengkaji, mereka

bukanlah daripada keturunan Baba Nyonya. Penglibatan mereka di dalam penghasilan kasut manik ini disebabkan pengaruh dari ahli keluarga mereka yang hidup atau berjiran dalam persekitaran komuniti Baba Nyonya. Walaubagaimanapun, segala bentuk jawapan dari pihak responden kajian mengenai sesuatu motif kasut manik masih mempunyai perkaitan dengan budaya Cina itu.

3.2.3 Analisa dokumen

Hasil daripada penemuan pengkaji di dalam bab dua (2) - Kajian Literatur adalah sumber daripada buku-buku, jurnal-jurnal, tesis mahupun disertasi pengkaji lain, media elektornik (internet) dan lain-lain lagi. Akan tetapi dalam kajian ini, pengkaji banyak menggunakan gambar kasut manik daripada kedua-dua buku ini iaitu buku yang bertajuk 'Phoenix Rising' oleh Hwei-Fe'N Cheah (2010) dan buku yang bertajuk 'Beadwork and Embroidery' oleh Ho Wing Meng (1987). Hal ini kerana kedua-dua buku tersebut telah merekod banyak kasut manik-kasut manik hasil daripada koleksi kolektor-kolektor yang terdapat di Singapura, Indonesia dan juga Malaysia. Gambar-gambar kasut manik tersebut telah direkodkan dan daripada dapatan tersebut, pengkaji dapat mengetahui maklumat kasut manik secara terperinci terutama mengenai tahun penghasilan kasut manik, jenis motif, jenis sulaman dan jenis kasut bagi membuat perbandingan atau ulasan terhadap kasut manik-kasut manik berkenaan. Perkara tersebut telah diulas dalam bab dua (2) - Kajian Literatur. Hal ini sangat berbeza dengan hasil penemuan pengkaji di dalam media elektronik (internet) mengenai kasut manik di mana tiada maklumat bagi tahun penghasilan kasut manik dinyatakan secara terperinci tetapi hanyalah penceritaan mengenai sejarah Cina Peranakan sahaja. Ini menyukarkan pengkaji untuk membuat huraian serta pengkelasan kasut manik-kasut manik itu.

3.3 Kaedah kajian 2

Objektif kajian kedua pengkaji ialah menganalisa motif dan warna pada kasut manik tradisional Cina Peranakan menggunakan kaedah penganalisan teori seni visual. Objektif kajian kedua ini akan ditentukan melalui penggunaan ‘STICI Framework’. Penggunaan ‘STICI Framework’ pada analisa kajian dilihat bertepatan dalam menganalisa motif-motif yang terdapat pada kasut manik. Terdapat lima pengkelasan yang akan digunakan dan dapat diketahui melalui subjek, teknik, pengaruh, komposisi dan tujuan. Kelima-lima pengkelasan ini ditentukan pula melalui elemen dan prinsip seni seperti warna, bentuk, nilai dan lain-lain lagi. Hasil dapatan kajian pula dapat diketahui melalui maksud motif dan warna pada kasut manik serta pengaruh bagi setiap motif-motif yang digunakan pada kasut manik tersebut. Kaedah kajian ini akan dihuraikan di dalam bab empat (4) – Analisa Kajian seperti gambarajah di bawah ini.



Gambarajah 3.19: Contoh analisa kajian pada kasut manik. Gambaran jelas motif dari jarak dekat yang terdapat pada kasut manik berkenaan. Sumber dari *Phoenix Rising: Narrative in Nyonya Beadwork from the Straits Settlements*, oleh Hwei-Fe'n Cheah, 2010, (ms 278). Singapura: NUS Press.

Pada gambarajah 3.19, pemerhatian akan dibuat melalui motif yang terdapat pada kasut manik itu berdasarkan kepada beberapa pecahan seperti motif yang digunakan, 'latar hadapan dan latar belakang' bagi permukaan hadapan kasut serta pengertian bagi maksud-maksud motif yang terdapat pada kasut manik serta perkaitannya dalam budaya Cina Peranakan. Seterusnya pengkaji akan membuat pengkelasan seperti yang dinyatakan pada halaman sebelumnya.

	SEM 1 – 2014/2015	SEM 2 – 2014/2015	SEM 1 – 2015/2016	SEM 2 – 2015/2016
Aktiviti Kajian	Menyiapkan kertas cadangan	Memfokus kepada kajian literatur dan bahagian lain	Membuat pemerhatian dan temubual	Membuat pemerhatian dan temubual serta menyiapkan keseluruhan disertasi bagi pembentangan kertas cadangan
BAB 1: Pendahuluan (Membuat kertas cadangan kajian & pembentangan k.cadangan)	✓	✓	✓	✓
BAB 2: Kajian Literatur	✓	✓	✓	✓
BAB 3: Metodologi Kajian	✓	✓	✓	✓
BAB 4: Analisa Kajian	✓		✓	✓
BAB 5: Kesimpulan & Cadangan Kajian	✓			✓
Pembentangan kertas cadangan				✓
Pembetulan disertasi/hantar disertasi lengkap				
	SEM 1 – 2016/2017	SEM 2 – 2016/2017	SEM 1 – 2017/2018	SEM 2 – 2017/2018 & SEM 1 – 2018/2019
Aktiviti Kajian	Memfokuskan kepada analisa kajian dan bahagian lain	Tangguh semester pengajian	Menyiapkan keseluruhan disertasi bagi pembentangan CD dan tempoh menunggu disertasi disemak oleh pemeriksa	Mendapat maklumbalas pemeriksa dan menyiapkan pembetulan akhir disertasi
BAB 1: Pendahuluan (Membuat kertas cadangan kajian & pembentangan k.cadangan)	✓		✓	✓
BAB 2: Kajian Literatur	✓		✓	✓
BAB 3: Metodologi Kajian	✓		✓	✓
BAB 4: Analisa Kajian	✓		✓	✓
BAB 5: Kesimpulan & Cadangan Kajian	✓		✓	✓
Pembentangan CD			✓	
Pembetulan disertasi/hantar disertasi lengkap				✓

Jadual 3.2: Jadual kerja bagi kajian disertasi pengkaji.

BAB 4: ANALISA KAJIAN

4.1 Pemilihan motif fauna sebagai motif analisa kajian

Dalam bab empat (4) ini, analisa kajian pengkaji ini juga merupakan satu penganalisan yang unik untuk dilihat dan diketahui kerana ianya bukanlah analisa terhadap sebuah lukisan berbentuk 2D akan tetapi suatu olahan motif yang terdapat pada sebuah kasut yang berbentuk 3D. Tidak seperti lukisan yang hanya boleh dilihat dan dianalisa, keempat-empat 'karya seni' pengkaji ini diaplikasikan di atas bentuk yang boleh dilihat, disentuh dan dipakai oleh manusia. Karya seni pengkaji yang dimaksudkan ini adalah motif yang terdapat pada kasut manik tradisional Cina Peranakan menggunakan 'STICI Framework'.

Terdapat empat motif kasut manik yang akan dianalisis. Antara motif-motif kasut manik yang akan dikaji adalah kasut manik bermotifkan bunga dan burung, kasut manik motif ikan emas, kasut manik motif anjing dan kasut manik motif ayam. Keempat-empat motif tersebut adalah motif fauna. Pengkaji akan menjangkau masa lalu bagi mengetahui pengaruh yang terdapat pada motif-motif fauna tersebut. Pemilihan motif-motif kasut manik yang akan dikaji ini disebabkan oleh kerumitan untuk menghasilkan motif-motif fauna seperti ini atau mungkin tidak lagi dihasilkan pada abad ini.

Selain itu, penggunaan motif fauna pada kasut manik suatu ketika dahulu dilihat sebagai suatu legenda kepada identiti kasut tersebut. Pengkaji turut melihat motif-motif fauna pada kasut manik merupakan suatu bentuk perlambangan atau simbolik motif yang tersirat dalam budaya Baba Nyonya ini. Mungkinkah mempunyai perkaitan dengan budaya-budaya lain seperti budaya Melayu dan British?

4.2 Kasut manik motif bunga dan burung

Kasut manik pada gambarajah di bawah merupakan kasut yang telah dihasilkan oleh En. Raymond Yeo, seorang pembuat kasut manik di Jalan Tokong, Melaka. Tidak diketahui saiz kasut, berkemungkinan saiz kasut manik itu adalah bersaiz enam atau tujuh berdasarkan saiz kebanyakan kaki wanita di Malaysia. Kasut manik ini merupakan sejenis kasut ‘mules’ dimana pada bahagian hadapannya bertutup dan terbuka pada bahagian belakang kasut. Kasut ini bertumit rendah dan permukaan tapak kulitnya yang berwarna hitam.




Gambarajah 4.2.1: Kasut manik En. Raymond Yeo. Gambar oleh pengkaji (2015).



Gambarajah 4.2.2: Contoh lain kasut manik jenis mules. Gambar 1 keseluruhan kasut manakala gambar 2 pandangan tepi kasut. Kasut manik berjenis ‘mules’ ini seperti yang dinyatakan oleh pengkaji pada halaman sebelumnya. Kedua-dua gambar oleh pengkaji (2015).

Pembuat kasut manik ini telah memilih motif bunga ros dan motif burung sebagai motif utama pada permukaan hadapan kasut ‘mules’ ini manakala motif swastika dilihat sebagai penambahan motif. Teksstur permukaan hadapan kasut juga boleh dirasakan kerana diperbuat daripada seratus peratus (100%) bahan manik berdasarkan manik potong iaitu manik berbentuk kecil dan halus (rujuk kepada gambarajah 4.2.1) yang digunakan untuk menjahit manik tersebut.

Suatu ketika dahulu, pelukis-pelukis Cina menjadikan motif bunga dan burung ini sebagai motif utama mereka untuk berkarya seni dan motif-motif tersebut terdapat pada kebanyakan lukisan Cina dan tembikar seramik mereka. Hal ini kerana bunga dan burung merupakan motif universal yang sering digunakan dalam karya-karya lukisan di China kerana China mempunyai sejarah yang panjang terutama semasa kemasyhuran empayar China pada zaman dahulu. Di China, pelukis-pelukis mereka sentiasa menggunakan motif-motif ini sebagai ‘genre’ istimewa dalam penghasilan karya seni mereka, ianya dilihat bermula pada corak prasejarah tembikar dan perkakas dapur gangsa yang banyak memperlihatkan kedua-dua motif tersebut (Soh Choi ,(n.d.)).



Gambarajah 4.2.3: Motif burung pada tembikar atau artifak lama. Gambar 1 dari *Chinese Bird-and-Flower Painting for Beginners*, oleh Ma Zhifeng, 2007 (hlm.23). China: Foreign Languages Press. Gambar 2 dan 3 dari *Symbolism in Ancient Chinese Art* oleh Hugo Munsterberg, 1986 (hlm. 103 dan 105), New York: Hacker Art Books.



Gambarajah 4.2.4: Motif bunga dan burung pada lukisan Cina. Kedua-dua gambar menunjukkan lukisan Cina yang mempunyai motif bunga dan burung. Sumber gambar 1 dan 2 dari google.

Lukisan burung dan bunga telah wujud dalam tempoh yang lewat iaitu semasa zaman kegemilangan empayar China. Motif yang dikenali sebagai ‘four gentlemen’ merupakan motif seperti plum, orkid, buluh dan kekwa mula muncul dan menguasai dalam lukisan burung dan bunga tema yang digemari oleh pelukis Cina kerana mereka


percaya tumbuh-tumbuhan boleh mengambil alih beberapa ciri-ciri khas. Sebagai contoh, bunga plum simbol kepada salji dan pembekuan angin yang bermaksud pantang menyerah. Buluh yang berbentuk lurus adalah simbol kepada kejujuran dan integriti. Orkid pula adalah umpama memancarkan aroma di padang gurun. Lukisan Cina burung dan bunga adalah penjelmaan kepada estetika Cina, ideologi dan etika tradisional. Pelukis Cina tidak cuba untuk meniru motif burung dan bunga, tetapi ia merupakan usaha untuk menyampaikan perasaan dan emosi pelukis melalui objek yang digambarkan. Selain itu, bunga peoni adalah simbol kepada kekayaan dan kemuliaan. Maksud beberapa motif burung dan bunga mungkin agak berbeza dalam budaya lain. Sebagai contoh, burung murai yang dianggap dalam seni Cina sebagai pembawa berita bertuah, ia juga boleh menjadi gangguan bising atau sebagai satu petanda sakit iaitu petanda kurang baik dalam budaya lain. Tradisi simbolik dalam lukisan burung dan bunga masih hidup pada hari ini kerana masyarakat Cina berada dalam kehidupan yang lebih baik dan makmur. Justeru, lukisan burung dan bunga yang dicipta adalah untuk menyatakan hasrat pelukis mereka kepada keamanan, panjang umur, kasih sayang yang berterusan dan kehidupan yang selesa. Lukisan Cina burung dan bunga juga mempunyai fungsi yang istimewa kepada personaliti masyarakat Cina dan sebagai nilai estetik di mana fungsinya yang tidak boleh diganti oleh 'genre' lain. Hal ini berbeza dengan lukisan figura yang secara langsung mencerminkan perjuangan manusia menentang kekejian dan kejahatan, lukisan burung dan bunga mengenakan pengaruh yang mengaspirasikan rakyat untuk kecantikan, kebenaran dan kebaikan dan kebencian mereka untuk keburukan, kepalsuan serta kejahatan (Ma Zhifeng, 2007).

Banyak lukisan burung dan bunga adalah simbolik bagi masyarakat Cina. Sebagai contoh, artis Cina suka melukis buluh kerana sendi pada batang buluh dipanggil *jie* dalam Bahasa Cina, *punning* pada perkataan bermaksud integriti peribadi. Beberapa makna simbolik motif yang digunakan itu berasal dari kepercayaan rakyat dan adat (Ma Zhifeng,

2007).

Pengkaji turut melihat motif burung dan bunga ini bukanlah bersifat konvesyen sepanjang zaman. Walaupun bermotifkan bunga dan burung, motif-motif ini ditukar kepada gaya moden bersesuaian dengan gaya hidup sesuatu budaya itu pada zaman kini seperti yang diaplikasikan pada bentuk 3D iaitu kasut manik tradisional Cina Peranakan.


Selain mengenai motif burung dan bunga, motif kedua yang terdapat pada kasut manik bagi gambarajah 4.2.1 adalah motif swastika, motif yang tidak asing lagi bagi masyarakat Cina. Motif ini dilihat seperti berbentuk Z terbalik.



Gambarajah 4.2.5: Motif swastika. Kedua-dua gambar menunjukkan motif swastika. Gambar 1 diambil dari google. Gambar 2 telah disunting oleh pengkaji (2015).


Swastika atau dikenali *Svas* dalam bahasa Sanksrit yang telah digunakan dalam agama Buddha sebelum ini, ianya melambangkan nasib yang baik. Lambang swastika adalah lambang yang banyak digunakan di seluruh dunia dan lambang ini boleh dikesan dalam budaya dan tradisi sesuatu masyarakat. Selain itu, ia juga turut disebut sebagai *shubhtika* yang membawa maksud petanda baik serta tuah badan yang baik bagi sesiapa yang menggunakannya. Lambang ini seringkali menjadi lambang kepada Buddhisme, Jainisme dan Hinduisme. Gaya swastika yang menghadap ke kiri dianggap mempunyai kaitan dengan kejahatan dan keburukan (Mohd Sabrizaa, 2008). Selain itu, terdapat motif swastika yang terdiri daripada corak flat yang terhasil daripada jalinan geometri dengan corak-corak bersegi. Hiasan ini dikatakan sebagai satu simbol panahan petir yang dikaitkan dengan kegembiraan dan sebagai satu lambang kepada swastika Buddha yang

mewakili matahari (Muzium Kesenian Islam, 2001). Berikut merupakan jenis-jenis swastika yang telah digunakan oleh masyarakat di seluruh dunia.



Gambarajah 4.2.6: Motif swastika. Sumber gambar dari *The Migration of Symbols* oleh Donald A. Mackenzie, 1970, (hlm. (n.d.)). New York: AMS Press

Di India, motif swastika merupakan simbol hidup yang dapat mengekalkan kesucian serta membantu kelahiran. Bagi masyarakat Buddha pula, motif swastika ini adalah simbol jelas yang terdapat di tapak kaki Buddha yang terkenal di mana ianya dikaitkan dengan simbol-simbol lain (Donald A., 1970).



Gambarajah 4.2.7: Motif swastika pada tapak kaki Buddha. Sumber gambar 1 dari *The Migration of Symbols* oleh Donald A. Mackenzie, 1970, (hlm. 7). New York: AMS Press Inc dan gambar 2 dari google.


Asal usul swastika tidak diketahui. Ia telah digunakan beribu-ribu tahun yang lalu sebagai simbol matahari, infiniti dan rekreasi berterusan dan kesuburan di Sumeria, China, India, Mesir, Amerika dan juga di tempat lain. Ia juga merupakan salah satu tanda-tanda suci agama Buddha. Masyarakat Cina secara khususnya mempercayai akan kewujudan motif ini di dalam kehidupan mereka kerana perkataan swastika bermaksud svastika dalam Bahasa Sanskrit yang bermaksud kemakmuran dan dianggap membawa tuah. Berikut adalah analisa mengenai komposisi motif yang terdapat pada kasut manik tersebut (Diana Darke, 2014).



Gambarajah 4.2.8: Motif flora dan fauna serta motif geometri. Gambar 1 memfokuskan motif flora dan fauna. Gambar 2 merujuk kepada motif geometri. Gambar disunting oleh pengkaji (2015) bagi menunjukkan kedua-dua jenis motif yang terdapat pada kasut manik ini.

Pada gambarajah ini, pengkaji memisahkan motif kepada dua bahagian; motif flora dan fauna dan motif geometri. Motif flora dan fauna yang dimaksudkan ialah seekor burung, ranting kayu dan beberapa kuntum bunga besar dan kecil manakala motif

geometri adalah motif swastika yang berwarna jingga iaitu motif yang berkaitan dalam budaya Cina Peranakan. Warna-warna harmoni telah digunakan pada motif flora dan fauna ini seperti warna biru muda, kuning, jingga, merah muda, merah tua, putih, hijau muda, hijau tua, kelabu, hitam dan warna tanah (coklat). Motif burung adalah berwarna biru, bersayap kuning dan jingga, bahagian paruh adalah berwarna jingga dan kakinya pula berwarna kuning dan jingga. Matanya berwarna hitam dan putih. Bersebelahan motif burung, terdapat motif bunga yang besar berwarna putih bercampurkan warna merah muda dan merah tua. Warna jingga dan hijau muda merupakan warna-warna bagi motif geometri swastika itu.



Gambarajah 4.2.9: Ketidakeseimbangan motif (*asymmetrical balance*). ‘Penindihan’ motif flora ke atas motif geometri yang terdapat di dalam kotak. Gambar disunting oleh pengkaji (2015).

Gambarajah tersebut menunjukkan ketidakseimbangan motif dapat dilihat dimana motif seekor burung kelihatan lebih menguasai ruang permukaan hadapan kasut berbanding motif bunga. Ruang permukaan kasut manik ini telah dipenuhi dengan motif-motif flora, fauna dan geometri menyebabkan kasut manik ini kelihatan padat dan sarat

dengan motif. Penekanan pada kasut manik adalah berdasarkan motifnya yang pelbagai serta memenuhi ruang kasut. Pengulangan motif swastika dapat dilihat sebagai ‘motif latar belakang’ kasut manik itu. Jika dilihat dengan teliti, motif flora yang terdapat pada kasut manik tersebut adalah motif bunga ros atau dikenali bunga mawar.

Penggunaan motif flora khususnya motif bunga ros dan motif geometri dilihat menjadi pilihan para pembuat kasut manik dari abad ke-18 iaitu selepas dari penjajahan kuasa Barat terutama pihak British ke Tanah Melayu pada masa itu sehinggalah zaman kini. Pengkaji melihat bunga ros ini sebagai lambang kepada identiti seorang wanita kerana ciri-ciri fizikal bunga ros adalah bunga yang cantik dan mempunyai pelbagai warna, lembut kelopaknya tetapi mempunyai duri yang tajam. Hal seperti itu boleh diumpamakan kepada keperibadian seorang wanita yang memiliki kecantikannya yang tersendiri, yang bersifat sopan santun atau lemah lembut dan mampu pertahankan diri daripada sebarang unsur-unsur negatif pada sekelilingnya kerana duri yang tajam umpama kekuatan pada seseorang wanita itu. Dalam sejarah seni Eropah, bunga ros merupakan bunga yang menjadi satu kemestian kepada para pelukis untuk diaplikasikan dalam lukisan mereka. Ia juga merupakan subjek kajian atau subjek kesayangan kepada para pembuat arca porcelain atau seramik yang mengaplikasikan bunga tersebut pada porcelain seramik. Selain itu juga, pelukis Eropah seperti Vincent Van Gogh dan Henri Fantin-Latour turut mengaplikasikan motif bunga ros ke atas kanvas lukisan mereka. Lukisan yang bertajuk ‘Yellow Roses’ (1886) dan ‘Roses in a Bowl’ (1883) antara lukisan-lukisan mereka yang terkenal (Farrin, 2016). Gambarajah seterusnya menunjukkan lukisan Van Gogh dan Henri Fantin-Latour.



Gambarajah 4.2.10: Lukisan bunga ros dari pelukis Barat. Gambar 1 oleh Vincent Van Gogh, *Glass with Yellow Roses*, 1886, Cat minyak atas kanvas. Gambar 2 oleh Henri Fantin-Latour, *Roses in a Bowl*, 1883, Cat minyak atas kanvas. Sumber gambar 1 dan 2 dari google.

Jika dilihat kembali motif yang terdapat pada gambarajah 4.2.1, motif bunga pada kasut manik tersebut merupakan motif bunga ros. Penggunaan motif bunga ros itu telah menggantikan bunga peoni yang suatu ketika dahulu merupakan lambang atau simbol tradisonal budaya Baba Nyonya tersebut. Ini berikutan bunga ros dilihat menyerupai bunga peoni kerana ciri-ciri fizikal yang terdapat pada bunga tersebut.



Gambarajah 4.2.11: Persamaan bunga ros dan bunga peoni. Gambar 1 adalah bunga ros dan gambar 2 bunga peoni. Sumber gambar 1 dan 2 dari google.

Bunga ros merupakan bunga yang terkenal yang diaplikasikan ke atas kasut manik kini. Hal ini kerana motif bunga ros cukup sinonim dengan masyarakat Inggeris yang memperlihatkan motif tersebut terdapat pada kebanyakan aksesori terutama perhiasan

rumah gaya ala Inggeris. Motif burung dan haiwan-haiwan lain bersama motif bunga merupakan antara metafora yang biasanya ditemui dalam pertukangan manik Nyonya berdasarkan legenda Cina Selatan, lebah membantu seorang lelaki muda untuk mencari pasangan yang sesuai (Cheah, 2010). Komposisi motif yang dimaksudkan itu terdapat pada kasut manik bagi gambarajah 4.2.1.

4.3 Kasut manik motif ikan emas

Kasut manik pada gambarajah di bawah merupakan kasut yang telah dihasilkan oleh Puan Susan Lim, seorang pembuat kasut manik di Jalan Tokong, Melaka. Kasut manik ini merupakan sejenis kasut ‘mules’ dimana pada bahagian hadapannya bertutup dan terbuka pada bahagian belakang kasut. Kasut yang bertumit tinggi dan permukaan tapak kulitnya yang berwarna jingga ini telah mencipta kesan visual yang menarik dimana teskturnya dapat dirasai dan motif ikan emas itu telah memberi ‘kesan timbul’ pada keseluruhan motif yang digunakan serta jahitan maniknya yang tampak kemas dan halus.



Gambarajah 4.3.1: Kasut manik Puan Susan Lim. Gambar kecil menunjukkan keseluruhan kasut manik. Gambar oleh pengkaji (2015).

Puan Susan Lim telah memilih motif ikan emas sebagai motif utama pada permukaan hadapan kasut jenis 'mules' ini manakala motif alga atau rumpai sebagai motif tambahan. Kasut sulaman manik ini merupakan kasut yang diperbuat daripada manik potong iaitu manik halus. Motif ikan emas merupakan suatu motif yang sering digunakan pada kebanyakan aksesori Cina Peranakan terutama kasut manik. Ikan emas atau dikenali dengan nama 'Jin Yu' dalam bahasa Mandarin. Orang Cina amat menggemari ikan emas dan membela ikan tersebut di dalam balang kaca atau di kolam di taman-taman kuil. Perkataan Cina yang bermaksud 'ikan emas' adalah fonetik yang sama dengan perkataan 'banyak emas'. Oleh demikian, ikan emas boleh dijadikan sebagai hadiah perkahwinan yang boleh diterima dan diwakili bersama dengan bunga teratai. Tidak ada perasaan lain selain ketenangan ketika kita memperhatikan seekor ikan berenang di habitatnya. Dalam kebudayaan China, ikan juga menunjukkan satu simbol dari ketenangan, kebijaksanaan, kesabaran, harmoni dan umur panjang. Dalam aksara China, ikan dilafazkan sebagai 'Yu', dimana membawa maksud rezeki yang melimpah, apatah lagi jika ikan tersebut adalah ikan emas. Sisik ikan emas yang berwarna emas dan jumlah sisik yang sangat banyak menggambarkan banyaknya rezeki yang melimpah ruah (Iwet, 2013).

Dalam membincangkan kepentingan motif ikan dalam seni Cina, CAS Williams berkata: "Ikan ini secara simbolik bekerja sebagai lambang kekayaan atau limpahan yang mempunyai persamaan dalam sebutan perkataan *yu*, kerana ikan amat banyak di perairan China. Disebabkan kuasa pembiakannya yang banyak, ia adalah simbol pertumbuhan semula, juga menjadi lambang kepada keharmonian dan kebahagiaan dalam sebuah perkahwinan dimana sepasang ikan adalah lambang kegembiraan kesatuan, terutama yang bersifat seksual; ia juga merupakan salah satu azimat untuk menolak kejahatan dan termasuk antara tanda-tanda bertuah yang ada pada tapak kaki Buddha. Sudah tentu simbol ikan ini berkaitan rapat dengan kemakmuran dan nasib yang baik, lambang

bertuah kepada keawalan tamadun Cina suatu ketika dahulu” (Hugo, 1986).

Selain itu, jika dilihat pada gambarajah 4.3.1, terdapat sembilan ekor ikan emas pada kasut manik itu. Nombor sembilan atau dipanggil *Jiu* dalam bahasa Cina, melambangkan unsur logam dan kedudukan arah Barat. Sebagai nombor terakhir *Yang*, ia mewakili usia yang panjang. Frasa dan perkara-perkara yang berkaitan dengan nombor ini kebanyakannya bertuah dan penting kepada manusia. Jika nombor sembilan ini bergabung dengan nombor 20, menjadi 29 dan merupakan nombor bertuah kerana ia adalah ‘Yin dan Yang’ (Evelyn Liq, 1992).



Gambarajah 4.3.2: Motif ikan emas pada lukisan Cina. Contoh lukisan Cina yang juga mempunyai motif ikan emas berjumlah sembilan ekor. Sumber kedua-dua gambar dari google.

Ikan emas dikategorikan sebagai ikan hiasan kerana ikan tersebut mempersonakan dan sering berada di dalam kolam ikan pada kebanyakan rumah-rumah orang Cina. Ikan emas juga sering dijadikan sebagai subjek kajian dalam sesebuah karya seni. Ikan emas sering dikaitkan dengan nasib baik dan kekayaan yang melimpah ruah. Haiwan tersebut yang sering berenang bersama pasangan adalah simbol bagi keharmonian perkahwinan dan kebahagiaan juga merupakan simbol yang baik untuk memberkati pasangan yang baru berkahwin (Ong Hean, 1994).

Ikan, kura-kura dan katak merupakan haiwan simbolik yang terawal yang terdapat

pada rekabentuk seramik Neolitik. Suatu ketika dahulu, petani di kampung-kampung ini mempunyai peralatan dapur yang menggambarkan haiwan-haiwan tertentu. Haiwan-haiwan ini semua berkait rapat dengan kelembapan dan air di mana amat penting buat penduduk terutama di luar bandar. Gambaran seperti itu sememangnya tidak boleh disangkalkan lagi kerana ianya berkaitrapat dengan alam semula jadi di mana kepercayaan bahawa apa yang manusia wakili dalam lukisan atau upacara juga berlaku dalam alam semula jadi. Pemilihan tempat haiwan, terutamanya ikan, semestinya mempunyai tujuan agama dan sihir. Antara rekaan hiasan pada beberapa mangkuk *Pan-P'o* adalah wajah manusia dengan perhiasan yang paling menarik dan ikan pada kedua-dua belah muka mereka mungkin mewakili bomoh daripada kultus kesuburan Cina purba (Hugo, 1986).

Ketiga-tiga haiwan ini masih menonjol dalam cerita rakyat China moden, sekaligus menunjukkan keluarbiasaan tradisi Cina purba. Pelbagai reka bentuk ikan yang lain ditemui di kalangan motif hiasan dicat pada tembikar pra-sejarah kerana tidak ada keraguan bahawa memancing adalah salah satu sumber utama mata pencarian bagi penduduk-penduduk kampung (Hugo, 1986).




Gambarajah 4.3.3: Pandangan sisi kasut manik pada kanan dan kiri kasut. Kedua-dua gambar oleh pengkaji (2015).



Gambarajah 4.3.4: Kedudukan ikan emas pada kasut manik. Gambar disunting oleh pengkaji (2015).

Gambarajah di atas menunjukkan kedudukan ikan emas seperti berada dalam keadaan tertib dan teratur serta menghadap antara satu sama lain. Pandangan hadapan (atas dan bawah) bagi mewakili kedudukan ikan-ikan tersebut.



Gambarajah 4.3.5: Jumlah ikan emas. Gambar disunting oleh pengkaji (2015).

Jika diteliti gambarajah 4.3.5, terdapat sembilan ekor ikan emas pada kanan dan kiri kasut manik tersebut. Seperti mata kita yang melihat kepada motif yang terdapat pada kasut manik itu, ikan-ikan emas merupakan motif utama yang ada dengan kepelbagaian warna. Terdapat enam ekor ikan emas pada hadapan permukaan kasut manik ini. Pada bahagian hadapan bawah, kelihatan keempat-empat ekor ikan emas itu bergerak dalam gerak isyarat yang stabil dan menghadap sesama mereka seolah-olah mereka sedang berinteraksi antara satu sama lain manakala pada bahagian hadapan atas pula terdapat dua ekor ikan emas yang berhampiran dengan alga. Motif ikan emas pada bahagian tepi kasut juga kelihatan seolah-olah mereka sedang menuju ke satu arah yang sama. Ekor ikan-ikan emas yang kembang itu memberi kesan visual kepada pergerakan mereka. Garis merupakan elemen penting yang perlu ada dalam sesuatu karya seni atau hasil kerja seni. Ikan emas dan alga merupakan motif flora dan fauna atau contoh garis yang berlengkung atau berlekuk ('curvy').



Gambarajah 4.3.6: Keseimbangan motif (*symmetrical*). Gambar disunting oleh pengkaji

(2015).

Gambarajah menunjukkan keseimbangan motif ikan emas pada permukaan hadapan kasut manik itu. Penekanan pada kasut manik tersebut adalah berdasarkan kepada pengulangan motif ikan emasnya yang banyak serta berwarna-warni.



Gambarajah 4.3.7: Contoh lain keseimbangan motif pada kasut manik. Contoh lain bagi kasut manik yang mempunyai keseimbangan motif. Gambar disunting oleh pengkaji (2015).



Gambarajah 4.3.8: Latar hadapan dan latar belakang. Gambar disunting oleh pengkaji (2015).

Pengkaji telah memisahkan motif ikan emas dan alga dengan permukaan hadapan kasut manik yang berwarna biru yang mewakili kawasan air. Gambarajah menunjukkan latar hadapan dan latar belakang. Latar hadapan yang dimaksudkan oleh pengkaji adalah pada gambar 2 bagi gambarajah 4.38 itu manakala latar belakang adalah pada gambar 1. Penggunaan warna manik yang berwarna biru telah memberi kesan visual bahawa ikan-ikan tersebut berada pada kawasan air manakala pada gambar 2 menunjukkan motif-motif ikan yang memenuhi ruang permukaan hadapan kasut manik. Warna-warna yang terdapat pada ikan-ikan emas adalah warna-warna ceria atau hangat seperti jingga, kuning, merah dan warna tanah (coklat) manakala anak mata ikan emas berwarna hitam. Alga pula berwarna hijau.

Daripada pandangan visual pengkaji, motif ikan emas yang terdapat pada kasut manik ini telah memberi suatu gambaran atau perasaan yang tenang, ceria dan harmoni. Hal ini kerana pengkaji berpendapat pembuat kasut manik ini bijak memberi keseimbangan rekabentuk motif pada ruang permukaan hadapan kasut serta pemilihan warna-warna manik yang digunakan. Selain itu, pengkaji dapat melihat kepentingan motif ikan emas yang diaplikasikan kepada aksesori terutama kasut manik tradisional Cina Peranakan ini dalam budaya Cina. Masyarakat Cina dan Cina Peranakan mempercayai ikan emas ini membawa aura positif yang kuat terhadap kehidupan seharian mereka. Menurut Puan Susan Lim, selain daripada penghasilan kasut manik menggunakan motif ikan emas, beliau turut menggabungkan motif ikan emas bersama motif duit syiling Cina. Beliau mempercayai akan kedua-dua motif tersebut yang membawa sifat kesenangan dan kekayaan yang melimpah ruah kepada diri dan keluarganya.

4.4 Kasut manik motif anjing

Seterusnya adalah kasut manik bermotifkan fauna dimana motif tersebut adalah motif dua ekor anjing; ibu anjing dan anaknya. Motif-motif haiwan seperti ini sukar

dilihat pada masa kini kerana kesulitan untuk membentuk rupa haiwan tersebut. Kasut manik pada gambarajah 4.4.1 merupakan kasut yang telah dihasilkan oleh Puan Susan Lim, seorang pembuat kasut manik di Jalan Tokong, Melaka. Kasut manik ini merupakan sejenis kasut ‘mules’ dimana pada bahagian hadapannya bertutup dan terbuka pada bahagian belakang kasut. Keadaan kasut yang agak lusuh ini berkemungkinan telah dihasilkan abad ke-20. Kasut yang bertumit tinggi dan permukaan tapak kulitnya yang berwarna putih susu ini telah menunjukkan gaya Inggeris berdasarkan motif haiwan tersebut. Kasut manik ini dilihat menggunakan manik kasar, jika dilihat dengan teliti pada gambarajah di bawah.



Gambarajah 4.4.1: Kasut manik Puan Susan Lim. Gambarajah menunjukkan motif kasut manik yang terdapat di kedai kasut manik T. S. Lim di Jalan Tokong, Melaka. Gambar kecil menunjukkan keseluruhan bentuk kasut manik. Gambar oleh pengkaji (2015).

Secara insentif haiwan penjaga ini mempunyai penciuman yang tajam dan sensitif. Oleh kerana itu, ia mampu menjaga tuannya dengan baik dari segala ancaman yang tidak diinginkan. Dalam mitologi Yunani terdapat Ceburus, yakni anjing setia

penjaga pintu neraka. Mitologi ini juga dipunyai oleh masyarakat Mesir, yakni Anubis, anjing penjaga dunia bawah tanah yang sangat setia dengan pekerjaanya. Anjing menjadi simbol kepada kesetiaan dan kepatuhan (Hatib A.K., 2006). Hubungan antara manusia dan anjing bermula kira-kira 40,000 tahun lalu. Pemeliharaan anjing sebagai sahabat mempunyai sejarah yang panjang (Derr, 1997). Anjing adalah lambang pergantungan, kepercayaan, kesetiaan dan pertahanan. Anjing juga dilihat sebagai simbol berkuasa, kesetiaan, kebijaksanaan dan kewaspadaan.


Gambaran haiwan tersebut dalam seni telah wujud sejak beribu-ribu tahun dahulu di mana anjing telah digambarkan di dinding gua. Pada zaman purba, anjing Greece dan Roman bernilai untuk kesetiaan, keberanian mereka dan sering dijadikan *subject matter* bagi seramik Yunani dan Rom sebagai lambang kesetiaan. Pada zaman pertengahan, anjing juga telah digambarkan dalam lukisan sebagai simbol kesetiaan. Menurut Hall dalam 'Dictionary of Subjects and Symbols in Art' (2007), dalam potret pasangan suami isteri, motif anjing di pangkuan wanita atau di kakinya boleh mewakili kesetiaan dalam sesebuah perkahwinan. Jika potret tersebut adalah seorang janda, motif anjing boleh mewakili kekerapan beliau dalam penyelidikan kerana kecerdasan semula jadi anjing dan gerak hati. Memburu adalah aktiviti popular pada zaman pertengahan dan kebangkitan di mana gambaran orang bersama-sama dengan anjing buruan, helang akan memberi isyarat status atau isyarat lelaki tersebut telah pergi memburu dan hanya golongan bangsawan sahaja yang pergi memburu (Farrin, 2016).

Selain itu, ramai beranggapan suara anjing menandakan kehadiran roh halus atau orang baru meninggal. Lolongan anjing selalu dikaitkan dengan keadaan mistik yang menyeramkan.



Gambarajah 4.4.2: Motif anjing pada lukisan Barat. Anak panah kuning menunjukkan motif anjing yang terdapat pada lukisan terkenal, Jan Van Eyck. Jan Van Eyck, 1434, 'The Arnolfini Portrait', 82.2 x 60cm, *oil on oak*. Sumber gambar dari <http://www.nationalgallery.org.uk/paintings/jan-van-eyck-the-arnolfini-portrait>. Selain dari 'The Arnolfini Portrait' juga dikenali dengan nama 'The Arnolfini Wedding, The Arnolfini Marriage' dan sebagainya.

Motif anjing yang terdapat di dalam lukisan Jan Van Eyck di atas mempunyai pelbagai maksud di mana haiwan tersebut boleh dilihat sebagai keinginan pasangan itu untuk mempunyai anak sendiri atau sebagai lambang kesetiaan kepada tuannya, anjing juga boleh menandakan status mereka sebagai lambang kekayaan dan kemewahan. Seperti motif anjing yang terdapat pada kasut manik pada gambarajah 4.4.1, motif anjing sememangnya merupakan motif 'wajib' ada pada kebanyakan dalam lukisan-lukisan Barat suatu ketika dahulu. Sebagai contoh dalam lukisan terkenal oleh Georges Seurat telah menggunakan motif anjing bagi menunjukkan anjing merupakan haiwan peliharaan kesayangan bagi masyarakat Barat suatu ketika dahulu di mana haiwan tersebut sering dijadikan sebagai subjek kajian dalam lukisan mereka.



Gambarajah 4.4.3: Motif anjing pada lukisan Barat oleh Georges Seurat. Georges Seurat, 1884-86, 'Sunday Afternoon on the Island of La Grande Jatte', 6 ft 9 in. x 10 ft 6 in. (2.06 x 3.2 m), cat minyak atas kanvas. Koleksi oleh Helen Birch Bartlett Memorial 1926.224, Art Institute of Chicago. Sumber gambar dari *Art Fundamentals (Tenth Edition)* oleh Otto G. Ocvirk, Robert E. Stinson, Philip R. Wigg, Robert O. Bone dan David L. Cayton, 2006 (hlm. 263). New York: Mc Graw Hill.

Gambarajah 4.4.3 menunjukkan dua ekor anjing dalam lukisan Georges Seurat berada dalam kelompok manusia yang ramai yang sedang berehat dan bersiar-siar di tepi tasik berkenaan.




Gambarajah 4.4.4: Motif anjing pada lukisan Barat. Gambar 1- Johannes Vermeer, 'Diana and the Nymphs', 1655-56, Cat minyak atas kanvas, 97.8 x 104.6 cm. Gambar 2

– Giacomo Balla, 'Dynamism of a Dog on a Leash', 1912, Cat minyak atas kanvas, 89.9 x 109.9 cm. Kedua-dua sumber dari *Art Fundamentals (Tenth Edition)* oleh Otto G. Ocvirk, Robert E. Stinson, Philip R. Wigg, Robert O. Bone dan David L. Cayton, 2006 (hlm. 46 dan 211). New York: Mc Graw Hill

Gambar 1 (gambarajah 4.4.4) menunjukkan anak panah hitam pada motif anjing yang terdapat dalam lukisan oleh Johannes Vermeer. Gambar 2 juga menunjukkan motif yang sama, seekor anjing bersama sekumpulan manusia. Lukisan oleh Giacomo Balla. Pengkaji melihat motif haiwan dalam lukisan pada gambar 2 (gambarajah 4.4.4) adalah anjing betina. Hal ini berdasarkan oleh layanan manusia terhadap haiwan kesayangannya. Pemakaian renda pada kaki haiwan tersebut yang turut kelihatan sama atau sedondon dengan gaun renda yang dipakai oleh tuannya menjelaskan jantina haiwan tersebut.

Berbalik kepada masyarakat Cina Peranakan, mereka juga mengadaptasikan motif anjing ke dalam aksesori mereka, sebagai contoh kasut manik. Seperti ikan emas, haiwan seperti anjing juga membawa aura positif dalam kehidupan masyarakat Cina. Mereka, Baba mahupun Nyonya yang mendapat pendidikan Barat atau berpindah di luar negara turut membawa pengaruh gaya Eropah seperti motif ini masuk ke dalam budaya mereka. Walaubagaimanapun, penggunaan motif Barat tidak mengubah ciri-ciri sulaman itu yang masih mengekalkan identiti dalam budaya Baba Nyonya iaitu penggunaan manik pada aksesori mereka. Seterusnya adalah analisa pengkaji mengenai motif anjing pada kasut manik bagi gambarajah 4.4.5.



Gambarajah 4.4.5: Koyakan pada permukaan hadapan kasut. Gambar disunting oleh pengkaji (2015).

Koyakan pada bahagian hadapan kasut manik menunjukkan kasut manik itu adalah kasut manik lama, pengkaji tidak mengetahui tahun sebenar kasut ini dihasilkan. Walaubagaimanapun, berdasarkan kepada kerangka konsep pengkaji pada bahagian 2.3 – Evolusi terhadap kasut manik tradisional Cina Peranakan, peringkat 3 bagi jadual 2.1 (halaman 20), dapat dilihat motif fauna ini telah wujud selepas abad-18 iaitu selepas dari penjajahan pihak Inggeris.



Gambarajah 4.4.6: Motif anjing pada kasut manik. Gambar disunting oleh pengkaji (2015).

Pengkaji memisahkan motif haiwan dan sekelilingnya dimana motif anjing ini merupakan latar hadapan motif kasut manik. Motif utama pada kasut manik ini adalah motif ibu anjing bersama anaknya. Mereka kelihatan seperti dalam keadaan duduk atau sedang beristirahat dan posisi anak anjing sedang memandang ibunya. Warna-warna gelap telah digunakan pada motif ibu anjing bagi menunjukkan 'bulu badannya' seperti warna tanah (coklat), jingga, kuning, sedikit warna biru pada hidungnya serta anak mata yang berwarna hitam. Bagi warna motif anak anjing pula kelihatan warna-warna yang digunakan adalah warna-warna terang dan ceria bagi menunjukkan warna bulu badannya seperti warna kuning, jingga dan merah. Warna biru mewakili warna kolar pada lehernya dan warna hitam pada anak matanya.



Gambarajah 4.4.7: Latar belakang motif. Gambar telah disunting oleh pengkaji (2015) bagi menunjukkan latar belakang motif kasut manik.

Penggunaan warna manik yang berwarna warni memberi kesan visual seolah-olah ibu anjing dan anaknya berada dalam sebuah taman atau persekitaran yang indah. Warna latar belakang motif terdiri daripada warna-warna terang seperti warna kuning, jingga, merah, biru muda, hijau muda dan hijau tua. Pada persekitaran kaki ibu anjing dan anak anjing itu, kelihatan seperti motif rumput yang mempunyai ton warna; dari warna hijau muda (warna cerah) sehingga warna hijau tua (warna gelap). Selain itu, pengkaji melihat warna-warna yang digunakan pada keseluruhan motif kasut manik ini kelihatan menyerupai warna-warna yang digunakan oleh pelukis Barat yang terkenal iaitu Claude Monet dalam lukisan beliau.



Gambarajah 4.4.8: Lukisan Barat oleh Claude Monet. Gambar 1 - Claude Monet, 'Bonquet of Sunflowers', 39-3/4 x 32-1/8 inci, Cat minyak atas kanvas. Koleksi The Metropolitan Museum of Art, New York. Gambar 2 – Claude Monet, 'Bassin aux nymphéas et sentier au bord de l'eau', 89 x 100 cm, Cat minyak atas kanvas. Kedua-dua sumber gambar dari google.

Seperti yang dinyatakan oleh pengkaji pada halaman sebelumnya, penggunaan warna-warna manik pada motif kasut manik bagi gambarajah 4.4.1 sangat menyerupai warna-warna dalam lukisan Claude Monet terutama pada gambar 2 bagi gambarajah 4.4.8 ini.



Gambarajah 4.4.9: Latar belakang motif. Gambar telah disunting oleh pengkaji (2015) bagi menunjukkan motif tersebut.

Permukaan hadapan kasut menunjukkan sebagai latar belakang motif. *Outline* kotak hitam menunjukkan kedudukan seakan-akan motif flora (bunga) yang berwarna merah ditengahnya berwarna putih.



Gambarajah 4.4.10: Ketidak-seimbangan motif (*asymmetrical balance*). Gambar disunting oleh pengkaji (2015).

Ketidak-seimbangan motif (*asymmetrical balance*). dapat dilihat pada pandangan hadapan kasut manik ini di mana motif si ibu anjing lebih ‘monopoli’ pada ilusi ruang permukaan hadapan kasut berbanding motif anak anjing tersebut akan tetapi motif pada sepasang kasut manik ini adalah seimbang pada kanan dan kiri kasut.

Selain motif anjing yang cukup sinonim dengan masyarakat Barat, haiwan ini juga sinonim dengan masyarakat Cina. Dalam masyarakat Cina juga menjadikan anjing sebagai haiwan peliharaan yang jinak, sama seperti kucing. Haiwan tersebut dijadikan sebagai peneman, ia juga dibela untuk memberi perlindungan kepada ahli keluarga dan mengawal persekitaran rumah dari ancaman luar. Bagi orang Melayu dan beragama

Islam, tidak ada teks dalam al-Quran yang melarang haiwan ini daripada diperkatakan. Terdapat satu kisah yang diceritakan mengenai kebaikan seseorang manusia terhadap seekor anjing yang kehausan dimana manusia tersebut telah memberikannya minuman. Pengajaran daripada kisah ini ialah manusia tidak boleh menzalimi binatang dan perlu membuat kebaikan kepada haiwan tersebut selagi tidak melanggar sesuatu hukum. Selain dijadikan sebagai haiwan peliharaan manusia, anjing turut dijadikan sebagai pembantu dalam pemburuan, penggembala kepada haiwan-haiwan lain seperti kambing, lembu dan sebagainya di kawasan-kawasan kebun atau hutan. Pada zaman kini, anjing dilihat sangat berkepentingan dalam pasukan keselamatan negara kerana ianya dilihat sebagai suatu simbol haiwan yang kuat dan gagah untuk membanteras jenayah yang dilihat pada hari ini semakin berleluasa.

4.5 Kasut manik motif ayam

Motif fauna yang terakhir untuk dianalisa ialah motif ayam. Kasut ini merupakan hasil buatan tangan Puan Susan Lim. Gambarajah 4.5.1 pada halaman seterusnya menunjukkan pandangan hadapan kasut manik manakala gambar kecil menunjukkan keseluruhan bentuk kasut manik serta penggunaan manik potong dilihat digunakan dalam penghasilan kasut motif ayam itu. Motif kasut ini telah diulas oleh pengkaji di dalam bahagian 2.3 – Evolusi terhadap kasut manik tradisional Cina Peranakan yang mengenai perubahan motif ayam pada aksesori Cina Peranakan iaitu pada kasut manik dan panel sulaman.

Motif ayam pada suatu ketika dahulu sangat sinonim dengan masyarakat Melayu. Hal ini kerana selain dilihat digunakan pada kebanyakan aksesori Cina Peranakan, motif ini juga banyak digunakan pada aksesori Melayu terutama kepada perhiasan rumah. Motif ayam ini diukir pada kayu dan dijadikan sebagai perhiasan sesebuah rumah. Selain itu, haiwan tersebut sangat berkait dengan masyarakat Melayu, dimana setiap pagi akan kedengaran kokokan ayam. Perkara tersebut mempunyai maksud yang memperlihatkan

tindakan manusia kepada perintah Tuhannya dalam mengerjakan solat. “Apabila kamu mendengar bunyi ayan jantan, maka dikehendaki mengerjakan perintahnya, sesungguhnya haiwan tersebut telah melihat malaikat di langit dan apabila kamu mendengar suara selain itu, maka berlindung kepada Allah dari syaitan. (Hadis Sahih Bukhari, vol. 4, hlm. 522). Ayam jantan adalah simbol suria sejagat juga dikategorikan sebagai burung yang mempunyai cahaya hari yang apabila tibanya fajar atau waktu pagi, haiwan tersebut akan berkokok kerana melalui kokokannya dapat menghilangkan roh jahat yang dilihat sebagai kegelapan.

Bagi orang Cina pula, mereka menyebutnya sebagai ‘guan’. Haiwan ini merupakan perlambangan dari kemajuan sebuah usaha, ketekunan, kejayaan dan juga simbol sifat rajin (Iwet, 2013). Ada juga yang mengatakan bahawa ayam adalah simbol dari pengusir roh jahat. Ayam api-api banyak dipelihara di negara China dan selalunya dijumpai di kawasan liar bahagian selatan. Ayam api-api berasal dari Semenanjung Tanah Melayu dan diperkenalkan di China yang mana ia diketahui ramai sebagai simbol penghargaan dan tanda hormat. Haiwan ini memberi simbol kecantikan dan harga diri. Bulu ekor adalah untuk menetapkan kedudukan rasmi pada Dinasti Ming sehingga akhir Zaman Republik (1918). Selain itu, ayam jantan merupakan haiwan yang kesepuluh daripada dua belas simbol haiwan dalam zodiak Cina. Ia melambangkan pelbagai kebajikan termasuk amanah, kebijaksanaan, integriti dan lain-lain lagi. Dalam Taoisme dan fengshui Cina, ayam merah yang terdapat pada perhiasan rumah dipercayai sebagai perlindungan rumah dari kebakaran dan ayam putih merupakan simbolik kepada perlindungan daripada syaitan. Selain itu juga, ayam betina dan ayam jantan dilihat sebagai suatu simbol cinta kasih sayang (ibu bapa) kepada anaknya.

Motif ayam dibahagikan kepada dua iaitu ayam jantan dan ayam betina. Motif ayam betina menurut pengkaji Arba’iyah et al., (2010) ayam merupakan perlambangan bagi pelakuan seseorang yang cerdik, pandai menyesuaikan diri, bersopan santun serta

mudah menyatukan orang ramai. Gambaran keramahan, bertegur sapa serta mudah bergaul adalah mencerminkan suasana riang, ceria dan pandai bermasyarakat. Di samping itu, motif ayam juga adalah gambaran tentang sifat haiwan tersebut yang sentiasa memberi perlindungan kepada ahli keluarganya. Ibu ayam dari peringkat mengeram lagi telah menunjukkan sifat-sifat penyayang serta melindungi dan mempertahankan anak-anaknya daripada sebarang ancaman. Si ibu ayam yang bertelur banyak serta keupayaan untuk membiak juga adalah lambang kemurahan rezeki.

Motif ayam jantan pada pandangan pengkaji oleh Arba'iyah et al., (2010) ialah bersifat kepahlawanan, tidak mudah menyerah kalah, bersifat berani dan memiliki semangat jurang yang tinggi. Disamping itu, motif ini juga mengandungi falsafah dan memberi peringatan bahawa manusia tidak harus bergaduh. Jika berdepan dengan masalah perlu diselesaikan dengan rasa kefahaman, bersopan santun dan penuh toleransi. Kokokan ayam juga dipercayai dapat memberi petanda-petanda tertentu. Lazimnya kokokan ayam di waktu pagi yang disambut bersahut-sahutan adalah gambaran tentang semangat, aspirasi dan bersatu hati. Manakala kokokan yang diluar waktu pula adalah dipercayai membawa alamat-alamat tertentu yang juga boleh memberi sebarang bentuk peringatan, persediaan atau pengajaran seperti yang diterangkan oleh pengkaji pada halaman sebelumnya.

Dari pemerhatian pengkaji, manik-manik yang digunakan pada gambarajah 4.5.1 adalah manik-manik halus yang dipanggil sebagai manik potong. Permukaan tapak kasut yang berwarna merah telah menyerlahkan lagi motif ayam yang terdapat pada permukaan hadapan kasut berwarna hitam.



Gambarajah 4.5.1: Kasut manik Puan Susan Lim. Gambar oleh pengkaji (2015).



Gambarajah 4.5.2: Gambaran jelas motif. Gambar 2 disunting oleh pengkaji (2015).

Gambar 1 adalah gambaran kelas motif yang terdapat pada kasut manik ini.

Gambar 2 dapat dilihat keseimbangan motif.



Gambarajah 4.5.3: Latar hadapan dan latar belakang motif. Gambar kedua-dua rajah ini telah disunting oleh pengkaji (2015).

Dalam gambarajah di atas, pengkaji memisahkan motif-motif tersebut melalui dua pandangan iaitu bagi latar belakang dan latar hadapan. Gambar 1 menunjukkan latar belakang bagi permukaan hadapan kasut yang berwarna hitam. Gambar 2 pula menunjukkan latar hadapan bagi motif tersebut. Motif utama kasut manik ini adalah motif ayam. Motif burung, motif bunga dan tanah antara motif ada pada kasut manik tersebut yang telah diolah komposisinya.




Gambarajah 4.5.4: Permukaan hadapan kasut. Sumber gambar dari google.


Pengkaji telah ‘meminjam’ gambarajah diatas bagi menunjukkan gambaran yang terdapat pada kasut manik ini. Motif ayam pada kasut manik ini memperlihatkan empat ekor ayam yang kelihatan bersama sebagai sebuah keluarga, di mana kelihatan dua ekor ayam dewasa iaitu ayam jantan dan ayam betina yang terdapat pada tengah permukaan hadapan kasut dan dua ekor anak ayam, pada kiri dan kanan ayam dewasa. Ayam jantan dewasa berekor biru dan bersaiz besar itu seperti ketua keluarga kepada ahli keluarganya. Si ibu ayam iaitu ayam betina dewasa pula memandang ke tanah untuk mencari makanan. Kelihatan anak-anak ayam menuju ke arah ibubapanya, mengembangkan sayap kecil mereka seperti sedang berlari-lari. Motif bunga, tanah dan motif burung juga dapat dilihat dalam gambarajah ini. Berbalik kepada kasut manik bagi gambarajah 4.5.1, antara warna-warna yang terdapat pada kedua-dua ayam dewasa ini adalah warna seperti merah, kuning, warna tanah (tua dan muda), biru, merah jambu, hijau tua dan warna krim (*cream*). Kedua-dua mata ayam dewasa ini berwarna hitam. Warna motif burung yang terletak di atas kepala ayam tersebut adalah berwarna biru muda.

Motif burung dalam gambarajah 4.5.1 merupakan motif yang telah diolah

(stylized) kepada bentuk motif yang mudah difahami. Motif burung seperti yang dinyatakan oleh pengkaji bagi gambarajah tersebut, jika diingat kembali sewaktu zaman persekolahan suatu ketika dahulu (terutama di waktu sekolah rendah), pengkaji telah diajar oleh cikgu untuk melukis motif burung dengan hanya satu garisan lurus sahaja. Hal ini kerana, pemahaman garisan lurus bagi seorang kanak-kanak adalah garisan seperti itu tampak lebih mudah difahami dan mudah diikuti.



Gambarajah 4.5.5: Peralihan bentuk burung. Sumber gambar A-D diambil dari google.




Gambarajah 4.5.6: Peralihan bentuk burung. E, F dan G merupakan antara gambar motif burung hasil pencarian pengkaji di internet. Sumber E, F dan G dari google manakala sumber H disunting oleh pengkaji (2015) bagi menunjukkan gambaran jelas motif burung tersebut.

Gambarajah 4.5.5 dan 4.5.6 menunjukkan peralihan bentuk motif burung dari bentuk burung sebenar (realistik) kepada gambaran motif burung yang lebih mudah diolah. Jika dilihat pada huruf F atau G lebih menyerupai dengan motif H yang merupakan motif burung pada kasut manik bagi gambarajah 4.5.1.



Gambarajah 4.5.7: Contoh lukisan kanak-kanak. Kedua-dua gambar dari google.

Gambarajah 4.5.7 menunjukkan dua contoh lukisan pemandangan yang biasanya dilukis oleh kanak-kanak sewaktu di bangku sekolah. Kedua-dua anak panah hitam menunjukkan motif burung yang diolah dalam bentuk visual yang lebih mudah difahami oleh kanak-kanak. Motif burung lukisan kanak-kanak pada gambar 1 bagi gambarajah 4.5.7 itu menyerupai pada gambar E (gambarajah 4.5.6) manakala gambar 2 bagi gambarajah 4.5.7, motif burung dalam lukisan tersebut kelihatan sama pada gambarajah 4.5.1.



Gambarajah 4.5.8: Peralihan bentuk bunga. Gambarajah menunjukkan gambaran bunga sebenar (realistik) kepada motif bunga yang telah diolah dan lebih mudah difahami. Sumber gambar A-C dari google dan sumber gambar D merupakan motif bunga yang terdapat pada kasut manik bagi gambarajah 4.5.1.



Gambarajah 4.5.9: Persamaan motif bunga. Gambar 1 menunjukkan contoh lukisan bunga yang menyerupai motif bunga pada kasut manik (gambar 2). Anak panah hitam dan kuning pada kedua-dua gambar menunjukkan motif tersebut. Sumber gambar 1 dari google dan gambar 2 oleh pengkaji (2015).



Gambarajah 4.5.10: Persaman motif rumput. Gambar 1 menunjukkan contoh lukisan rumput yang menyerupai motif rumput pada kasut manik (gambar 2). Anak panah hitam dan kuning pada kedua-dua gambar menunjukkan motif tersebut. Sumber gambar 1 dari google dan gambar 2 oleh pengkaji (2015).

Motif ayam sememangnya amatlah berkait dengan masyarakat yang berbilang kaum di Malaysia ini. Motif ini merupakan motif universal yang dilihat turut terdapat pada aksesori Cina Peranakan yang lain seperti yang telah diterangkan oleh pengkaji pada bahagian 2.3 – Evolusi terhadap kasut manik tradisional Cina Peranakan. Selain itu juga, haiwan tersebut sangat digemari oleh kebanyakan orang kerana rasanya yang sedap dan dijadikan dalam pelbagai bentuk hidangan pada masa kini.

4.6 Perkaitan warna pada kasut manik tradisional Cina Peranakan

Warna merupakan elemen yang penting dalam kajian disertasi ini. Hal ini kerana tanpa warna, kajian motif ini mungkin tidak menarik atau susah untuk difahami. Mengikut kepercayaan dalam masyarakat Baba dan Nyonya, mereka percaya warna mempunyai istilahnya yang tersendiri. Pengkaji melihat orang Melayu khususnya sering mengaitkan warna dengan sesuatu benda atau perkara yang terdapat pada sekeliling mereka. Akibat percampuran budaya Cina dan Melayu ini, masyarakat Baba Nyonya turut menjadikan persekitaran sebagai tempat rujukan bagi mengetahui maksud warna

kepada sesuatu benda. Orang-orang terdahulu sangat bijak dalam menentukan aspek keindahan dan kecantikan sesuatu perkara. Hal ini kerana mereka dibesarkan melalui cara pergaulan dengan alam sekeliling. Warna-warna seperti warna merah, kuning, hijau (ijo), biru, warna hitam dan juga putih (putih) merupakan warna-warna utama dan tidak lupa juga warna sekunder seperti jingga. Umumnya, warna seperti warna tua, warna muda, warna hidup (terang dan meriah) digunakan untuk membezakan antara warna gelap dan lebih ringan atau lebih cerah (terang). Sebagai contoh, latar belakang maroon adalah warna tanah merah tua. Cahaya merah adalah merah jambu. Pink ialah paru-paru (warna paru-paru) manakala warna hijau gelap dipanggil warna ijo tua taik itek (hijau seperti tahi itik). Warna hijau terang atau hijau buah epal ialah ijo daun pucuk pisang (hijau seperti pucuk muda daun pisang). Warna ungu adalah umu tetapi ungu gelap adalah lekuk jantung pisang. Warna kuning terang adalah seperti warna kuning ayer (air yang berwarna kuning). Saffron adalah seperti kuning kunyit. Navy blue adalah warna biru gelap dan kelabu seperti warna abu! (The Peranakan, 2011).

Selain itu, bagi masyarakat Cina Peranakan, penggunaan warna-warna tertentu di dalam rumah sepanjang tempoh perkabungan adalah sebahagian penting daripada istiadat perkabungan. Istilah perkabungan dan menghormati kematian diberi penekanan dalam masyarakat Baba dan Nyonya. Semasa berkabung, sebarang kain warna terang yang digunakan sebagai hiasan dalam rumah, khususnya merah, jingga dan kuning diturunkan dan digantikan dengan putih atau hitam. Peraturan warna ini juga dikenakan ke atas pakaian mereka yang berkabung. Patung-patung untuk diorama ini memakai kebaya putih, biru dan hitam sebagai menghormati kematian. Anggota keluarga si mati dikenakan peraturan berpakaian yang lebih khusus iaitu mereka tidak dibenarkan memakai sebarang warna lain selain hitam dan putih.

Begitu juga dengan pemakaian warna kasut manik sama seperti pemakaian warna kebaya. Hal ini kerana mode sedih dan suram menguasai suasana ketika perkabungan

atau kematian. Mereka perlu berhati-hati dalam pemilihan warna agar tidak menyentuh aspek sensitiviti ahli-ahli keluarga yang lain. Hitam, biru dan hijau adalah simbol Cina berkabung dan kesedihan. Biru adalah warna yang menjadi sinonim dengan pengebumian Peranakan. Walaupun kek (kuih) dimakan semasa pengebumian juga menjadi warna biru dan putih.

Selain itu, suatu ketika dahulu, para Nyonya memonopoli dalam penghasilan kasut manik. Malangnya para pembuat kasut manik kini tidaklah seramai suatu ketika dahulu kerana pembuatan atau penghasilan kasut manik memerlukan perhatian yang sangat khusus, teliti dan hanya orang-orang tertentu sahaja yang mampu menguasai pembuatan kasut tersebut. Hal ini kerana melalui motif itu sahaja terdapat kepelbagaian motif yang diolah dalam penghasilan kasut manik. Antara pemilihan motif-motif yang diketahui adalah motif naga, phoenix, bunga, burung dan lain-lain lagi. Begitu juga dengan pemilihan warna pada kasut tersebut. Jika dilihat warna-warna yang digunakan tampak meriah dan berwarna-warni, akan tetapi ada juga penggunaan warna-warna tertentu bagi upacara atau majlis yang dijalankan serta bersesuaian dengan tujuan upacara majlis tersebut.

Kenyataan itu juga merujuk kepada Penolong Kurator Muzium Baba dan Nyonya Melaka iaitu Encik Lee Yuen Thien. Beliau memaklumkan bahawa untuk majlis perkahwinan Baba Nyonya, rumah pengantin akan dihiasi dengan perhiasan berwarna-warni dan tidak semestinya perlu dipadankan dengan warna merah sahaja. Pada hari tersebut juga, ahli keluarga tidak dibenarkan meletak warna-warna yang melambangkan kematian seperti warna biru-putih, hijau-putih, hitam dan warna-warna suram yang lain (Ismail M.A., 2014).

Pengkaji juga melihat penggunaan warna-warna permukaan hadapan kasut seret ini dilihat mempunyai perkaitan kepada warna-warna asas seperti warna tanah, hijau tua (hijau gelap), biru tua (biru gelap) dan merah tua (merah gelap). Ianya seperti mempunyai

maksud tersendiri yang turut berkaitrapat dalam masyarakat Melayu seperti yang telah diterangkan oleh pengkaji pada halaman sebelumnya.

Jika diimbaskan kembali pada rekabentuk motif kasut yang telah diulaskan pada peringkat 1 dan 2 bagi jadual 2.1 (halaman 20), percampuran dua budaya Cina dan Melayu telah menyebabkan resapan asimilasi budaya itu terhadap kasut manik. Selain itu, mungkin ramai tidak sedar akan permukaan kebanyakan permukaan tapak kasut kodok dan kasut seret adalah berwarna merah (rujuk kembali gambar-gambar kasut pada halaman sebelumnya). Pengkaji melihat itulah pengaruh daripada budaya Cina kerana masyarakat Baba Nyonya ini mengekalkan warna tradisi mereka iaitu warna merah pada kasut Cina Peranakan, juga dilihat sebagai identiti kepada masyarakat itu.



Gambarajah 4.6.1: Permukaan tapak kasut berwarna merah. Sumber gambar 1-4 dari Phoenix Rising oleh Hwei-Fe'n Cheah, 2010 (hlm. 30, 49, 107 dan 143). Singapura: NUS Press.

Permukaan kulit atau tapak kasut bagi kasut seret turut mengalami evolusinya dari permukaan warna kulit asas yang warna merah kepada permukaan warna kulit yang lebih berwarna warni. Hal ini kerana seiring dengan perubahan citarasa pengguna wanita yang pelbagai.



Gambarajah 4.6.2: Evolusi warna permukaan kulit kasut. Sumber ketiga-tiga gambar dari google.

Berdasarkan gambarajah 4.6.2 itu, penggunaan tapak kasut yang menggunakan warna-warna selain merah dilihat mampu menarik minat dan perhatian golongan wanita pelbagai citarasa sama ada mereka yang dari berketurunan Baba Nyonya mahupun bukan dari golongan tersebut.

BAB 5: KESIMPULAN

5.1 Hasil dapatan kajian

Dalam bab terakhir ini, terdapat beberapa bahagian yang akan diterangkan dengan lebih lanjut seperti limitasi kajian, cadangan kajian dan tidak lupa juga menjawab kepada semua persoalan kajian seperti yang dinyatakan dalam bab satu. Berikut merupakan persoalan kajian berdasarkan kepada beberapa penemuan pengkaji dalam kajian ini.

5.1.1 Bagaimana motif dan warna kasut manik dapat mempengaruhi kehidupan sesuatu masyarakat?

Setiap budaya dalam sesebuah masyarakat mempunyai identitinya yang tersendiri. Sulaman manik merupakan satu kegiatan atau aktiviti yang unik bagi masyarakat Cina Peranakan. Hal ini kerana pada abad ke-15, hanya masyarakat Baba dan Nyonya ini menjadikan sulaman manik suatu pekerjaan buat kaum wanita terutama wanita muda. Oleh demikian, wujudnya motif-motif yang menjadi perlambangan bagi mewakili masyarakat Cina Peranakan seperti rama-rama, bunga teratai, phoenix, naga, dan lain-lain lagi. Jika dilihat kembali kepada bab empat (analisa kajian) pengkaji menyedari bahawa setiap motif pada kasut manik yang dianalisa itu dipengaruhi oleh sesuatu budaya. Motif pertama yang dianalisis adalah motif bunga dan burung. Kedua-dua motif tersebut telah dipengaruhi oleh budaya Cina dan British yang melalui lukisan-lukisan oleh para pelukis Cina dan British suatu ketika dahulu. Hal ini disebabkan oleh motif bunga dan burung yang terdapat pada kasut manik dipengaruhi oleh budaya yang datang dari China selain daripada kesan penjajahan dari pihak British. Motif kedua yang telah dianalisa adalah motif ikan emas dimana motif tersebut telah dipengaruhi oleh budaya Cina, tidak pada budaya Barat dan budaya Melayu. Hal ini kerana pengkaji melihat dalam budaya Barat tiada istilah kepercayaan terhadap ikan emas dalam

masyarakat tersebut begitu juga dengan masyarakat Melayu. Akan tetapi, terdapat satu motif yang dikenali sebagai qilin dalam budaya Cina, masyarakat Barat juga percaya akan motif tersebut. Qilin atau dikenali sebagai 'unicorn' merupakan haiwan mistik yang berbentuk seperti seekor kuda merupakan salah satu motif yang berkaitan dengan orang Barat yang membawa kepada simbol kebaikan (Cheah, 2005). Ada juga yang menyatakan qilin adalah seekor anjing berkepala singa. Motif seterusnya adalah kasut manik motif ibu anjing dan anaknya. Motif ini sangat berkait dengan budaya Barat dan Cina dimana haiwan tersebut merupakan haiwan peliharaan yang sangat rapat dengan kedua-dua budaya tersebut. Motif terakhir yang dianalisa ialah motif seekor ayam. Haiwan tersebut sememangnya berkaitan dengan budaya Cina dan Melayu berdasarkan kepercayaan masing-masing seperti yang diperjelaskan dalam bab 4 – Analisa kajian. Oleh demikian, setiap budaya mempunyai kepercayaan mereka sendiri terhadap haiwan tersebut dan bagaimana motif-motif seperti ayam, anjing, ikan emas serta motif burung dan bunga mampu mempengaruhi kehidupan seseorang melalui budaya yang dialami. Motif dan warna ini dilihat dapat mempengaruhi sesuatu masyarakat melalui seperti proses asimilasi budaya antara satu budaya dengan budaya lain. Seperti juga yang telah berlaku kepada sesuatu masyarakat dahulu kesan daripada penjajahan pihak-pihak tertentu, kepercayaan yang dipegang sejak sekian lama, antara faktor-faktor yang menjadikan sesuatu perkara dapat dipengaruhi dengan mudah. Hal ini mempunyai persamaan dengan mitos. Mitos merupakan satu cerita dalam sesuatu budaya yang dianggap mempunyai kebenaran mengenai sesuatu perkara yang telah berlaku suatu ketika dahulu (Wikipedia (n.d.)). Sebagai contoh, motif mengenai burung phoenix yang dikatakan bercahaya serta mempunyai kuasa sama seperti malaikat, walhal, tidak pernah diketahui akan kewujudannya. Ada juga menganggap mitos merupakan kepercayaan karut terhadap sesuatu benda yang berada pada sekeliling manusia.

5.1.2 Adakah penggunaan teori seni visual ini dapat membantu pengkaji dalam menganalisis motif dan warna pada kasut manik tradisional ini?

Penggunaan ‘STICI Framework’ dalam analisa kajian ini dilihat membantu pengkaji untuk memberi penerangan secara berperingkat. ‘STICI Fraework’ yang bermula dengan subjek, teknik, pengaruh, komposisi dan tujuan telah menjadikan analisa kajian dalam bab 4 mudah dianalisis. Penggunaan teori seni visual yang digunapakai dalam penulisan ini sangat membantu pengkaji bagi mengetahui maksud motif dan warna yang tersirat yang terdapat pada kasut manik tradisional Cina Peranakan itu. Pengkaji menggunakan intepretasi sendiri bagi menganalisa sesuatu motif juga berdasarkan kepada analisa dokumen yang melalui sokongan penggunaan teori serta dokumentasi gambar-gambar kasut manik bagi mengetahui elemen dan prinsip seni yang digunakan pada sesuatu motif itu. Elemen dan prinsip seni yang dimaksudkan adalah seperti garis, bentuk, warna, ruang, keseimbangan, penegasan, pergerakan dan lain-lain lagi. Terdapat pengaruh yang tidak diketahui dan rupanya motif dan warna yang diaplikasikan pada kasut manik mempunyai perkaitan dengan masyarakat dalam budaya Cina Peranakan dan budaya Cina itu sendiri. Selain itu, pengkaji melihat akan perubahan setiap motif adalah melalui pemahaman pembuat kasut manik yang pelbagai yang telah diterangkan pada bahagian 2.3 – Evolusi terhadap kasut manik tradisional Cina Peranakan.

5.2 Limitasi kajian

Pada mulanya kajian ini hanya memfokuskan kepada kajian motif pada kasut manik Cina Peranakan. Salah seorang responden kajian iaitu Encik Tan Lian Kim atau dikenali dengan Bert Tan telah memaklumkan kepada pengkaji bahawa kajian ini akan menjadi lebih menarik jika kajian dibuat terhadap warna dalam budaya Cina Peranakan, tidak hanya fokus kepada kajian motif kasut manik sahaja. Oleh demikian, kajian ini telah tertumpu kepada motif dan warna dalam budaya Cina Peranakan kerana kedua-dua

perkara tersebut sememangnya mempunyai perkaitan antara satu sama lain.

Encik Bert Tan turut memaklumkan kepada pengkaji bahawa motif-motif seperti naga, phoenix, lotus merupakan motif tradisi orang Cina di China. Apabila mereka tiba di Tanah Melayu, motif tersebut dikekalkan setelah berkahwin dengan wanita tempatan. Setiap rekabentuk motif pada kasut manik adalah bergantung kepada pembuat kasut manik. Hujah mengenai motif fauna yang digunakan pada kasut manik tiada perkaitan dengan zodiak Cina. Jika ada, itu hanyalah sebahagian kecil sahaja. Menurut beliau lagi kemantin atau pengantin perlu membuat dua pasang kasut manik kepada mertua dan juga suami sebagai hadiah perkahwinan.

5.3 Cadangan kajian


Kajian yang perlu dilaksanakan berdasarkan model kajian ini amatlah digalakkan. Ini perlu mengambil kira kesesuaian dan kepentingan kajian dari budaya dan kesenian yang ada di negara ini. Motif-motif seperti burung phoenix, bunga teratai, bunga kekwa, anjing, ayam dan lain-lain lagi merupakan antara motif-motif terutama yang sering digunakan dalam aksesori Cina Peranakan. Penggunaan teori seni visual seperti Kant dilihat bersesuaian untuk digunakan sekiranya ingin mengkaji dari sudut sejarah Cina Peranakan bagi mengetahui falsafah yang digunakan terhadap motif dalam konteks yang lebih luas. Hal ini kerana penggunaan teori seperti itu boleh diaplikasikan dalam cara yang lebih kompleks supaya pengkaji lain dapat mengetahui perihal motif kasut manik tradisional Cina Peranakan dari perspektif yang lain. Antara kajian yang boleh dijalankan dengan mengetahui jumlah motif yang digunakan yang memfokuskan kepada aksesori perhiasan rumah mahupun perhiasan diri. Pengkaji melihat, kajian seperti itu sangat luas skopnya selain membuat perbandingan motif terhadap sulaman manik, sulaman cross stitch dan sulaman-sulaman lain. Selain itu, kajian ini juga boleh diperbaharui dengan melihat persepsi orang ramai terhadap kasut manik tradisional dan kehendak atau

permintaan orang ramai mengenai kasut manik.

5.4 Kesimpulan

Zaman belajar merupakan zaman penerokaan terhadap sesuatu kebendaan oleh para remaja seperti pengkaji pada suatu ketika dahulu. Untuk pelajar lelaki dan perempuan, keinginan mereka sudah tentulah kepada keperluan-keperluan semasa mereka. Ada yang tertarik kepada gadget seperti telefon bimbit, PSP (*Play Station Portable*), kamera digital, MP3 atau MP4 dan sebagainya, tidak kurang juga keterujaan untuk mengumpul pakaian-pakaian berjenama seperti Forever 21, Zara, H&M, Polo dan lain-lain lagi. Begitu juga dengan segala aksesori seperti perhiasan wanita, tas tangan dan juga kasut.

Bagi pengkaji, kasut merupakan aksesori wajib yang perlu ada bagi menunjukkan keperibadian seseorang. Kasut tinggi antara penyebab pengkaji menjadikannya sebagai hobi. Keunikan kasut tinggi yang pelbagai jenis itu juga merupakan satu dorongan kepada pengkaji untuk mengumpul aksesori tersebut. Oleh kerana itu, minat terhadap kasut tinggi (*high-heels*) telah dijadikan sebagai subjek kajian (*subject matter*) ketika pengkaji mula-mula berkarya dan bereksperimen seni semasa menuntut di Jabatan Seni Halus, Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam dalam pengajian Ijazah Sarjana Muda Seni Halus. Ketika pengkaji berada di pengajian tahun akhir, subjek kajian yang merupakan kasut tinggi telah dipilih dan menjadi sumber inspirasi dalam penghasilan karya seni manakala penulisan kajian ilmiah juga berkisar kepada proses pembentukan karya iaitu "*High Heels as Inspiration in Visual Art*" (Kasut Tinggi Sebagai Inspirasi Pembentukan Karya Seni). Pada gambarajah 5.1 menunjukkan karya akhir pengkaji dalam menghasilkan arca seramik semasa pengajian bagi semester akhir di UiTM, Shah Alam.



Gambarajah 5.1: Karya pengkaji. Siti Khadijah Farhah Sulaiman, Oh My Heels III, IV dan V!, Tanah liat dan media campuran, Pelbagai saiz, 2012.

Oleh kerana minat yang mendalam terhadap pengkajian kasut tinggi yang telah diterokai semasa diperingkat Ijazah Sarjana Muda, justeru itu, idea kajian disertasi ini telah timbul ketika pengkaji berkongsi pengalaman mengenai keterujaan pengkaji terhadap kasut tinggi kepada Dr. Rafeah Legino, Pensyarah Kanan di Jabatan Seni Halus, Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, UiTM Shah Alam yang mengajar subjek ‘Research Methodology’ (Kaedah Penyelidikan) di Pusat Kebudayaan, Universiti Malaya. Beliau memberikan pandangan supaya mengkaji dengan lebih serius perihal kasut terutama dengan memberi tumpuan kepada kasut tradisional yang ada di Malaysia seperti kasut manik Cina Peranakan. Ini adalah kerana beliau berpendapat kajian mengenai kasut manik Cina Peranakan merupakan suatu kajian yang unik. Kajian disertasi ini merupakan kesinambungan daripada kertas cadangan pengkaji yang bertajuk ‘Peranakan Culture: A study of Traditional Beaded Shoes in Malaysia’ bagi subjek ‘Research Methodology’ itu. Dalam kertas cadangan tersebut, kajian telah memfokuskan kepada pengenalan jenis-jenis kasut manik Cina Peranakan serta jenis-jenis manik yang telah digunakan. Daripada itu juga, pengkaji telah berbincang dengan penyelia, Puan Elezaa Zainuddin untuk meneruskan kajian melalui tajuk disertasi ini. Merujuk kepada Azhar Harun dan Nawi Abdullah (2004), terdapat dua faktor dalam menimbulkan rasa minat seseorang pengkaji

mengkaji sesuatu perkara. Faktor pertama adalah kesukaan pengkaji terhadap pengkajian mengenai kasut. Faktor kedua adalah kerana kekurangan kajian-kajian lepas mengenai kasut manik penyebab kajian ini dijalankan. Seperti yang dinyatakan oleh pengkaji dalam bab 2 bagi kajian literatur, kebanyakan kajian-kajian lepas lebih memfokuskan mengenai bahasa, senibina, sejarah Cina Peranakan dan lain-lain lagi.

Kajian dari	Malaysia	Malaysia	Indonesia
Tajuk/ Subjek ----- Kajian yang hampir sama dengan kajian pengkaji	<i>Beaded Shoes: The Culture of Baba Nyonya</i>	Pengalaman Mewarisi Pengetahuan dan Kemahiran Seni Kasut Manik Baba Nyonya: Pandangan Melalui Sejarah Lisan	Kajian Asimilasi Budaya Pada Sandal dan Tas Wanita Cina Peranakan
Motif	✓	✓	✓
Warna	✗	✗	✗

Kajian dari	Australia	Australia	Malaysia
Tajuk/ Subjek ----- Kajian yang hampir sama dengan kajian pengkaji	<i>Patterns, Pride and Prejudice: A Comparative Study of Patterns and Motifs Across The Indo-Pasific</i>	<i>Phoenix Rising: Narratives in Nonya Beadwork From the Straits Settlements, 1870 to the Present</i>	Motif dan Warna Dalam Budaya Cina Peranakan: Kajian Kes ke atas Kasut Manik Cina Peranakan (kajian pengkaji)
Motif	✓	✓	✓
Warna	✗	✓	✓

Jadual 5.1: Jurang analisa kajian-kajian lepas. Kedua-dua jadual di atas menunjukkan jurang analisa bagi kajian-kajian yang lepas yang diperolehi dari segi motif dan warna.

Setelah penelitian dibuat terhadap kesemua kajian-kajian yang dipilih bagi mengetahui jurang analisis kajian-kajian lepas, pengkaji melihat kesemua kajian yang telah dinyatakan mempunyai perbezaan yang tersendiri. Kajian ini mempunyai sisi kelainannya kerana kajian ini memfokuskan kepada motif dan warna ke atas kasut manik tradisional Cina Peranakan. Motif kajian ini juga akan dianalisis menggunakan kaedah penganalisan teori seni visual yang tidak dinyatakan dalam kajian-kajian lepas itu. Pengkaji juga melihat motif-motif yang terdapat pada kasut manik Cina Peranakan ini

telah dipengaruhi oleh budaya Cina, Melayu dan British. Hal ini berbeza daripada kajian daripada pengkaji Devanny et al., (2016) bahawa kajian mereka yang memfokuskan kepada motif dari pengaruh Cina, Jawa dan Belanda. Walaupun serumpun, kedua-dua kajian ini tampak mempunyai kelainannya yang tersendiri.

Masyarakat Cina Peranakan sememangnya kaya dengan keindahan dan kecantikan hasil kreativiti kraftangan mereka. Ini dapat dibuktikan dengan kepelbagaian aksesori yang telah dihasilkan mereka seperti kebaya, barang kemas, kasut manik dan sebagainya yang dipenuhi dengan sulaman benang dan manik-manik. Pada awal kedatangan mereka (abad ke-15) di tanah air, sulaman benang merupakan aksesori yang memonopoli suasana di abad masa itu. Selepas itu, pada abad seterusnya berlaku evolusi dalam aktiviti sulaman mereka di mana sulaman manik pula mengambil tempat dalam aksesori masyarakat Cina Peranakan. Itu antara perubahan yang dapat dilihat sepanjang abad dari ke-16 sehingga keabad-19. Begitu juga motif pada aksesori Cina Peranakan. Motif-motif pada awal keabadan Cina Peranakan, masyarakat mereka banyak menggunakan flora dan fauna. Motif-motif flora dan fauna seperti rama-rama, naga, bunga teratai, bunga peoni, phoenix dan sebagainya menjadi keutamaan dan perlambangan bagi masyarakat Cina Peranakan. Sehingga abad ke-18, motif seperti bunga mawar mula menguasai budaya Cina Peranakan disebabkan percampuran diantara dua budaya di mana kebanyakan masyarakat Baba dan Nyonya mula berhijrah ke luar negara bagi mendapatkan pendidikan yang lebih baik. Selepas pulang mereka membawa motif bunga mawar untuk diaplikasikan ke dalam budaya mereka. Jahitan manik merupakan ciri kebudayaan yang unik bagi komuniti Peranakan. Tiada satu pun komuniti di Asia Tenggara yang mengamalkan jahitan manik dan memakai kasut manik berkenaan. Ia juga merupakan kemahiran yang sangat penting untuk dipelajari buat kaum Nyonya muda.

Justeru, walaupun dunia semakin berubah ke arah kehidupan yang serba canggih ini, motif dan warna dalam aksesori budaya Cina Peranakan tetap masih utuh dan terpelihara. Hal ini kerana bagi menjamin keindahan dan kecantikan warisan daripada dikikis oleh arus permodenan. Selain itu juga, dalam abstrak kajian, pengkaji menyatakan kasut manik tradisioanal Cina Peranakan ini telah dikenali di seluruh dunia. Hal ini berikutan mengenai penemuan pengkaji bagi laman sesawang yang terkenal iaitu OMNIA. OMNIA merupakan satu laman sesawang yang mengumpulkan kesemua jenis-jenis kasut yang dianggap bersejarah dari seluruh dunia termasuk kasut manik tradisional Cina Peranakan ini. Berikut merupakan antara contoh gambar-gambar kasut manik yang telah direkodkan.



Gambarajah 5.2: Kasut manik Cina Peranakan dalam laman sesawang OMNIA. Gambar menunjukkan beberapa contoh kasut seret yang terdapat di dalam laman tersebut termasuk deskripsi mengenai kasut berkenaan yang turut memaklumkan ianya berasal dari Melaka. Sumber dari http://www.omnia.ie/index.php?navigation_function=3&europeana_query=Malaysia

RUJUKAN

Rujukan buku:

_____. (n.d.). *The Baba Heritage - Warisan Baba*. (n.d.)

Arthur, K (2009). *Awakening: The Rise of Western Civilization*. USA: Ostara Publications.

Cheah, H. F. (2010). *Phoenix Rising: Narratives in Nyonya Beadwork from The Straits Settlements*. Singapura: NUS Press.

Childs, D. (2005). *Nyonya Kebaya: A Living Art*. Ampang: The Writers' Publishing House Sdn Bhd.

Darke, D (2014). *Eastern Turkey (Second Edition)*. England: Bradt Travel Guides Ltd.

Donald, A. M. (1970). *The Migration of Symbols*. New York: AMS Press.

Ee, R., A. Henkel, D., & Tan, H. (2008). *Peranakan Museum A-Z Guide*. Singapura: Asian Civilisations Museum for the Peranakan Museum.

Farrin, C. (2016). *Symbols in Arts, Religion and Culture: The Soul of Nature*. U.K: Cambridge Scholars Publishing.

Azhar Harun & Nawi Abdullah (2004). *Metodologi Penyelidikan Ekonomi dan Sains Sosial*. Singapura: Thomson Learning.

Harry, T. M. (1942). *Chinese Symbols and Superstitions*. USA: P.D. and Ione Perkins.

Hugo, M. (1986). *Symbolism in Ancient Chinese Art*. New York: Hacker Art Books.

Knapp, R. G. (2012). *The Peranakan Chinese Home: Art and Culture in Daily Life*. Rutland, Vermont: Tuttle Publishing.

Liq, E (1992). *Chinese Numbers*. Singapura: Times Editions Pte Ltd.

Ma, Z. (2007). *Chinese Bird-and-Flower Painting for Beginners*. Beijing, China Foreign Languages Press.

Meng, H. W. (1987). *Straits Chinese Beadwork & Embroidery*. Singapura: Times Books International.

Ong, H. T. (1994). *Secrets of Ancient Chinese Art of Motivation*. PJ, Selangor: Pelanduk Publications (M) Sdn Bhd.

Otto G. O., Robert, E. S., Philip, R. W., Robert, O. B. & David, L. C., (2006). *Art Fundamentals (Tenth Edition)*. New York: Mc Graw Hill.

- Peter, W. (2012). *A Peranakan Legacy: The Heritage of the Straits Chinese*. Singapore: Marshall Cavendish.
- Syed Ahmad Jamal (2007). *Crafts and the Visual Arts*. Kuala Lumpur: Editions Didier Millet.
- Tan, T. J., Ho, W. F. & Tan, J. L. (2005). *The Chinese Malaysian Contribution*. Kuala Lumpur: Centre for Malaysian Chinese Studies.
- Teo, K. S. (2003). *The Peranakan Chinese of Kelantan*. United Kingdom: Asian Academic Press Ltd.
- Wee, B. (n.d.). *The Peranakans of Malacca*. Kuala Lumpur: Purple Productions & PR Consultants (M) Sdn. Bhd.
- Williams, C.A.S. (1976). *Outlines of Chinese Symbolism and Art Motives*. New York: Dover Publications, INC.

Rujukan Buku 'Online':

- Hatib Abdul Kadir Olong (2006). *Tato*. Diambil dari <https://books.google.com.my/books?isbn=9798451619>
- Mohamad Ainuddin Iskandar Lee Abdullah (2014). *Ke Arah Pemupukan Dalam Kepelbagaian Masyarakat 1Malaysia*. Diambil dari <https://books.google.com.my/books?isbn=9674305297>
- Iwet Ramadhan. (2013). *Cerita Batik*. Diambil dari <https://books.google.com.my/books?isbn=6028740322>
- Lim GS, C. (2009). *Gateway To Peranakan Culture*. Diambil dari <https://books.google.com.my/books?isbn=9812299076>
- Leslie, I. (2004). *If You Tame Me: Understanding Our Connection with Animals*. Diambil dari <https://books.google.com.my/books?isbn=1592137911>
- Nik Hasnaa Nik Mahmood (1997). *Orang-orang Cina Di Tanah Melayu*. Diambil dari <https://books.google.com.my/books?isbn=9835200955>
- Rachmatdi, Hatmosrojo & Nyuwan S. Budiana (2003). *Melatih Anjing Penjaga*. Diambil dari <https://books.google.com.my/books?isbn=9794897280>
- Yao, S. T. (2014). *Pendidikan Cina Di Malaysia: Sejarah, Politik dan Gerakan Perjuangan*. Diambil dari <https://books.google.com.my/books?isbn=9838618527>
- Yusammir Yusof (2010). *Akidah Kita Nyawa Kita*. Diambil dari <https://books.google.com.my/books?isbn=9678603551>

Rujukan tesis/disertasi:

- Arba'iyah Ab. Aziz (2010). *Simbolisme dalam Motif-motif Songket Melayu Terengganu*. Akademik Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Cheah, H. F. (2005). *Phoenix Rising: Narratives in Nonya Beadwork from the Straits Settlements, 1870 to the Present*. Diambil dari https://openresearch-repository.anu.edu.au/bitstream/1885/7348/9/02whole_Cheah.pdf
- Cheok Ai Wah, L. (2016). *Patterns, Pride and Prejudice: A Comparative Study of Patterns and Motifs across the Indo-Pacific*. Diambil dari https://api.research-repository.uwa.edu.au/portalfiles/portal/9704183/THESIS_MASTER_BY_RESEARCH_CHEOK_Linda_Ai_Wah_2016.PDF
- Devanny, G. & Octavia, N. (2016). *Kajian Asimilasi Budaya Pada Sandal Dan Tas Wanita Cina Peranakan*. Diambil dari <http://journals.telkomuniversity.ac.id/idealog/article/download/846/629/>
- Nazirah Ismail & Noor Azam Abdul Rahman (2018). *Nilai Peradaban Melayu Dalam Pantun Peranakan Baba*. Sains Insani, 3(3).
- Noor Azam Azmi, Amirul Nizam, Diana Mohamad & Badaruddin Mohamed (2018). Beaded Shoes: The Culture of Baba Nyonya. In SHS Web of Conferences (Vol. 45, p. 02003). EDP Sciences.
- Pue, G. H. (2015). *Perkahwinan Campur dan Fenomena Peranakan di Semenanjung Malaysia*. Diambil dari https://www.researchgate.net/publication/317228777_Perkahwinan_campur_dan_fenomena_Peranakan_di_Semenanjung_Malaysia
- Syaimak Ismail, Abdullah Yusof & Ahmad Zaki Berahim@Ibrahim (n.d.). *Motif dan Hiasan Cina dalam Dekorasi Dalaman Masjid. Kajian Terhadap Masjid Tua di Melaka Pada Awal Abad Ke-18*. Diambil dari https://umexpert.um.edu.my/file/publication/00002707_91920.pdf
- Soh, C. Y. (n.d.). *Nyonya Beadwork: A Medium of Aesthetic Exploration in Contemporary Peranakan Culture*. Diambil dari <http://meetagain.se/papers/eight/choiyinsoh.pdf>
- Sohaimi Zakaria, Norzahira Ramli & Nurul Syafiqah Nor Azmi (2017). *Pengalaman Mewarisi Pengetahuan dan Kemahiran Seni Kasut Manik Baba Nyonya: Pandangan Melalui Sejarah Lisan*. Jurnal Peradaban, Jil. 10, 1.15 (2017). Diambil dari <https://ejournal.um.edu.my/index.php/ADAB/article/view/10162/7208>
- Yong, W. C., Ruzaika Omar Basaree & Rafeah Legino (2015). *Cultural and Intrinsic Value of Ornamental Tiles on the Facade of Traditional Straits Chinese Shophouses in Malaysia*. In Proceedings of the International Symposium on Research of Arts, Design and Humanities (ISRADH 2014). Springer, Singapore.

Rujukan surat khabar:

Mohamad Athir Ismail (2014, Disember 20). *Keunikan Baba Nyonya Melaka*. Utusan Malaysia.

Rujukan 'google':

_____. (n.d.). *Book Tour Baba and Nyonya House Museum*. Diambil dari <http://babanyonyamuseum.com/wp-content/uploads/English.pdf>

_____. (n.d.). *OMNIA*. Diambil dari http://www.omnia.ie/index.php?navigation_function=3&europeana_query=Malaysia

_____. (n.d.). *Wikipedia*. Diambil dari <https://ms.wikipedia.org/wiki/Melayu>

_____. (2011). *The Peranakan (Isu 4)*. Diambil dari https://www.peranakan.org.sg/magazine/2011/2011_Issue_4.pdf

Artble (n.d.). *The Arnolfini Portrait*. Diambil dari http://www.artble.com/artists/jan_van_eyck/paintings/the_arnolfini_portrait#story_theme

Azli Ahad (2014). *Melaka Tapak Warisan Terunggul*. Diambil dari http://www1.utusan.com.my/utusan/Rencana/20140707/re_07/Melaka-tapak-warisan-terunggul

Blay, P. (n.d.). *100 Years of South East Asian Nonya Embroidery*. Diambil dari <https://www.beadinggem.com/2015/03/100-years-of-south-east-asian-nonya.html>

Hassan Mohd Ghazali (n.d.). *Cara Menulis Bibliografi*. Diambil dari <https://www.slideshare.net/IlaAli1/cara-penulisanbibliografi-apa-style>

RMIT University (n.d.). *APA Referencing*. Diambil dari <https://emedia.rmit.edu.au/learninglab/content/apa-referencing>

Siti Zuraida Maaruf (n.d.). *Sulaman tekat*. Diambil dari <https://www.slideshare.net/mrsnazlan/modul-2-seni-tekat>

Temubual responden kajian:

Bonny Wee. (2015, November 8). *Motif dan Warna Kasut Manik Cina Peranakan* [Temubual]

K. Nadarajan Raja (2015, November 7). *Sejarah Cina Peranakan dan Kasut Manik Chitty Peranakan* [Temubual]

Maszni Abdul Aziz. (2015). *Kasut Manik Cina Peranakan* [Temubual]

Nathan. (2015). (*n.d.*) [Pemerhatian]

Raymond Yeo. (2015). *Kasut Manik Cina Peranakan* [Temubual]

Rosidah Abdullah. (2015, Oktober 15). (*n.d.*) [Pemerhatian]

Susan Hau Fong Lian (Susan Lim). (2015, November 8). *Motif dan Warna Kasut Manik Cina Peranakan* [Temubual]

Tan Lian Kim (Bert Tan). (2015, November 7). *Sejarah Cina Peranakan dan Motif Dalam Budaya Cina Peranakan* [Temubual]

University of Malaya